JUZU' KE-15

SURAH AL-ISRA'

سُورَةُ الإِسْرَاءِ

SURAH KE **17**

SURAH AL-ISRA'

Surah Isra'

(Makkiyah)

Kecuali Ayat 26, 32, 33, 57, 73 – 80 Madaniyah

JUMLAH AYAT **111**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 21)

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾

وَءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾

ذُرِّيَّةَ مَنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَبْدًا شَكُورًا ﴿٣﴾

وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَّنَآ أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُوا۟ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِ ۚ وَكَانَ وَعْدًا مَّفْعُولًا ﴿٥﴾

ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾

إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ لِيَسُۥٓـُٔوا۟ وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا۟ ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا۟ مَا عَلَوْا۟ تَتْبِيرًا ﴿٧﴾

عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يَرْحَمَكُمْ ۚ وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا ۘ وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

وَأَنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat(1). Dan Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan Kami jadikannya hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Janganlah kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku(2). (Wahai) zuriat orang-orang yang telah Kami bawakan mereka bersama Nuh (dalam bahteranya), sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur(3). Dan Kami telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab (Taurat) (bahawa sesungguhnya kamu) akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali dan melakukan kezaliman yang amat besar(4). Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang pertama dari keduanya Kami datangkan hamba-hamba Kami yang gagah perkasa dan bengis menyerang kamu lalu mereka menggelidah rumah-rumah kamu. Dan sesungguhnya peristiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana(5). Kemudian Kami memberi giliran kepada kamu menyerang dan mengalahkan mereka, dan Kami telah membantu kamu dengan harta kekayaan yang banyak dan anak-anak yang ramai dan Kami jadikan kamu lebih ramai bilangannya (dari musuh kamu)(6). Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik kepada diri kamu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, maka akibatnya menimpa diri kamu sendiri juga. Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama dan supaya mereka menghancurleburkan apa sahaja yang dikuasai mereka(7). Semoga Tuhan kamu melimpahkan rahmat-Nya ke atas kamu, dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu), dan Kami telah menjadikan Neraka Jahannam itu penjara kepada orang-orang yang kafir(8). Sesungguhnya Al-Qur'an ini

memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang amat besar(9). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat telah Kami sediakan untuk mereka 'azab yang amat pedih"(10).

وَيَدْعُ ٱلْإِنسَٰنُ بِٱلشَّرِّ دُعَآءَهُۥ بِٱلْخَيْرِ ۖ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ عَجُولًا ﴿١١﴾

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ءَايَتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَآ ءَايَةَ ٱلَّيْلِ وَجَعَلْنَآ ءَايَةَ ٱلنَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

وَكُلَّ إِنسَٰنٍ أَلْزَمْنَٰهُ طَٰٓئِرَهُۥ فِى عُنُقِهِۦ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ كِتَٰبًا يَلْقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾

ٱقْرَأْ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ ٱلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾

مَّنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ ٱلْقُرُونِ مِنۢ بَعْدِ نُوحٍ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿١٧﴾

مَّن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُۥ فِيهَا مَا نَشَآءُ لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُۥ جَهَنَّمَ يَصْلَىٰهَا مَذْمُومًا مَّدْحُورًا ﴿١٨﴾

وَمَنْ أَرَادَ ٱلْءَاخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾

كُلًّا نُّمِدُّ هَٰٓؤُلَآءِ وَهَٰٓؤُلَآءِ مِنْ عَطَآءِ رَبِّكَ ۚ وَمَا كَانَ عَطَآءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ﴿٢٠﴾

ٱنظُرْ كَيْفَ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ وَلَلْءَاخِرَةُ أَكْبَرُ دَرَجَٰتٍ وَأَكْبَرُ تَفْضِيلًا ﴿٢١﴾

"Dan (ketika putus asa) manusia berdo'a memohon malapetaka sama seperti dia berdo'a memohon kebaikan, dan sesungguhnya manusia itu bersifat amat gopoh(11). Dan Kami telah jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami hapuskan tanda malam (yang gelap) dan Kami jadikan tanda siang terang benderang supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab, dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci(12). Setiap orang manusia Kami lekatkan di lehernya kalung amalannya masing-masing. Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya buku (laporan amalan) yang akan didapatinya terbuka (untuk dibacakan nya)(13). Bacalah buku laporan amalanmu (ini) cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu sendiri(14). Barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima kebaikan hidayat itu untuk dirinya sendiri, dan barang siapa yang sesat, maka sesungguhnya dia menerima akibat kesesatan itu ke atas dirinya sendiri juga. Dan seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain, dan Kami tidak akan mengenakan 'azab sehingga Kami mengutuskan rasul(15). Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami (lebih dahulu) perintahkan golongan penduduknya yang mewah (supaya menta'ati Allah) lalu mereka terus melakukan kefasiqan di sana, maka kerana itu wajarlah keputusan 'azab dijatuhkan ke atas negeri itu lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya(16). Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sesudah Nuh dan cukuplah (wahai Muhammad) Tuhanmu sendiri mengetahui dan melihat dosa-dosa sekalian hamba-Nya(17). Siapa yang mahukan (keni'matan) dunia (sahaja), Kami akan segerakan (pemberian) Kami kepadanya di dunia ini segala keni'matan yang Kami kehendaki kepada orang yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan untuknya Neraka Jahannam yang akan dimasukinya dalam keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah(18). Dan sesiapa yang mahukan (keni'matan) Akhirat dan berusaha untuknya dengan usahanya (yang wajar), sedangkan dia beriman, maka orang-orang yang sedemikian usaha-usaha mereka tetap akan disyukuri (19). Setiap golongan itu dan golongan ini Kami hulurkan kepada mereka rezeki dari pemberian Tuhanmu. Dan pemberian Tuhanmu itu (selama-lamanya) tidak pernah tersekat(20). Lihatlah (di dunia) bagaimana Kami telah melebihkan setengah mereka dari setengah yang lain, dan demi sesungguhnya (pengurniaan) di Akhirat kelak lebih tinggi (perbezaan) darjat-darjatnya dan lebih besar (perbezaan) keutamaan-keutamaannya"(21).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah al-Isra' ini ialah Surah Makkiyah. Ia dimulai dengan ucapan tasbih dan diakhiri dengan ucapan tahmid. Ia merangkuli berbagai-bagai maudhu' dan kebanyakannya mengenai persoalan 'aqidah dan setengah-setengahnya mengenai persoalan dasar-dasar suluk atau perilaku individu dan kelompok serta peradaban-peradabannya yang berlandaskan 'aqidah, di samping memuatkan sebahagian kecil kisah-kisah

Bani Israel yang ada kaitan dengan al-Masjidil-Aqsa yang menjadi tempat destinasi Isra' serta sedikit kisah Adam dengan iblis dan penghormatan Allah kepada makhluk insan.

Tetapi yang menjadi unsur yang menonjol dalam surah ini dan yang menjadi paksi maudhu'-maudhu' pembicaraannya yang amat penting ialah peribadi Rasulullah s.a.w. dan sikap kaum Musyrikin di Makkah terhadap beliau, iaitu persoalan Al-Qur'an yang dibawa beliau, persoalan tabi'at Al-Qur'an dan matlamat-matlamatnya yang mahu dipimpin kepadanya, juga sambutan kaum Musyrikin terhadapnya. Sehubungan dengan pembicaraan-pembicaraan ini ia menanggung persoalan tabi'at risalah dan para rasul di samping memperkatakan tentang keistimewaan risalah Muhammad yang mempunyai ciri yang berlainan dari ciri-ciri mu'jizat fizikal dan akibat-akibatnya yang membinasakan orang-orang yang mendustakannya. Seterusnya ia juga menyentuh tentang persoalan penetapan dasar tanggung-jawab individu terhadap hidayat dan kesesatan 'aqidah dan dasar tanggungjawab kelompok terhadap perilaku amali di dalam lingkungan masyarakat. Semua tanggungjawab ini dikenakan keatas mereka selepas Allah menerangkan alasan-Nya kepada manusia dengan mengutuskan para rasul-Nya kepada mereka untuk menyampaikan berita gembira, amaran dan peringatan, penjelasan dan perincian:

وَكُلَّ شَىْءٍ فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan segala sesuatu telah Kami jelaskan dengan terperinci."(12)

Di dalam penjelasan surah ini berulang-ulang kali disebut pernyataan mentanzih dan mentasbihkan Allah serta memuji dan mensyukuri ni'mat-ni'mat-Nya. Pada permulaan surah disebut:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa."(1)

Dan ketika menyuruh Bani Israel supaya mentauhidkan Allah, ia menyebut sejarah mereka yang berasal dari zuriat keturunan orang-orang yang beriman yang ada bersama Nuh:

إِنَّهُۥ كَانَ عَبْدًا شَكُورًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur."(3)

Dan ketika menyebut dakwaan-dakwaan kaum Musyrikin tentang tuhan-tuhan palsu ia iringi dengan ucapannya:

سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَقُولُونَ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤٣﴾

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tingginya dari kekarutan yang dikatakan mereka(43). Tujuh langit dan bumi serta sekalian penghuninya sentiasa bertasbih kepada Allah dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka."(44)

Dan ketika menceritakan tentang perkataan setengah-setengah Ahlil-Kitab apabila dibicarakan Al-Qur'an kepada mereka:

وَيَقُولُونَ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾

"Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu tetap terlaksana."(108)

Dan surah ini ditamatkan dengan ayat:

وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى ٱلْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ وَلِىٌّ مِّنَ ٱلذُّلِّ ۖ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًۢا ﴿١١١﴾

"Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindunginya dari kehinaan, dan hendaklah engkau agungkan-Nya dengan sebesar-besar-Nya."(111)

Dalam berbagai-bagai maudhu' pembicaraan di sekitar paksi yang tunggal, yang telah kami terangkan itu, ayat-ayat surah ini membuat pengolahannya dalam empat pusingan yang berturut-turut.

Pusingan pertama dimulai dengan menyebut peristiwa Isra':

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya"(1)

serta mendedahkan hikmat Isra':

لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ

"Agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami."(1)

Sesuai dengan menyebut al-Masjidil-Aqsa, ia menyebut pula tentang kitab Taurat yang dikurniakan kepada Musa, di mana telah diberitakan bahawa Bani Israel akan menerima malapetaka, kebinasaan dan pengusiran sebanyak dua kali kerana kezaliman-kezaliman dan kerosakan-kerosakan yang telah

dilakukan mereka serta menyampaikan amaran bahawa mereka akan terus menerima malapetaka itu bagi kali yang ketiga dan yang keempat:

وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا

"Dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu)."(8)

Kemudian dijelaskan bahawa kitab suci yang terakhir, iaitu Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan yang amat lurus, sementara tabi'at manusia pula selalu gopoh dan terburu-buru tidak dapat mengawal emosi-emosinya. Seterusnya dijelaskan dasar tanggungjawab individu dalam urusan hidayat dan kesesatan, juga dasar tanggungjawab kelompok dalam urusan tingkahlaku-tingkahlaku atau suluk.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan dasar tauhid untuk ditegakkan seluruh binaan kemasyarakatan, peradaban-peradaban dan perilaku. Semuanya diikatkan kepada paksi tauhid, di mana binaan kehidupan tidak dapat ditegakkan melainkan di atas landasannya.

Dalam pusingan yang ketiga ia memperkatakan tentang kepercayaan-kepercayaan paganisme jahiliyah yang karut yang menghubungkan anak-anak perempuan dan sekutu-sekutu kepada Allah, juga tentang isu kebangkitan semula dan pendapat kaum Musyrikin yang memustahilkannya, juga tentang sambutan mereka terhadap Al-Qur'an dan tohmah-tohmah mereka terhadap Rasulullah s.a.w., sambil menyuruh orang-orang yang beriman supaya mengeluarkan perkataan yang baik dan bercakap dengan adab cara yang sebaik-baiknya.

Di dalam pusingan yang keempat ia menerangkan sebab mengapa Allah tidak mengutus Nabi Muhammad s.a.w. dengan membawa mu'jizat-mu'jizat fizikal iaitu mu'jizat-mu'jizat yang telah didustakan oleh umat-umat yang dahulu yang menyebabkan mereka wajar dibinasakan mengikut Sunnatullah. Di samping itu ia memperkatakan tentang pendirian kaum Musyrikin yang telah mendustakan pemandangan-pemandangan yang dilihat oleh Rasulullah (pada malam Isra') dan tindak-tanduk mereka yang melampau, dan di dalam penjelasan ini dibawa sekelumit kisah Iblis yang telah membuat perisytiharan bahawa dia akan terus memerangi zuriat keturunan Adam. Pembentangan kisah ini seolah-olah bertujuan menerangkan faktor-faktor kesesatan yang diperlihatkan oleh kaum Musyrikin, kemudian diiringi dengan amaran kepada manusia supaya takut kepada 'azab Allah serta mengingatkan mereka kepada ni'mat Allah yang telah memuliakan makhluk insan, juga mengingatkan mereka kepada akibat-akibat yang menunggu orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang derhaka pada hari Qiamat kelak, iaitu hari setiap umat akan dipanggil bersama pemimpin mereka masing-masing:

فَمَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَٰبَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧١﴾

"Oleh itu barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya di tangan kanannya, maka merekalah yang dapat membaca buku laporan amalan mereka (dengan gembira) dan mereka tidak akan dianiayai seurat benang pun."(71)

وَمَن كَانَ فِى هَٰذِهِۦٓ أَعْمَىٰ فَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ أَعْمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٧٢﴾

"Barang siapa di dunia ini buta, maka di Akhirat kelak ia lebih buta lagi dan lebih sesat jalannya."(72)

Pusingan yang akhir ini juga memperkatakan tentang tipu daya kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan percubaan mereka memfitnahkan beliau mengenai ayat-ayat yang diturunkan kepada beliau, juga percubaan mereka untuk mengusir beliau dari negeri Makkah. Andainya mereka bertindak mengusir beliau secara paksa - bukannya beliau sendiri keluar berhijrah dengan perintah Allah - tentulah mereka akan ditimpa kebinasaan yang telah menimpa negeri-negeri yang lain sebelum mereka apabila penduduk-penduduknya mengusir rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka atau membunuh mereka. Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya meneruskan perjuangannya, membaca Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya, mengerjakan solatnya dan berdo'a kepada Allah supaya masuk dan keluarnya di dalam segala perjuangannya adalah benar belaka. Pusingan ini juga mengumumkan kedatangan kebenaran dan kehapusan kebatilan kemudian diiringi dengan pernyataan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang mahu difitnahkan kaum Musyrikin itu adalah sebenarnya penawar dan sumber hidayat kepada orang-orang yang beriman. Manusia hanya mempunyai sekelumit ilmu pengetahuan sahaja:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja."(85)

Ia juga meneruskan pembicaraannya mengenai Al-Qur'an dan unsur-unsur mu'jizatnya yang melemahkan manusia, sedangkan kaum Musyrikin menuntut mu'jizat-mu'jizat fizikal dan menuntut diturunkan malaikat-malaikat serta menyaran agar Rasulullah s.a.w. itu dikurniakan Allah rumah yang berhias indah atau sebuah ladang kurma dan anggur yang dialirkan di celahnya anak-anak sungai yang penuh dengan air, atau agar beliau mengeluarkan untuk mereka matair dari bumi, atau beliau naik sendiri ke langit kemudian membawa bersamanya sebuah kitab yang berbentuk fizikal yang dapat mereka bacakannya dan lain-lain saranan lagi yang direncanakan oleh tabi'at kedegilan semata-mata bukannya bertujuan mencari hidayat dan keyakinan. Semua saranan itu ditolak kerana ia terkeluar dari bidang tugas seorang rasul dan terkeluar dari tabi'at

risalah, kemudian Al-Qur'an, menyerah urusan itu kepada Allah. Seterusnya Al-Qur'an mengecam orang-orang yang mengemukakan saranan-saranan itu dan menyatakan andainya mereka memiliki khazanah-khazanah rahmat Allah yang amat luas dan tak kunjung habis itu, nescaya mereka tahankan semua khazanah itu kerana takut kehabisan dibelanja. Sebenarnya cukuplah kepada mereka menyedari bahawa alam buana dan seluruh isi kandungannya adalah bertasbih kepada Allah belaka dan bahawa mu'jizat-mu'jizat fizikal telah pun ditunjukkan oleh Nabi Musa a.s. sebelum ini, namun mu'jizat itu tidak juga dapat membawa orang-orang yang degil itu kepada keimanan. Mereka telah mencabar beliau dari merata pelosok negeri Mesir lalu Allah menimpa 'azab kebinasaan ke atas mereka.

Surah ini diakhiri dengan pembicaraan mengenai Al-Qur'an dan kebenarannya yang semulajadi. Ia diturunkan secara beransur-ansur supaya Rasulullah s.a.w. dapat membaca kepada kaum di zaman itu dalam masa yang panjang sesuai dengan keadaan-keadaan yang memerlukannya dan supaya mereka dapat menghayati pengaruhnya dan menerimanya dengan penerimaan yang dinamis, penerimaan yang berpijak di alam kenyataan dan penerimaan yang amali. Al-Qur'an telah diterima oleh orang-orang yang telah dikurniakan ilmu sebelum itu dengan penuh khusyu' dan terharu hingga kepada tahap menangis dan sujud. Kemudian surah ini ditamatkan dengan ucapan kepujian:

"Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindunginya dari kehinaan, dan hendaklah engkau agungkan-Nya dengan sebesar-besar-Nya"(111)

sebagaimana surah ini dimulakan dengan ucapan tasbih dan tanzih.

* * * * * *

Peristiwa Isra' Mi'raj

Kisah Isra' termasuk juga kisah Mi'raj kerana kedua-dua peristiwa itu telah berlaku pada malam yang sama. Perjalanan Isra' ialah dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa di Baitul-Maqdis, dan perjalanan Mi'raj ialah dari Baitul-Maqdis kepada langit-langit yang tinggi dan Sidratul Muntaha, iaitu alam ghaib yang tidak diketahui oleh kita. Kisah Isra' dan Mi'raj telah diceritakan oleh berbagai-bagai riwayat. Banyak perdebatan telah berlaku di sekitar riwayat-riwayat ini dan sehingga hari ini perdebatan itu masih lagi berlarutan.

Perselisihan pendapat telah berlaku dalam menentukan tempat yang menjadi titik tolak perjalanan Isra' itu. Satu pendapat mengatakan tempat itu ialah al-Masjidil-Haram itu sendiri dan inilah pendapat yang jelas, kerana menurut satu riwayat dari Nabi s.a.w. telah menceritakan begini: "Ketika aku berada di al-Masjidil-Haram di Hijr (Ismail) berhampiran Baitullah di antara tidur dan jaga tiba-tiba Jibril a.s. datang kepada aku membawa Buraq. " Dan satu pendapat yang lain mengatakan bahawa beliau telah diisra'kan dari rumah Ummu Hani' binti Abu Talib, dan yang dimaksudkan dengan al-Masjidil-Haram (di dalam Al-Qur'an) ialah kawasan tanah haram kerana ia merangkumi masjid dan berkait rapat dengannya. Menurut ibn 'Abbas: "Kawasan tanah haram semuanya masjid".

Telah diriwayatkan bahawa beliau sedang tidur di rumah Ummu Hani' selepas sembahyang Isyak lalu beliau diIsra'kan dan balik pada malam itu juga, dan beliau telah menceritakan kisah Isra' itu kepada Ummu Hani' dan bersabda: "Para Anbia' telah bertemu dengan aku dan aku bersembahyang mengimamkan mereka." Kemudian beliau bangun hendak keluar ke masjid, lalu Ummu Hani' memegang bajunya dan beliau terus bertanya: "Mengapa?" Jawab Ummu Hani': "Aku takut kaummu akan mendustakanmu jika engkau ceritakan hal ini kepada mereka." Jawab beliau: "(Aku tetap keluar) walaupun mereka dustakan aku." Kemudian beliau terus keluar ke masjid dan di sana beliau ditemui Abu Jahl, lalu beliau menceritakan kepadanya kisah perjalanan Isra'nya. Abu Jahl pun (mendapatkan orang ramai) dan berseru: "Wahai sekalian Bani K'ab ibn Lu'ay! Marilah ke sini." Lalu dia menceritakan kepada mereka (apa yang telah diceritakan oleh Nabi s.a.w. kepadanya). Di antara mereka ada bertepuk-tepuk tangan dan ada pula yang meletakkan tangan di atas kepalanya kerana hairan dan tidak percaya, banyak di antara orang-orang yang telah beriman kepada beliau kembali murtad, dan beberapa orang telah pergi menemui Abu Bakr r.a. (dan menceritakan hal ini kepadanya), lalu dia pun bertanya: "Betulkah beliau berkata begitu?" Jawab mereka "Ya". Lalu dia pun berkata: " Aku akui. Jika beliau berkata begitu beliau adalah bercakap benar". Mereka terus mendesak: "Apakah engkau percaya ceritanya bahawa dia telah pergi ke negeri Syam dalam satu malam sahaja kemudian pulang ke Makkah sebelum menjelang waktu pagi?" Jawab Abu Bakr: "Ya. Aku percayakan beliau lebih dari itu lagi iaitu aku telah percaya bahawa beliau membawa wahyu dari langit (Allah)." Oleh sebab inilah Abu Bakr digelarkan as-Siddiq (orang yang sangat percaya). Oleh kerana di antara mereka ada orang-orang yang telah pergi ke Baitul-Maqdis, mereka telah meminta kepada beliau supaya menceritakan kepada mereka rupa bentuk masjid, lalu dijelmakan masjid itu kepada beliau, dan beliau pun melihat kepadanya dan terus menceritakan rupa bentuknya kepada mereka. Lalu mereka berkata: "Tentang rupa bentuk masjid itu memang dia dapat menceritakannya dengan betul". Oleh itu mereka pun berkata: "Baiklah! Ceritakan kepada kami tentang angkatan-angkatan kafilah unta kami". Lalu beliau menceritakan kepada mereka bilangan unta dalam

kafilah-kafilah itu dan keadaan-keadaannya masing-masing kemudian bersabda: "Pada hari anu akan tiba satu kafilah ketika matahari terbit dan akan didahului oleh unta berwarna kelabu." Lalu mereka pun segera keluar pada hari itu menuju ath-Thaniyah untuk menunggu ketibaan kafilah itu. Seorang dari mereka telah berkata: "Demi Allah matahari telah terbit." Kemudian seorang yang lain pula berkata: "Demi Allah, itu dia kafilah! Ia telah sampai didahului oleh unta yang berwarna kelabu tepat seperti yang telah dikatakan oleh Muhammad." Tetapi mereka tidak juga beriman. Pada malam yang sama beliau telah diMi'rajkan ke langit dari Baitul-Maqdis.

Perselisihan pendapat juga telah berlaku sama ada Isra' itu berlaku dalam waktu jaga atau dalam masa tidur. Daripada 'Aisyah r.a. katanya: "Demi Allah, jasad Rasulullah s.a.w. tidak hilang, tetapi beliau telah diMi'rajkan dengan rohnya." Menurut al-Hassan, Isra' itu berlaku dalam masa tidur dalam bentuk mimpi-mimpi yang dilihat olehnya. Di dalam riwayat-riwayat yang lain, Isra' itu dilakukan dengan roh dan jasadnya sekali dan tempat tidur Rasulullah s.a.w. belum pun sejuk (masih hangat) ketika beliau pulang.

Pendapat yang rajih daripada riwayat-riwayat yang banyak itu ialah Rasulullah s.a.w. telah meninggalkan tempat tidurnya di rumah Ummu Hani' menuju ke al-Masjidil-Haram, dan apabila beliau berada di Hijr (Ismail) berhampiran Baitullah di antara tidur dan jaga beliau di Isra' dan Mi'rajkan kemudian pulang semula ke tempat tidurnya sebelum ia sejuk.

Tetapi pada hemat kami adalah tidak wajar diberi tempat kepada perdebatan-perdebatan yang berlarutan yang telah timbul di zaman dahulu dan terus timbul di zaman kebelakangan mengenai hakikat peristiwa Isra' Mi'raj yang telah dipastikan berlaku dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. itu, kerana jarak di antara Isra' Mi'raj dengan roh atau dengan jasad, atau jarak di antara melihat dalam masa tidur atau melihat dalam masa jaga adalah jarak yang tidak jauh. Ia tidak sedikit pun menjejaskan hakikat peristiwa ini sebagai satu peristiwa yang telah mendedah dan membuka kepada Rasulullah s.a.w. tempat-tempat yang jauh-jauh dan alam-alam yang amat jauh dalam masa yang sekilas pendek sahaja. Orang-orang yang memahami sesuatu dari hakikat qudrat Ilahi dan hakikat nubuwwah tidak sedikit pun memandang ganjil kepada peristiwa itu. Segala kerja yang kelihatan berbeza-beza dari segi mudah dan payah pada pandangan manusia mengikut ukuran qudrat dan pemikiran mereka atau mengikut apa yang dibiasa dan difikirkan mereka adalah sama sahaja di hadapan qudrat Ilahi. Sesuatu kebiasaan yang dilihat di alam manusia itu tidak boleh dijadikan hukum dalam penilaian segala perkara dibandingkan kepada qudrat Allah. Hakikat nubuwwah pula ialah perhubungan dengan al-Mala'ul-A'la, iaitu perhubungan yang bukan menjadi ukuran atau kebiasaan kepada insan-insan yang lain (daripada para rasul). Kebolehan menjelma di tempat yang jauh atau di alam yang jauh atau kebolehan sampai di tempat yang jauh dengan wasilah yang diketahui umum atau dengan wasilah yang tidak diketahui umum bukanlah merupakan sesuatu perkara yang lebih pelik daripada perhubungan dengan alam al-Mala'ul-A'la dan menerima wahyu darinya. Abu Bakr r.a. telah berkata benar apabila dia memulangkan perkara yang dirasakan pelik dan ganjil oleh kaum Musyrikin kepada hakikatnya yang mudah dan biasa dengan katanya: "Aku percayakan beliau lebih dari itu lagi, iaitu aku telah percaya bahawa beliau membawa wahyu dari langit (Allah)!"

Di antara perkara yang menarik perhatian sehubungan dengan peristiwa ini, yang mana kebenarannya ternyata kepada kaum Musyrikin dengan bukti fizikal yang dipinta mereka, iaitu bukti kafilah (dalam perjalanan balik ke Makkah) dan sifat-sifatnya, ialah Rasulullah s.a.w. tidak mendengar nasihat Ummu Hani' yang menyatakan kebimbangannya bahawa beliau akan didustakan oleh kaum Musyrikin kerana peristiwa itu sangat ganjil. Kepercayaan Rasulullah s.a.w. kepada kebenaran yang dibawa olehnya dan kebenaran yang berlaku kepadanya membuat beliau sanggup menceritakan nya kepada mereka dengan terus-terang tanpa mempedulikan apa sahaja pendapat mereka terhadap dirinya. Setengah mereka telah bertindak keluar dari Islam dan setengah pula menggunakan peristiwa itu sebagai bahan ejekan dan menanamkan keraguan, tetapi semuanya itu tidak dapat mematahkan keazaman Rasulullah s.a.w. untuk mengumumkan secara lantang kebenaran yang dipercayainya. Ini adalah menjadi contoh teladan kepada para penda'wah agar sanggup menerangkan da'wah yang benar itu dengan berterus-terang tanpa menaruh kebimbangan terhadap kesannya di dalam hati manusia, tanpa mengampu-ampu untuk mengambil hati mereka dan tanpa berusaha mencari titik-titik kerelaan dan kesukaan mereka apabila bertentangan dengan kalimat kebenaran yang hendak dikemukakan kepada mereka.

Satu perkara lagi yang menarik perhatian ialah Rasulullah s.a.w. tidak mengguna peristiwa ini sebagai mu'jizat untuk membenarkan kerasulannya sedangkan kaum Musyrikin, mendesak beliau supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat - dan kini sekurang-kurangnya telah terbukti kepada mereka kebenaran peristiwa Isra' itu. Ini disebabkan kerana da'wah Islam tidak bergantung kepada mu'jizat-mu'jizat, malah bergantung kepada tabi'at da'wah dan kepada cara da'wah itu sendiri yang diambil dari fitrah manusia yang lurus, yang sesuai dengan daya-daya pemikiran mereka setelah ia dibetulkannya. Pengumuman peristiwa ini yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dengan terus-terang itu bukanlah terbit kerana beliau berpegang kepadanya untuk membuktikan sesuatu dari kerasulannya, malah ia merupakan pengumuman hakikat yang diyakini benar oleh beliau, iaitu pengumuman semata-mata kerana ianya benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Sekarang marilah kita mempelajari pelajaran yang pertama dengan terperinci:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(1)

Surah ini memulakan dengan ucapan tasbih yang merupakan satu harakat jiwa yang paling sesuai dengan suasana Isra' yang amat halus, juga merupakan satu hubungan yang paling sesuai di antara hamba dengan Allah di ufuk yang gemilang itu.

Ayat ini menyebut sifat 'Ubudiyah:

أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ

"Membawa hambanya berjalan"(1)

Maqam Uluhiyah Dan Maqam 'Ubudiyah

untuk memantap dan menekankan sifat 'Ubudiyah itu di maqam Isra' dan Mi'raj kepada darjat-darjat yang amat tinggi yang tidak pernah dicapai oleh mana-mana manusia. Tujuannya supaya sifat 'Ubudiyah itu tidak dilupai dan supaya maqam 'Ubudiyah itu tidak terkeliru dengan maqam Uluhiyah sebagaimana kekeliruan di antara dua maqam itu telah berlaku dalam 'aqidah-'aqidah Kristian selepas Isa a.s. dengan sebab-sebab yang menyelubungi suasana kelahiran dan kewafatan beliau, juga dengan sebab-sebab beberapa mu'jizat yang dikurniakan kepada beliau, lalu digunakan oleh setengah-setengah penganut Kristian sebagai sebab untuk mencampuradukkan di antara maqam 'Ubudiyah dengan maqam Uluhiyah. Dengan demikian 'aqidah Islam dapat mengekalkan sifatnya yang bersahaja, mudah, jelas dan dapat membersihkan zat Allah dari segala kekeliruan syirik atau penyerupaan dengan makhluk sama ada dari dekat atau dari jauh.

Kata-kata "Isra'" bererti perjalanan di waktu malam. Kata-kata "أسرى" itu sendiri membawa makna masa perjalanan di waktu malam tanpa perlu disebutkan lagi waktu malam, tetapi ayat ini menyebut waktu malam itu:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا

"Maha Sucilah Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada hari malam"(1)

untuk memberi bayangan dan gambaran mengikut cara penjelasan Al-Qur'anul-Karim. Di sini ia menyorotkan bayangan waktu malam yang tenang dan menyelubungi jiwa dengan suasananya yang lembut ketika meni'mati dan mengikuti harakat perjalanan Isra' yang amat seni itu.

Perjalanan dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa itu adalah satu perjalanan yang telah dipilih Allah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya. Perjalanan itu merupakan tali penghubung yang menghubungkan di antara 'aqidah-'aqidah tauhid yang besar dari sejak Ibrahim dan Ismail a.s. sehingga kepada Muhammad penamat para Anbia' s.a.w., juga menghubungkan di antara tempat-tempat suci bagi seluruh agama tauhid. Perjalanan yang amat menarik ini seolah bertujuan untuk mengisytiharkan bahawa Rasul yang terakhir inilah yang mewarisi kepercayaan-kepercayaan suci para rasul sebelumnya dan bahawa agama yang dibawa oleh beliau adalah mencakupi segala kepercayaan-kepercayaan suci itu dan berhubung rapat dengannya. Ia adalah satu perjalanan yang melambangkan sejauh-jauh lebih dari batas-batas zaman dan tempat. Ia merangkumi waktu-waktu dan ufuk-ufuk yang lebih luas dari seluruh zaman dan tempat. Ia mengandungi konsep-konsep yang lebih besar dari konsep-konsep dekat yang dapat dilihat pada pandangan pertama.

Al-Qur'an menyebut al-Masjidil-Aqsa dengan sifat:

"Yang telah Kami berkati sekelilingnya"(1)

Iaitu satu sifat yang menggambarkan keberkatan yang mengelilingi dan melimpah ke atas masjid itu. Ini adalah satu bayangan pengertian yang tidak dapat disampaikan oleh ungkapan secara langsung yang lain seperti yang disampaikan oleh kata-kata "**بركناه**" atau "**بركنا فيه**" (Kami berkatinya) atau (Kami berkati padanya). Itulah di antara ciri-ciri kehalusan pengungkapan Al-Qur'an yang mengkagumkan itu.

Isra' merupakan satu bukti (kekuasaan) Allah yang ditemani oleh berbagai-bagai bukti (kekuasaan) Allah yang lain:

Rahsia-rahsia Di Sebalik Isra' Dan Mi'raj

لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ

"Agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami."(1)

Perjalanan yang mena'jubkan di antara al-Masjidil-Haram dan al-Masjidil-Aqsa dalam masa yang amat singkat, di mana kehangatan tempat tidur Rasulullah s.a.w. belum lagi sejuk, biarpun perjalanan itu dengan apa rupa dan cara, namun ia merupakan satu bukti dari bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang membuka hati manusia hingga dapat melihat daerah-daerah yang jauh di alam buana ini, juga mendedahkan daya-daya tenaga yang tersembunyi di dalam diri makhluk insan dan bakat-bakat kebolehan laduni yang terdapat pada

tokoh-tokoh insan yang terpilih untuk menerima limpah qudrat Ilahi selaku makhluk yang telah dimuliakan Allah dan diutamakan Allah ke atas kebanyakan makhluk-makhluk-Nya yang lain, juga selaku makhluk yang disimpankan Allah padanya rahsia-rahsia yang amat halus ini.

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(1)

Yakni Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat segala sesuatu yang amat seni dan halus dan segala rahsia yang tersembunyi kepada pendengaran dan penglihatan manusia.

Susunan penerangan pada ayat pembukaan ini berpindah dari bentuk ucapan tasbih kepada Allah iaitu:

سُبۡحَٰنَ ٱلَّذِيٓ أَسۡرَىٰ بِعَبۡدِهِۦ لَيۡلٗا

"Maha Sucilah Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada hari malam"(1)

kepada bentuk penjelasan dari Allah iaitu:

لِنُرِيَهُۥ مِنۡ ءَايَٰتِنَآۚ

"Agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami"(1)

dan kepada bentuk pernyataan sifat-sifat Allah iaitu:

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡبَصِيرُ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(1)

Semuanya itu mengikut kehalusan-kehalusan makna-makna pengungkapan yang disusun dengan neraca pertimbangan yang halus dan peka. Ucapan tasbih yang menjulang tinggi ditujukan kepada zat Allah Yang Maha Suci, penjelasan tujuan Isra' adalah datang dari Allah Ta'ala sendiri dan pernyataan sifat mendengar dan melihat adalah datang dalam bentuk penceritaan yang thabit bagi zat Allah. Bentuk-bentuk penerangan yang beraneka-ragam ini adalah terkumpul dalam satu ayat untuk menyampaikan makna dan pengertiannya dengan kehalusan yang sempurna.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 8)

Peristiwa Isra' salah satu bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah. Ia merupakan satu perjalanan yang amat menakjubkan dibandingkan dengan peristiwa-peristiwa yang biasa pada manusia. Al-Masjidil-Aqsa merupakan tempat perhentian perjalanan itu dan ia juga merupakan jantung tanah suci, di mana Allah telah menjadikannya tempat kediaman Bani Israel kemudian mengusirkan mereka keluar darinya. Oleh itu sirah Musa a.s. dan Bani Israel disebutkan di sini sesuai dengan tempatnya di dalam ayat-ayat berikut:

وَءَاتَيۡنَا مُوسَى ٱلۡكِتَٰبَ وَجَعَلۡنَٰهُ هُدٗى لِّبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُواْ مِن دُونِي وَكِيلٗا ﴿٢﴾ ذُرِّيَّةَ مَنۡ حَمَلۡنَا مَعَ نُوحٍۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَبۡدٗا شَكُورٗا ﴿٣﴾

وَقَضَيۡنَآ إِلَىٰ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ فِي ٱلۡكِتَٰبِ لَتُفۡسِدُنَّ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَّتَيۡنِ وَلَتَعۡلُنَّ عُلُوّٗا كَبِيرٗا ﴿٤﴾ فَإِذَا جَآءَ وَعۡدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثۡنَا عَلَيۡكُمۡ عِبَادٗا لَّنَآ أُوْلِي بَأۡسٖ شَدِيدٖ فَجَاسُواْ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِۚ وَكَانَ وَعۡدٗا مَّفۡعُولٗا ﴿٥﴾

ثُمَّ رَدَدۡنَا لَكُمُ ٱلۡكَرَّةَ عَلَيۡهِمۡ وَأَمۡدَدۡنَٰكُم بِأَمۡوَٰلٖ وَبَنِينَ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ أَكۡثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾ إِنۡ أَحۡسَنتُمۡ أَحۡسَنتُمۡ لِأَنفُسِكُمۡۖ وَإِنۡ أَسَأۡتُمۡ فَلَهَاۚ فَإِذَا جَآءَ وَعۡدُ ٱلۡأٓخِرَةِ لِيَسُـُٔواْ وُجُوهَكُمۡ وَلِيَدۡخُلُواْ ٱلۡمَسۡجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٖ وَلِيُتَبِّرُواْ مَا عَلَوۡاْ تَتۡبِيرًا ﴿٧﴾

عَسَىٰ رَبُّكُمۡ أَن يَرۡحَمَكُمۡۚ وَإِنۡ عُدتُّمۡ عُدۡنَاۚ وَجَعَلۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan Kami jadikannya hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Janganlah kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku(2). (Wahai) zuriat orang-orang yang telah Kami bawakan mereka bersama Nuh (dalam bahteranya), sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur(3). Dan Kami telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab (Taurat) (bahawa sesungguhnya kamu) akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali dan melakukan kezaliman yang amat besar(4). Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang pertama dari keduanya Kami datangkan hamba-hamba Kami yang gagah perkasa dan bengis menyerang kamu lalu mereka menggelidah rumah-rumah kamu. Dan sesungguhnya peristiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana(5). Kemudian Kami memberi giliran kepada kamu menyerang dan mengalahkan mereka, dan Kami telah membantu kamu dengan harta

kekayaan yang banyak dan anak-anak yang ramai dan Kami jadikan kamu lebih ramai bilangannya (dari musuh kamu)(6). Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik kepada diri kamu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, maka akibatnya menimpa diri kamu sendiri juga. Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama dan supaya mereka menghancurleburkan apa sahaja yang dikuasai mereka(7). Semoga Tuhan kamu melimpahkan rahmat-Nya ke atas kamu, dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu) dan Kami telah menjadikan Neraka Jahannam itu penjara kepada orang-orang yang kafir."(8)

Kisah Jatuh Bangun Bani Israel

Babak ini, iaitu satu babak dari sejarah Bani Israel adalah tidak disebut di dalam Al-Qur'an melainkan di dalam surah ini sahaja. Ia memuatkan cerita kesudahan Bani Israel dan pancaroba jatuh bangun yang berlaku kepada mereka. Ia juga mendedahkan hubungan secara langsung di antara kebinasaan umat-umat dengan kerosakan akhlak yang menular di kalangan mereka mengikut Sunnatullah yang akan disebut sebentar lagi di dalam surah ini, iaitu apabila Allah telah menetapkan kebinasaan kepada sesuatu negeri, maka ia jadikan kerosakan-kerosakan akhlak yang dilakukan oleh golongan mewah penduduk negeri itu sebagai sebab dan punca kebinasaan dan kehancuran mereka.

Babak ini memulakan pembicaraannya dengan menyebut kitab Musa, iaitu kitab Taurat dan sebahagian dari isi kandungannya yang memberi amaran kepada Bani Israel dan mengingatkan mereka kepada moyang mereka yang tertua iaitu Nuh a.s. seorang hamba kesayangan Allah yang banyak bersyukur, juga mengingatkan mereka kepada nenek moyang mereka di zaman purbakala yang diangkut bersama Nuh di dalam bahteranya, dan beliau tidak mengangkut melainkan hanya orang-orang yang beriman sahaja"

وَءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾ ذُرِّيَّةَ مَنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَبْدًا شَكُورًا ﴿٣﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan Kami jadikannya hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Janganlah kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku(2). (Wahai) zuriat orang-orang yang telah Kami bawakan mereka bersama Nuh (dalam bahteranya), sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur."(3)

Amaran dan peringatan ini tepat dengan janji Allah yang akan diterangkan oleh rangkaian penjelasan surah ini sebentar lagi, iaitu Allah tidak mengazabkan sesuatu kaum sehingga lebih dahulu Dia mengutuskan rasul yang memberi amaran dan peringatan kepada mereka.

Al-Qur'an menjelaskan tujuan pertama dari pengurniaan kitab Taurat kepada Musa iaitu:

هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾

"Hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Jangan kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku."(2)

Mereka jangan bergantung selain kepada Allah sahaja dan jangan bertawajjuh melainkan hanya kepada Allah sahaja. Itulah hidayat Allah dan itulah keimanan. Oleh itu sesiapa yang mengambil mana-mana penguasa selain dari Allah bererti ia tidak beriman dan tidak mengikut hidayat Allah.

Al-Qur'an berbicara dengan mereka atas nama nenek moyang mereka yang diangkutkan bersama Nabi Nuh a.s. (dalam sebuah bahtera). Mereka merupakan manusia pilihan di zaman Rasul pertama di muka bumi ini. Allah berbicara dengan mereka atas nama keturunan ini dengan tujuan supaya mereka mengenangkan ni'mat Allah yang telah menyelamatkan nenek moyang mereka yang dahulu kala bersama Nabi Nuh a.s. seorang hamba kesayangan Allah yang banyak bersyukur kepada Allah, juga dengan tujuan untuk memulangkan mereka kepada keturunan orang-orang yang beriman di zaman berzaman.

Al-Qur'an menyifatkan Nuh dengan sifat 'Ubudiyah kerana tujuan ini atau tujuan yang lain, iaitu untuk menyelaraskan sifat para rasul yang terpilih dan menonjolkannya. Sebelum ini Nabi Muhammad s.a.w. juga telah disifatkan dengan sifat yang sama mengikut peraturan keseimbangan Al-Qur'an di dalam suasana surah dan susunan ayat-ayatnya.

Di dalam kitab suci Taurat yang dikurniakan kepada Musa untuk menjadi sumber petunjuk kepada Bani Israel itu Allah telah menerangkan kepada mereka tentang keputusannya untuk menghancurkan mereka dengan sebab kerosakan-kerosakan yang telah dilakukan mereka di bumi. Penghancuran itu berulang sebanyak dua kali kerana sebab-sebab dari perbuatan mereka yang membawa penghancuran itu telah berulang sebanyak dua kali, dan seterusnya Allah memberi amaran kepada mereka bahawa Dia akan terus menghancurkan mereka lagi setiap kali mereka berulang melakukan kerosakan-kerosakan di bumi, tepat dengan peraturan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir itu:

وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

"Dan Kami telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab (Taurat) (bahawa sesungguhnya kamu) akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali dan melakukan kezaliman yang amat besar."(4)

(Maksud "قضينا" bukannya "membuat keputusan", malah maksudnya) ialah menyata atau menyampaikan pemberitaan dari Allah kepada mereka mengenai tindakan-tindakan masa depan mereka mengikut ilmu Allah yang mengetahui masa depan mereka, bukannya merupakan sesuatu ketetapan atau keputusan Allah yang dipaksakan ke atas mereka, yang mana dari keputusan inilah berlakunya tindakan mereka, kerana Allah S.W.T. tidak sekali-kali menetap atau memutuskan ke atas sesiapa supaya melakukan kerosakan. Firman-Nya:

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ

"Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menyuruh (manusia) melakukan pencabulan."(28)

(Surah al-A'raf)

Allah hanya bermaksud memberitahu tentang ilmu-Nya yang mengetahui segala yang wujud, kerana segala sesuatu yang akan berlaku itu merupakan sesuatu yang telah wujud mengikut ilmu Allah walaupun mengikut ilmu manusia ia belum lagi wujud dan belum lagi dibukakan tirainya.

Allah telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab Taurat yang dikurniakan kepada Nabi Musa a.s. bahawa mereka akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) sebanyak dua kali dan mereka akan menguasainya dengan sewenang-wenang. Setiap kali mereka meningkat maju dan tinggi, mereka menggunakan ketinggian mereka sebagai alat untuk melakukan kerosakan, lalu Allah melepaskan ke atas mereka hamba-hamba-Nya yang menewaskan mereka, mencabul kehormatan-kehormatan mereka dan menghancur-leburkan mereka:

فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَّنَآ أُولِى بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُوا خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِ ۚ وَكَانَ وَعْدًا مَّفْعُولًا ﴿٥﴾

"Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang pertama dari keduanya Kami datangkan hamba-hamba Kami yang gagah perkasa dan bengis menyerang kamu lalu mereka menggelidah rumah-rumah kamu. Dan sesungguhnya peristiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana."(5)

Ini ialah peristiwa kezaliman mereka yang pertama, di mana mereka melakukan kezaliman di tanah suci dengan kekuatan dan kekuasaan yang dimiliki mereka, lalu Allah bangkitkan hamba-hamba-Nya yang sangat kuat dan gagah menyerang mereka, menceroboh kampung-kampung kediaman mereka dan bertindak sewenang-wenang pagi dan petang. Mereka memijak apa sahaja dan siapa sahaja yang ada di sana tanpa takut dan gentar.

وَكَانَ وَعْدًا مَّفْعُولًا ﴿٥﴾

"Persitiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana."(5)

Yakni suatu janji yang tepat, tidak mungkir dan tidak bohong.

Sehingga apabila Bani Israel telah mengecapi pahit getir malapetaka kekalahan dan kehinaan dan bertaubat kepada Allah, membetulkan semula keadaan diri mereka dan mengambil pengajaran dari malapetaka yang menimpa mereka dan sehingga apabila kaum penakluk itu pula bertindak angkuh dan terpesona dengan kekuatan mereka lalu mereka melakukan kezaliman dan kerosakan di negeri itu, maka Allah memberi giliran kepada Bani Israel yang kalah itu menewaskan kaum penakluk itu dan meneguhkan kedudukan mereka yang lemah supaya mengalahkan kaum penakluk yang angkuh itu:

ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾

"Kemudian Kami memberi giliran kepada kamu menyerang dan mengalahkan mereka, dan Kami telah membantu kamu dengan harta kekayaan yang banyak dan anak-anak yang ramai dan Kami jadikan kamu lebih ramai bilangannya (dari musuh kamu)."(6)

Kemudian kisah itu berulang sekali lagi.

Dan sebelum ayat-ayat selanjutnya menghabiskan ramalan yang benar dan janji yang tetap terlaksana itu, Al-Qur'an menjelaskan dasar tindakan dan balasan:

إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ

"Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik kepada diri kamu sendiri dan jika kamu berbuat jahat, maka akibatnya menimpa diri kamu sendiri juga."(7)

Dasar ini tidak berubah sama ada di dunia atau di Akhirat. Dasar ini menjadikan segala tindakan dan amalan seorang itu terpulang kepadanya dengan segala hasil dan buruk baiknya. Ia menjadikan balasan itu sebagai hasil tabi'i dari tindakan dan amalannya. Tindakan dan amalan inilah yang melahirkan hasil dan natijah dan membuat seseorang terikat dengannya dan bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri. Ia boleh memberi kebaikan dan keburukan kepada dirinya jika ia mahu. Oleh sebab itu dia tidak boleh menyalahkan sesiapa melainkan dirinya sendiri apabila dia menerima balasan.

Setelah selesai menjelaskan dasar tindakan dan balasan itu, Al-Qur'an melengkapkan ramalannya yang benar itu:

فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ لِيَسُـُٔوا وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا مَا عَلَوْا تَتْبِيرًا ﴿٧﴾

"Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama dan supaya mereka menghancurleburkan apa sahaja yang dikuasai mereka."(7)

Ayat ini tidak menyebut kerosakan yang telah dilakukan oleh Bani Israel selepas kejadian yang pertama kerana memadai dengan keterangan sebelumnya:

لَتُفْسِدُنَّ فِي الْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ

"Kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali"(4)

tetapi ia menyebut malapetaka yang telah ditimpa ke atas mereka di dalam kejadian yang kedua ini:

فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسُوءُوا وُجُوهَكُمْ

"Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu"(7)

mereka memuramkan muka kamu dengan tindakan yang memberi pengajaran kepada mereka, iaitu balasan yang membuat hati mereka begitu sedih sehingga kesannya melimpah ke muka mereka atau kaum itu memuramkan muka mereka dengan tindakan-tindakan yang menghina dan mencabulkan kehormatan-kehormatan mereka.

وَلِيَدْخُلُوا الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ

"Dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama"(7)

serta membinasakan segala harta benda dan kampung halaman yang dikuasai mereka.

وَلِيُتَبِّرُوا مَا عَلَوْا تَتْبِيرًا ﴿٧﴾

"Dan supaya mereka menghancur-leburkan apa sahaja yang dikuasai mereka."(7)

Itulah gambaran kebinasaan yang merangkumi segala-galanya. Tiada suatu pun yang selamat.

Ramalan itu berlaku tepat seperti yang dijanjikan Allah. Pada kali yang pertama Allah bangkitkan satu kaum menyerang dan mengalahkan Bani Israel dan pada kali yang kedua Allah bangkitkan pula satu kaum yang mengusir mereka keluar (dari tanah suci) sebagai pelarian di merata ceruk dunia dan menghancurleburkan kerajaan mereka.

Al-Qur'an tidak menjelaskan apakah bangsa kaum yang telah dibangkitkan Allah untuk menyerang Bani Israel itu kerana penjelasan itu tidak menambah apa-apa dari segi pengajaran, sedangkan pengajaran itulah sahaja yang dikehendaki di sini. Begitu juga yang dimaksudkan (dengan cerita ini) ialah untuk menerangkan peraturan Sunnatullah yang diperlakukan ke atas manusia.

Kemudian ramalan yang benar dan janji yang terlaksana itu diiringi pula dengan sebuah pernyataan bahawa kebinasaan yang telah menimpa mereka mungkin merupakan jalan untuk mendapatkan rahmat Allah:

عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَنْ يَرْحَمَكُمْ

"Semoga Tuhan kamu melimpahkan rahmat-Nya ke atas kamu"(8)

jika kamu mengambil pengajaran dari peristiwa-peristiwa itu.

Tetapi jika Bani Israel mengulangi lagi perbuatan-perbuatan yang merosakkan di bumi ini, maka balasan tetap disediakan dan Sunnatullah tetap bertindak:

وَإِنْ عُدْتُمْ عُدْنَا

"Dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu)."(8)

Mereka telah kembali semula melakukan kerosakan, lalu Allah bangkitkan orang-orang Islam menguasai mereka dan mengusirkan mereka keluar dari seluruh Semenanjung Tanah Arab. Kemudian mereka kembali lagi melakukan kerosakan, lalu Allah bangkitkan kaum yang lain bertindak ke atas mereka hingga ke zaman moden, di mana Hitler telah menguasai dan menindas mereka. Pada hari ini pula mereka kembali melakukan kerosakan dalam bentuk negara Israel yang telah menimpakan berbagai-bagai kecelakaan ke atas orang-orang Arab yang menjadi bumiputera bumi Palestin, dan sudah tentu Allah akan membangkitkan satu kaum yang akan bertindak menimpakan ke atas mereka 'azab keseksaan yang dahsyat tepat dengan janji Allah yang tegas dan selari dengan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, dan sesungguhnya hari esok amat dekat kepada yang menunggunya.

Ayat ini ditamatkan dengan penerangan tentang masa depan orang-orang kafir di Akhirat kerana masa depan mereka mempunyai titik persamaan dengan masa depan orang-orang yang melakukan kerosakan:

وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَافِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾

"Dan Kami telah menjadikan Neraka Jahannam itu penjara kepada orang-orang yang kafir"(8)

yakni penjara yang akan mengurung mereka dan tiada seorang pun dari mereka yang dapat melepaskan dirinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Dari babak sejarah Bani Israel dan kitab suci Taurat yang dikurniakan kepada Musa supaya mereka berpandu dengannya, tetapi mereka tidak berpandu dengannya, malah mereka menurut jalan yang sesat hingga menyebabkan mereka binasa, ayat-ayat berikut berpindah pula kepada memperkatakan tentang Al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

وَأَنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang amat besar(9). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat telah Kami sediakan untuk mereka 'azab yang amat pedih(10).

Skop Hidayat Al-Qur'an

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus."(9)

Demikianlah Al-Qur'an itu memberi hidayat yang amat lurus secara menyeluruh kepada manusia yang merangkumi berbagai-bagai kaum dan generasi umat manusia tanpa dibataskan zaman dan tempat. Hidayatnya merangkumi segala peraturan dan cara hidup dan segala kebaikan yang dapat memandu manusia di setiap zaman dan tempat.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di alam hati nurani dan perasaan dengan membawa 'aqidah yang jelas dan mudah, 'aqidah yang tidak mengandungi sebarang kepercayaan yang berbelit-belit dan kabur, 'aqidah yang membebaskan jiwa dari beban-beban kepercayaan yang karut dan khurafat-khurafat, 'aqidah yang membebaskan daya-daya tenaga manusia yang baik untuk bertindak dan membangun dan 'aqidah yang menghubung dan menyelaraskan di antara undang-undang alam tabi'i dengan undang-undang fitrah manusia.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus yang menyelaraskan di antara zahir dan batin manusia, di antara perasaan-perasaan dan tingkahlakunya dan di antara 'aqidah dan amalannya, di mana seluruhnya disimpulkan pada tali yang kukuh, yang tidak akan putus dan di mana manusia tetap memandang ke langit walaupun kakinya berpijak kukuh di bumi, dan ketika itu segala kerja dan amalan akan menjadi ibadat apabila seorang melakukannya kerana Allah walaupun kerja dan amalan itu berupa kerja dan kegiatan mencari keni'matan hidup dunia.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di alam ibadat dengan memperseimbangkan di antara taklif dan daya tenaga supaya taklif-taklif itu tidak menjadi terlalu berat kepada seseorang sehingga menyebabkan ia merasa jemu dan berputus asa dari menunaikannya, supaya taklif-taklif itu tidak menjadi terlalu mudah dan senang sehingga menyebabkan seseorang itu menjadi lembik dan sewenang-wenang dan supaya taklif-taklif itu tidak melampaui batas kesederhanaan dan keupayaan.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam perhubungan-perhubungan manusia di antara satu sama lain, iaitu di antara individu-individu, pasangan-pasangan suami isteri, kerajaan-kerajaan, bangsa-bangsa, negara-negara dan kaum-kaum. Ia menegakkan hubungan-hubungan ini di atas asas-asas yang kukuh teguh, yang tidak terpengaruh kepada pendapat dan hawa nafsu, tidak condong kerana kasih dan marah dan tidak dijejaskan oleh kepentingan-kepentingan dan tujuan-tujuan peribadi itu-lah asas-asas perhubungan yang telah diaturkan oleh Allah Yang Maha Mengetahui untuk para makhluk-Nya dan Dia amat mengetahui tentang kehendak-kehendak makhluk yang telah diciptakan-Nya dan amat arif dengan kehendak kepentingan mereka di setiap tempat di bumi dan setiap generasi mereka. Tegasnya Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam sistem pemerintahan, sistem kewangan, sistem kemasyarakatan dan sistem mu'amalat antarabangsa yang layak dengan dunia manusia.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dalam mendokong semua agama samawi dan menghubungkaitkan di antara semua agama itu serta memulia dan memelihara kesucian-kesucian dan kehormatan-kehormatannya agar seluruh manusia dengan agama-agama samawi mereka dapat hidup dalam suasana aman damai.

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

وَأَنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang amat besar(9). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat telah Kami sediakan untuk mereka 'azab yang amat pedih."(10)

Hubungan Keimanan Dengan Amalan

Inilah dasar Al-Qur'an yang asasi mengenai tindakan dan balasan. Ia menegakkan binaannya di atas keimanan dan amalan yang soleh. Oleh itu tiada keimanan tanpa amalan dan tiada amalan tanpa

keimanan. Keimanan tanpa amalan ialah keimanan yang terbantut dan tidak mencapai kesempurnaannya, sedangkan amalan tanpa keimanan ialah amalan yang terputus dan tanpa asas. Hanya dengan keimanan dan amalan sahaja kehidupan manusia dapat berlangsung di atas jalan yang amat lurus. Hanya dengan keimanan dan amalan sahaja hidayat dapat dicapai dengan Al-Qur'an ini.

Orang-orang yang tidak berpandu dengan hidayat Al-Qur'an akan ditinggal menjadi mangsa hawa nafsu manusia, iaitu manusia yang gopoh dan jahil yang tidak mengetahui apa yang akan memberi manfa'at dan mudharat kepada dirinya, dan manusia yang terburu-buru yang tidak dapat mengawal emosi-emosinya walaupun terdapat akibat yang buruk di sebaliknya:

وَيَدْعُ الْإِنسَانُ بِالشَّرِّ دُعَاءَهُ بِالْخَيْرِ ۖ وَكَانَ الْإِنسَانُ عَجُولًا ﴿١١﴾

"Dan (ketika putus asa) manusia berdo'a memohon malapetaka sama seperti dia berdo'a memohon kebaikan, dan sesungguhnya manusia itu bersifat amat gopoh."(11)

Itu adalah berpunca kerana manusia tidak mengetahui akibat dan kesudahan urusan-urusannya. Kadang-kadang dia melakukan sesuatu tindakan, sedangkan tindakan itu tidak baik dan dia melakukannya dengan terburu-buru sedangkan dia tidak mengetahui keburukannya, atau dia mengetahui keburukannya tetapi dia tidak berupaya menahan desakan keinginannya dan mengawalkan terajunya. Hawa nafsu manusia sama sekali tidak dapat dibandingkan dengan hidayat Al-Qur'an yang teguh, tenang dan memberi bimbingan. Kedua-duanya merupakan dua arah jalan yang bertentangan, kedua-duanya hidayat Al-Qur'an dan hawa nafsu manusia itu amat jauh perbezaannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 21)

Setelah menyentuh kisah Isra' dan bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang terdapat di dalamnya, setelah menyentuh kisah Nuh dan kumpulan orang-orang Mu'minin yang diangkut bersama (di dalam bahteranya), setelah menyentuh kisah Bani Israel dan pemberitaan Allah yang telah disebut di dalam kitab Taurat serta maksud dari pemberitaan itu yang membayangkan undang-undang Allah terhadap para hamba-Nya, juga dasar-dasar tindakan dan balasan, setelah menyentuh kitab suci Al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus.....

Dan dari sentuhan-sentuhan ini hingga kepada pembicaraan-pembicaraan ayat-ayat Allah yang dikurniakan kepada para rasul, maka ayat-ayat berikut telah berpindah pula kepada pembicaraan tentang gejala-gejala kekuasaan Allah yang terdapat di alam buana. Dengan gejala-gejala inilah ia menghubungkan segala kegiatan manusia, tindak-tanduk mereka, usaha-usaha dan ganjaran yang diperolehi mereka, usaha-usaha dan hisab amalan mereka. Di sini jelaslah bahawa undang-undang tindakan dan balasan, usaha dan hisab amalan itu mempunyai hubungan yang amat rapat dengan undang-undang besar alam buana. Ia tertakluk kepada undang-undang besar itu sendiri. Ia ditegakkan di atas dasar-dasar dan peraturan-peraturan tetap dan tidak mungkir. Ia diatur rapi sama dengan kerapian peraturan alam buana yang mengendalikan peredaran malam dan siang dan seluruhnya adalah ditadbirkan oleh iradat Allah yang menciptakan malam dan siang itu:

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

وَكُلَّ إِنسَانٍ أَلْزَمْنَاهُ طَائِرَهُ فِي عُنُقِهِ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كِتَابًا يَلْقَاهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾

اقْرَأْ كِتَابَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾

مَّنِ اهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

وَإِذَا أَرَدْنَا أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ الْقُرُونِ مِن بَعْدِ نُوحٍ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿١٧﴾

مَّن كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَّدْحُورًا ﴿١٨﴾

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾

كُلًّا نُّمِدُّ هَٰؤُلَاءِ وَهَٰؤُلَاءِ مِنْ عَطَاءِ رَبِّكَ ۚ

وَمَا كَانَ عَطَآءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ﴿٢٠﴾ ٱنظُرْ كَيْفَ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ وَلَلْءَاخِرَةُ أَكْبَرُ دَرَجَٰتٍ وَأَكْبَرُ تَفْضِيلًا ﴿٢١﴾

"Dan Kami telah jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami hapuskan tanda malam (yang gelap) dan Kami jadikan tanda siang terang benderang supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab, dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci(12). Setiap orang manusia Kami lekatkan di lehernya kalung amalannya masing-masing. Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya buku (laporan amalan) yang akan didapatinya terbuka (untuk dibacakan-nya)(13). Bacalah buku laporan amalanmu (ini) cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu sendiri(14). Barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima kebaikan hidayat itu untuk dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka sesungguhnya dia menerima akibat kesesatan itu ke atas dirinya sendiri juga. Dan seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain, dan Kami tidak akan mengenakan 'azab sehingga Kami mengutuskan rasul (15). Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami (lebih dahulu) perintahkan golongan penduduknya yang mewah (supaya menta'ati Allah) lalu mereka terus melakukan kefasiqan di sana, maka kerana itu wajarlah keputusan 'azab dijatuhkan ke atas negeri itu lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya(16). Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sesudah Nuh, dan cukuplah (wahai Muhammad) Tuhanmu sendiri mengetahui dan melihat dosa-dosa sekalian hamba-Nya(17). Siapa yang mahukan (keni'matan) dunia (sahaja), Kami akan segerakan (pemberian) Kami kepadanya di dunia ini segala keni'matan yang Kami kehendaki kepada orang yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan untuknya Neraka Jahannam yang akan dimasukinya dalam keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah(18). Dan sesiapa yang mahukan (keni'matan) Akhirat dan berusaha untuknya dengan usahanya (yang wajar), sedangkan dia beriman, maka orang-orang yang sedemikian usaha-usaha mereka tetap akan disyukuri (19). Setiap golongan itu dan golongan ini Kami hulurkan kepada mereka rezeki dari pemberian Tuhanmu. Dan pemberian Tuhanmu itu (selama-lamanya) tidak pernah tersekat(20). Lihatlah (di dunia) bagaimana Kami telah melebihkan setengah mereka dari setengah yang lain, dan demi sesungguhnya (pengurniaan) di Akhirat kelak lebih tinggi (perbezaan) darjat-darjatnya dan lebih besar (perbezaan) keutamaan-keutamaannya."(21)

Undang-undang alam buana yang mengendalikan peredaran malam dan siang itu mempunyai pertalian dengan usaha-usaha manusia untuk mencari rezeki, juga mempunyai pertalian dengan ilmu perkiraan tahun dan hisab. Ia mempunyai pertalian dengan usaha-usaha dan tindak-tanduk manusia yang baik dan yang jahat serta balasannya yang baik dan yang buruk. Ia mempunyai pertalian dengan akibat-akibat hidayat dan kesesatan, juga dengan dasar tanggungjawab peribadi, di mana seseorang tidak menanggung dosa orang yang lain. Ia mempunyai pertalian dengan janji Allah bahawa Dia tidak akan mengazabkan manusia melainkan setelah diutuskan Rasul kepada mereka. Ia mempunyai pertalian dengan Sunnatullah yang membinasakan negeri-negeri apabila golongan penduduknya yang mewah melakukan kefasiqan-kefasiqan. Ia mempunyai pertalian dengan nasib kesudahan golongan yang memilih kesenangan hidup dunia dan golongan yang memilih kesenangan hidup Akhirat, juga mempunyai pertalian dengan pemberian Allah kepada dua golongan itu di dunia dan Akhirat. Semuanya berlangsung mengikut satu undang-undang yang tetap dan peraturan-peraturan yang tidak berubah-ubah. Tiada sesuatu pun dari persoalan-persoalan tersebut berlaku secara serampangan sahaja.

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ءَايَتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَآ ءَايَةَ ٱلَّيْلِ وَجَعَلْنَآ ءَايَةَ ٱلنَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan Kami telah jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami hapuskan tanda malam (yang gelap) dan Kami jadikan tanda siang terang benderang supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab, dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci."(12)

Malam dan siang merupakan dua gejala alam yang amat besar, yang membayangkan betapa rapinya perjalanan undang-undang alam yang tidak pernah kacau dan rosak walau sekalipun dan sentiasa bekerja dengan tekun siang dan malam. Apakah maksud dari penghapusan gejala malam yang disebut di dalam ayat ini, sedangkan gejala malam tetap wujud seperti gejala siang juga? Nampaknya - Wallahu 'alam - yang dimaksudkan dengan penghapusan gejala malam itu ialah penghapusan gelap, di mana segala sesuatu terlindung dari penglihatan dan segala harakat dan tubuh diam dan tenang. Malam itu seolah-olah terhapus apabila dibandingkan dengan cahaya siang dan dibandingkan dengan harakat segala makhluk yang hidup dan benda-benda, dan siang itu sendiri seolah-olah memancarkan cahaya yang menerangi segala sesuatu pada penglihatan mata.

Tujuan dari penghapusan malam dan kelahiran siang ialah:

لِّتَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ

"Supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab."(12)

Hari malam itu untuk beristirehat, mencari ketenangan dan memulihkan kekuatan dan tenaga, sedangkan hari siang untuk berusaha mencari rezeki. Dan dari peredaran malam dan siang manusia dapat mengetahui kiraan bilangan tahun dan kiraan masa-masa perjanjian, musim-musim dan perkiraan urusniaga-urusniaga.

وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci."(12)

Tiada suatu dan tiada sebarang urusan di alam buana ini ditinggalkan kepada kebetulan dan serampangan. Kehalusan undang-undang alam yang mengendalikan peredaran malam dan siang mengutarakan betapa halusnya pentadbiran dan perincian Ilahi. Undang-undang itulah yang menjadi saksi dan bukti.

Kalung Dan Buku Laporan Amalan

Dengan undang-undang alam buana inilah terikatnya dasar amalan dan balasan:

"Setiap orang manusia Kami lekatkan di lehernya kalung amalannya masing-masing. Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya buku (laporan amalan) yang akan didapatinya terbuka (untuk dibacakannya)(13). Bacalah buku laporan amalanmu (ini) cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu sendiri."(14)

Kalung amalan setiap manusia ialah bahagian-bahagian amalan yang dilakukannya. Pelekatan kalung amalan pada leher seseorang itu menggambarkan bahawa kalung itu tidak bercerai tanggal dengannya mengikut ilustrasi Al-Qur'an apabila ia menggambarkan konsep-konsep dalam bentuk gambaran fizikal. Amalan seseorang itu tetap tidak terpisah darinya dan dia tetap tidak dapat melepaskan diri darinya. Begitu juga tujuan pengungkapan mengenai buku laporan amalan seseorang yang dikeluarkan dengan keadaan terbuka ialah menggambarkan amalan-amalannya itu terdedah dan terbuka, di mana seorang itu tidak dapat menyembunyikannya, atau berpura-pura tidak tahu atau menipu. Konsep ini digambarkan secara fizikal yang terbuka. Gambaran ini meninggalkan kesan yang lebih mendalam dan kuat di dalam jiwa dan perasaan. Ia menjadikan daya khayal seseorang itu tertumpu kepada kalung amalan itu dan memikirkan buku laporan itu dengan perasaan yang amat cemas dan takut kepada hari Qiamat yang gawat itu, di mana segala rahsia yang tersembunyi akan terbuka dan terdedah tanpa memerlukan saksi dan jurukira:

"Cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu."(14)

Dengan undang-undang alam buana yang halus inilah terikatnya dasar amalan dan balasan:

مَّنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ

"Barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima kebaikan hidayat itu untuk dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka sesungguhnya dia menerima akibat kesesatan itu ke atas dirinya sendiri juga. Dan seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain."(15)

Undang-undang Tindakan Dan Balasan

Itulah tanggungjawab individu yang mengikatkan setiap orang dengan dirinya. Jika dia memilih jalan hidayat, maka kebaikannya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan jika dia memilih jalan yang sesat, maka akibatnya akan menimpa ke atas dirinya sendiri, dan tiada siapa pun yang dapat menanggung dosa orang lain· dan tiada siapa pun yang dapat meringankan bebanan orang lain, malah setiap orang bertanggungjawab terhadap amalannya dan setiap orang dibalas mengikut amalannya. Dan (pada hari itu) kawan yang akrab tidak akan mempedulikan kawan akrabnya.

Rahmat Allah telah menghendaki bahawa Dia tidak akan mempersalahkan manusia dengan bukti-bukti kekuasaan-Nya yang bertaburan di merata ceruk alam buana, dan tidak pula mempersalahkan mereka dengan perjanjian semulajadi yang dimeteraikan dengan benih keturunan manusia semasa mereka masih berada di sulbi datuk nenek mereka, malah Allah lebih dahulu mengutuskan para rasul-Nya kepada mereka untuk memberi amaran dan peringatan:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

"Dan Kami tidak akan mengenakan 'azab sehingga Kami mengutuskan rasul."(15)

Itulah rahmat Allah memberi alasannya kepada manusia sebelum Dia mengenakan 'azab ke atas mereka.

Demikianlah penguatkuasaan Sunnatullah yang membinasakan negeri-negeri dan mempersalahkan para penduduknya itu mempunyai pertalian yang rapat dengan undang-undang alam yang mengendalikan peredaran malam dan siang:

وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

"Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami (lebih dahulu) perintahkan golongan penduduknya yang mewah (supaya menta'ati Allah) lalu mereka terus

melakukan kefasiqan di sana, maka kerana itu wajarlah keputusan 'azab dijatuhkan ke atas negeri itu lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya."(16)

Golongan Mewah Punca Kebinasaan Umat

Golongan mewah di dalam suatu umat itu ialah golongan pembesar-pembesar yang senang-lenang. Mereka memiliki harta kekayaan, orang-orang gaji dan kerehatan. Mereka meni'mati kehidupan yang tenang dan selesa, juga meni'mati kuasa, sehingga jiwa mereka menjadi lemah dan rosak, mereka bergelimang di dalam kefasiqan dan kejahatan tanpa malu segan, mereka mencabul nilai-nilai, perkara-perkara yang suci dan mulia, maruah, dan kehormatan-kehormatan. Oleh kerana tidak ada orang-orang yang dapat memukul tangan mereka yang ganas itu, maka mereka hidup sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi, mereka mengembangkan kejahatan di kalangan rakyat jelata dan memandang rendah kepada nilai-nilai yang luhur, iaitu nilai-nilai yang menjadi asas dan matlamat kehidupan umat. Justeru itulah umat menjadi lemah, hilang daya kecergasannya dan, hilang unsur-unsur kekuatan dan punca-punca hidupnya, dan akhirnya umat itu binasa dan menutup lembaran riwayat hidupnya.

Ayat ini menjelaskan Sunnatullah iaitu apabila Allah menetapkan kebinasaan kepada sesebuah negeri kerana penduduk-penduduknya telah melakukan perbuatan-perbuatan yang menjadi sebab kebinasaan itu, di mana munculnya golongan mewah yang ramai (yang melakukan kejahatan dengan sewenang-wenang) tanpa dihalang dan ditahan, maka Allah membiarkan golongan ini terus melakukan kefasiqan-kefasiqan yang meluas di negeri itu hingga menyebabkannya menjadi lemah dan kerana itu ia wajar menerima tindakan Sunnatullah yang menimpakan kehancuran dan kebinasaan ke atasnya. Jadi negeri itu sendiri yang bertanggungjawab terhadap kebinasaan yang telah menimpanya kerana ia tidak bertindak menghalangkan kefasiqan golongan orang-orang yang mewah itu dan tidak membetulkan sistem hidupnya yang membolehkan wujudnya golongan itu, kerana kewujudan golongan inilah yang menjadi sebab tindakan Allah membiarkan mereka terus melakukan kefasiqan-kefasiqan. Andainya negeri itu bertindak membendungkan kemunculan golongan mewah ini, sudah tentu ia tidak wajar menerima kebinasaan dan sudah tentu Allah tidak membiarkan mereka melakukan kefasiqan dan kerosakan hingga membawanya kepada kebinasaan.

Iradat Allah telah menjadikan undang-undang yang tetap dan peraturan-peraturan yang tidak berubah kepada kehidupan manusia. Apabila sebab-sebabnya wujud, maka natijah-natijah akan mengikutinya dan ketika itu berlakulah iradat dan ketetapan undang-undang Allah. Allah tidak menyuruh melakukan kefasiqan kerana Allah tidak pernah menyuruh manusia melakukan perbuatan-perbuatan yang keji, tetapi kewujudan golongan mewah itu sendiri menunjukkan umat itu telah rosak dan lemah dan sedang menuju ke arah kehancuran, dan ia akan menerima ketetapan hukuman Allah sebagai balasan yang setimpal. Ia telah melanggar undang-undang Allah apabila ia membenarkan golongan mewah itu wujud dan hidup segar.

Iradat Allah yang diterangkan di sini (dalam ayat ini) bukanlah iradat yang mengarah dan membimbing secara paksa yang melahirkan sebab, malah hanya iradat yang mengaturkan natijah di atas sebab sahaja. Begitu juga perintah (di dalam ayat ini) merupakan perintah yang tidak dapat dielak kerana undang-undang telah memperlakukan nya, kerana perintah itu bukanlah perintah yang memimpin kepada kefasiqan, tetapi perintah itu merupakan tindakan melahirkan natijah yang tabi'i hasil dari kewujudan golongan mewah yang melakukan kefasiqan.

Di sini ketaralah tanggungjawab kelompok yang telah membiarkan peraturan-peraturan yang rosak melahirkan kesan-kesannya yang tidak dapat dielak dan tidak bertindak mencegah golongan mewah itu dari melakukan kefasiqan, dan akibatnya menyebabkan umat itu berhak menerima hukuman Allah yang menghancurleburkannya.

Undang-undang ini telah berlaku pada umat-umat di zaman purbakala selepas Nabi Nuh a.s. generasi demi generasi. Setiap kali dosa-dosa itu berleluasa di kalangan satu umat, maka ia akan membawa umat itu kepada nasib kesudahan itu. Allah Maha Mengetahui segala dosa para hamba-Nya:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ ٱلْقُرُونِ مِنۢ بَعْدِ نُوحٍ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿١٧﴾

"Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sesudah Nuh, dan cukuplah (wahai Muhammad) Tuhanmu sendiri mengetahui dan melihat dosa-dosa sekalian hamba-Nya."(17)

Selepas itu barang siapa yang ingin hidup untuk dunia sahaja tanpa mengharapkan kehidupan yang lebih tinggi dari kehidupan di bumi, di mana dia hidup, maka Allah akan memberi bahagiannya di dunia ini dengan segera apabila Dia kehendaki, kemudian di Akhirat kelak dia akan ditunggu oleh Neraka Jahannam. Orang-orang yang tidak mengharapkan kehidupan yang lebih jauh dari kehidupan di dunia ini akan terus bergelumang di dalam lumpurnya, nodanya dan kekotorannya. Mereka mencari keni'matan-keni'matan dunia seperti binatang-binatang ternakan. Mereka menyerah diri kepada hawa nafsu. Mereka sanggup melakukan segala kejahatan yang membawa mereka ke Neraka Jahannam demi untuk mencapaikan keni'matan hidup dunia:

Pencinta Hidup Dunia Dan Pencinta Hidup Akhirat

مَّن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُۥ فِيهَا مَا نَشَآءُ
لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُۥ جَهَنَّمَ يَصْلَىٰهَا مَذْمُومًا
مَّدْحُورًا ﴿١٨﴾

"Siapa yang mahukan (keni'matan) dunia (sahaja), Kami akan segerakan (pemberian) Kami kepadanya di dunia ini segala keni'matan yang Kami kehendaki kepada orang yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan untuknya Neraka Jahannam yang akan dimasukinya dalam keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah."(18)

Mereka tercela kerana kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan tersingkir dari rahmat Allah dengan balasan 'azab yang diterima mereka.

وَمَنْ أَرَادَ ٱلْـَٔاخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُو۟لَـٰٓئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾

"Dan sesiapa yang mahukan (keni'matan) Akhirat dan berusaha untuknya dengan usahanya (yang wajar), sedangkan dia beriman, maka orang-orang yang sedemikian usaha-usaha mereka tetap akan disyukuri."(19)

Orang yang mengingini Akhirat pastilah berusaha melakukan amalan-amalan Akhirat iaitu menunaikan segala tugas dan tanggungjawabnya dan menegakkan segala amalannya di atas keimanan. Dan keimanan itu bukanlah dengan berangan-angan, malah keimanan yang sebenar ialah keyakinan yang teguh di dalam hati dan membuktikannya dengan amalan. Beramal dan berusaha untuk Akhirat tidak menafikan seseorang dari mengecapi keni'matan-keni'matan dunia yang baik. Dia hanya dikehendaki memandang ke ufuk yang lebih tinggi dan tidak menjadikan hidup dunia ini sebagai matlamat hidupnya, dan selepas itu dia bebas mengecapi keni'matan-keni'matan hidup dengan syarat dia mengawalkan hawa nafsunya dan tidak menjadikan dirinya hamba kepada keni'matan dunia.

Jika orang yang mengingini kesenangan hidup dunia sahaja itu berakhir dengan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah, maka orang yang mengingini kesenangan hidup Akhirat akan berakhir dengan mendapat kesenangan Akhirat, di mana dia akan menerima balasan dan penghormatan di alam al-Mala'ul-A'la, sebagai balasan kerana usahanya yang mulia untuk mencapai matlamat yang mulia dan sebagai balasan kerana dia sentiasa melihat dengan penuh harapan kepada ufuk hidup Akhirat yang jauh dan gemilang.

Hidup untuk dunia semata adalah hidup yang hanya layak dengan ulat-ulat, binatang-binatang merangkak, serangga, hama-hama, binatang-binatang buas dan binatang-binatang ternakan sahaja, tetapi hidup untuk Akhirat adalah satu-satunya hidup yang layak dengan makhluk insan yang dimuliakan di sisi Allah. Dia diciptakan Allah dengan ciptaan yang elok dan seimbang, dia ditiupkan Allah dengan roh ciptaan-Nya yang merupakan rahsia Allah yang membuat manusia cenderung ke langit walaupun dua kakinya berpijak di bumi. Walau bagaimanapun kedua-dua golongan (pencinta dunia dan pencinta Akhirat) itu masing-masing mendapat habuan kurnia dari Allah belaka. Golongan yang menuntut dunia diberikan kesenangan dunia, dan golongan yang menuntut kesenangan Akhirat akan memperolehinya kelak. Limpah kurnia Allah tidak dapat ditahan dan dihalang oleh sesiapa pun. Ia adalah bebas dan tertakluk kepada masyi'ah(kehendak) Allah yang bebas:

كُلًّا نُّمِدُّ هَـٰٓؤُلَآءِ وَهَـٰٓؤُلَآءِ مِنْ عَطَآءِ رَبِّكَ ۚ
وَمَا كَانَ عَطَآءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ﴿٢٠﴾

"Setiap golongan itu dan golongan ini Kami hulurkan kepada mereka rezeki dari pemberian Tuhanmu. Dan pemberian Tuhanmu itu (selama-lamanya) tidak pernah tersekat."(20)

Perbezaan pendapatan dan kedudukan di bumi dapat diperhatikan dengan jelas di antara manusia mengikut masing-masing sarana dan punca pencarian rezeki, juga mengikut masing-masing kecenderungan dan pekerjaan, sedangkan ruang dan lapangan bumi ini hanya sempit dan terbatas sahaja. Bagaimana nanti perbezaan itu akan berlaku kepada mereka di ruang yang luas dan masa yang panjang, bagaimana nanti perbezaan mereka di alam Akhirat, di mana seluruh keni'matan dunia apabila ditimbang tidak mencapai seberat sebelah sayap nyamuk pun?

ٱنظُرْ كَيْفَ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ وَلَلْـَٔاخِرَةُ
أَكْبَرُ دَرَجَـٰتٍ وَأَكْبَرُ تَفْضِيلًا ﴿٢١﴾

"Lihatlah (di dunia) bagaimana Kami telah melebihkan setengah mereka dari setengah yang lain, dan demi sesunggahnya (pengurniaan) di Akhirat kelak lebih tinggi (perbezaan) darjat-darjatnya dan lebih besar (perbezaan) keutamaan-keutamaannya."(21)

Oleh itu sesiapa yang inginkan perbezaan yang sebenar dan perbezaan yang amat besar, maka ia boleh didapati di Akhirat, iaitu di ruang alam yang amat luas dan ruang zaman yang amat panjang yang tiada siapa mengetahui batas-batas sempadannya melainkan hanya Allah sahaja. Untuk inilah orang-orang yang ingin berlumba-lumba patut berlumba, bukannya berlumba-lumba untuk yang merebut keni'matan dunia yang sedikit dan sekelumit.

(Kumpulan ayat-ayat 22 - 39)

لَّا تَجْعَلْ مَعَ ٱللَّهِ إِلَـٰهًا ءَاخَرَ فَتَقْعُدَ مَذْمُومًا مَّخْذُولًا ﴿٢٢﴾
وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَـٰنًا ۚ
إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا

تَقُل لَّهُمَآ أُفّٖ وَلَا تَنۡهَرۡهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوۡلٗا كَرِيمٗا ٢٣
وَٱخۡفِضۡ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحۡمَةِ وَقُل رَّبِّ
ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرٗا ٢٤
رَّبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمۡۚ إِن تَكُونُواْ صَٰلِحِينَ
فَإِنَّهُۥ كَانَ لِلۡأَوَّٰبِينَ غَفُورٗا ٢٥
وَءَاتِ ذَا ٱلۡقُرۡبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلۡمِسۡكِينَ وَٱبۡنَ ٱلسَّبِيلِ
وَلَا تُبَذِّرۡ تَبۡذِيرًا ٢٦
إِنَّ ٱلۡمُبَذِّرِينَ كَانُوٓاْ إِخۡوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِۖ وَكَانَ ٱلشَّيۡطَٰنُ
لِرَبِّهِۦ كَفُورٗا ٢٧
وَإِمَّا تُعۡرِضَنَّ عَنۡهُمُ ٱبۡتِغَآءَ رَحۡمَةٖ مِّن رَّبِّكَ تَرۡجُوهَا
فَقُل لَّهُمۡ قَوۡلٗا مَّيۡسُورٗا ٢٨
وَلَا تَجۡعَلۡ يَدَكَ مَغۡلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبۡسُطۡهَا كُلَّ
ٱلۡبَسۡطِ فَتَقۡعُدَ مَلُومٗا مَّحۡسُورًا ٢٩

"Janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan kecewa(22). Dan Tuhanmu telah memutuskan supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja dan supaya memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat usia tua dalam jagaanmu, maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia(23). Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil(24). Tuhan kamu lebih mengetahui segala niat yang tersemat di dalam hati kamu, jika kamu orang-orang yang berniat baik, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun terhadap orang-orang yang sentiasa bertaubat(25). Berikanlah kepada kerabatmu haknya masing-masing, juga kepada orang miskin dan orang musafir (yang terlantar) dan janganlah engkau berbelanja dengan membazir(26). Sesungguhnya para pembazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan amat kufur terhadap (ni'mat) Tuhannya(27). Dan jika engkau tidak dapat melayani mereka kerana (masih) mencari rahmat (rezeki) yang engkau harapkannya dari Tuhanmu, maka ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang lemah-lembut(28). Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bersikap bakhil) dan janganlah pula engkau membukanya dengan seluas-luasnya (bersikap boros) menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan lemah"(29).

إِنَّ رَبَّكَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ إِنَّهُۥ كَانَ
بِعِبَادِهِۦ خَبِيرَۢا بَصِيرٗا ٣٠
وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَوۡلَٰدَكُمۡ خَشۡيَةَ إِمۡلَٰقٖۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُهُمۡ وَإِيَّاكُمۡۚ
إِنَّ قَتۡلَهُمۡ كَانَ خِطۡـٔٗا كَبِيرٗا ٣١
وَلَا تَقۡرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ وَسَآءَ
سَبِيلٗا ٣٢
وَلَا تَقۡتُلُواْ ٱلنَّفۡسَ ٱلَّتِي حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلۡحَقِّۗ
وَمَن قُتِلَ مَظۡلُومٗا فَقَدۡ جَعَلۡنَا لِوَلِيِّهِۦ سُلۡطَٰنٗا فَلَا
يُسۡرِف فِّي ٱلۡقَتۡلِۖ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورٗا ٣٣
وَلَا تَقۡرَبُواْ مَالَ ٱلۡيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ
أَشُدَّهُۥۚ وَأَوۡفُواْ بِٱلۡعَهۡدِۖ إِنَّ ٱلۡعَهۡدَ كَانَ مَسۡـُٔولٗا ٣٤
وَأَوۡفُواْ ٱلۡكَيۡلَ إِذَا كِلۡتُمۡ وَزِنُواْ بِٱلۡقِسۡطَاسِ ٱلۡمُسۡتَقِيمِۚ
ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلٗا ٣٥
وَلَا تَقۡفُ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۚ إِنَّ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡبَصَرَ وَٱلۡفُؤَادَ
كُلُّ أُوْلَٰٓئِكَ كَانَ عَنۡهُ مَسۡـُٔولٗا ٣٦
وَلَا تَمۡشِ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَحًاۖ إِنَّكَ لَن تَخۡرِقَ ٱلۡأَرۡضَ
وَلَن تَبۡلُغَ ٱلۡجِبَالَ طُولٗا ٣٧
كُلُّ ذَٰلِكَ كَانَ سَيِّئُهُۥ عِندَ رَبِّكَ مَكۡرُوهٗا ٣٨
ذَٰلِكَ مِمَّآ أَوۡحَىٰٓ إِلَيۡكَ رَبُّكَ مِنَ ٱلۡحِكۡمَةِۗ وَلَا تَجۡعَلۡ مَعَ
ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتُلۡقَىٰ فِي جَهَنَّمَ مَلُومٗا مَّدۡحُورٗا ٣٩

"Sesungguhnya Tuhanmu yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhaya Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya(30). Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang amat besar(31). Dan janganlah kamu hampiri perbuatan zina, kerana sesungguhnya zina itu suatu pencabulan yang keji dan suatu jalan yang buruk akibatnya(32). Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan

dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diyat), oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas dalam tuntutan balas bunuh, sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan(33). Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga dia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah segala perjanjian, kerana perjanjian itu akan ditanya(34). Dan sempurnakanlah sukatan jika kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil, itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya(35). Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu. Sesungguhnya telinga, mata dan hati itu semuanya akan ditanya(36). Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan lagak yang angkuh, kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung(37). Semua (larangan) itu adalah keburukannya amat dibenci di sisi Tuhanmu(38). Itulah sebahagian dari hikmat yang diwahyukan Tuhanmu kepadamu, dan janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan kamu dicampakkan ke dalam Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah"(39).

Di dalam pelajaran yang silam peraturan-peraturan amalan dan balasan, hidayat dan kesesatan, usaha dan hisab telah dihubungkan dengan undang-undang alam buana yang mengendalikan peredaran malam dan siang, dan di dalam pelajaran ini peraturan-peraturan tingkahlaku, adab-adab susila, tugat-tugas individu dan kelompok dihubungkan dengan 'aqidah keesaan Allah selaku ikatan yang kukuh, di mana dihubungkan segala pertalian di dalam keluarga, masyarakat dan kehidupan.

Dalam pelajaran yang silam diterangkan:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus"(9)

juga diterangkan:

وَكُلَّ شَىْءٍ فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci."(12)

Oleh itu di dalam pelajaran ini dijelaskan sebahagian dari perintah-perintah dan larangan-larangan Al-Qur'an yang membawa ke jalan yang amat lurus, juga memperincikan sebahagian dari peraturan tingkahlaku dalam kehidupan di alam kenyataan.

Pelajaran ini dimulakan dengan larangan terhadap syirik dan pengumuman perintah Allah supaya manusia menyembah-Nya sahaja, kemudian dimulakan penjelasan mengenai perintah-perintah dan tugas-tugas, memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa, memberi bantuan kepada kerabat, orang miskin dan orang musafir yang terlantar tanpa memboros dan membazir. Pengharaman membunuh anak, pengharaman zina, pengharaman membunuh orang, penjagaan harta anak yatim, penunaian janji, penyempurnaan sukatan dan timbangan, pemeriksaan yang teliti untuk mempastikan kebenaran sesuatu, larangan berlagak angkuh dan sombong, kemudian diakhiri pula dengan amaran terhadap syirik. Seluruh perintah, larangan dan taklif-taklif itu terkumpul di antara awal pelajaran dengan akhirnya dan semuanya dihubungkan dan disimpulkan kepada 'aqidah tauhid yang menjadi tapak asas binaan kehidupan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

"Janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan kecewa."(22)

Itulah larangan terhadap kepercayaan syirik dan amaran terhadap akibatnya.

Walaupun perintah ini merupakan suatu perintah umum, tetapi ia dihadapkan dalam bentuk perintah kepada individu supaya setiap orang merasa dan sedar bahawa, perintah ini adalah suatu perintah khusus mengenai dirinya atau khusus dikeluarkan kepadanya. Kepercayaan merupakan perkara peribadi, di mana setiap orang bertanggungjawab kepadanya dengan dirinya sendiri. Akibat yang menunggu setiap orang yang menyeleweng dari 'aqidah tauhid ialah dia akan:

مَذْمُومًا

"Tercela....."(22)

kerana perbuatan keji yang dilakukannya.

مَّخْذُولًا ﴿٢٢﴾

"Dan kecewa......"(22)

Dia tidak akan ditolongi Allah, dan barang siapa yang tidak ditolongi Allah akan menjadi seorang yang kecewa walaupun penolongan-penolongnya ramai. Kata:

فَتَقْعُدَ مَذْمُومًا

"Menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela"(22)

menggambarkan keadaan seorang yang terhina dan kecewa hingga dia terduduk atau jatuh terselepoh. Gambaran ini membayangkan betapa lemah kedudukannya, kerana duduk terselepoh itu merupakan keadaan seorang yang amat lemah dan hina diri. Kata-kata itu juga membayangkan keadaan terbiar dan kecewa yang berterusan, kerana perbuatan duduk itu tidak membayangkan pergerakan dan perubahan keadaan. Kata-kata ini memanglah dimaksudkan di tempat ini.

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ

"Dan Tuhanmu telah memutuskan supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja."(23)

Ini merupakan perintah supaya mentauhidkan Allah selepas dilarang melakukan perbuatan syirik. Perintah ini disampaikan dengan kata-kata keputusan, kerana ia merupakan satu perintah yang pasti sama dengan kepastian sesuatu keputusan atau Qadha' Allah. Kata-kata "قضى" (memutus) menyalutkan perintah itu dengan pengertian ketegasan di samping pengertian pembatasan yang memberi makna penafian dan pegecualian iaitu:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ

"Supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja"(23)

kerana itu seluruh suasana ayat ini membayangkan ketegasan dan kepastian.

Setelah ditegakkan asas tauhid barulah diterangkan pula tugas-tugas keindividuan dan tugas-tugas kemasyarakatan, iaitu tugas-tugas yang berasaskan 'aqidah tauhid yang bertapak dalam jiwa, iaitu 'aqidah yang menyatukan motif dan matlamat dari segala tugas dan tindakan.

Hubungan pertama selepas hubungan 'aqidah ialah hubungan keluarga, oleh kerana itu penjelasan ayat ini menghubungkan kewajipan berbuat baik kepada ibubapa dengan kewajipan menyembah Allah untuk menerangkan betapa tingginya nilai berbuat baik kepada ibubapa itu di sisi Allah.

Hubungan Anak Dan Ibubapa

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَٱخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ ٱرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِى صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

"Dan supaya memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat usia tua dalam jagaanmu, maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia(23). Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana perasaan kasih sayang dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil."(24)

Dengan ungkapan-ungkapan yang lemah-lembut dan gambaran-gambaran yang memberi inspirasi inilah Al-Qur'anul-Karim merangsangkan kesedaran berbuat baik dan perasaan kasih sayang di dalam hati anak-anak. Ini disebabkan kerana hidup yang terus mara membawa makhluk-makhluk yang hidup itu sentiasa menarik perhatian mereka supaya memandang ke depan, iaitu memandang kepada zuriat keturunan, memandang kepada generasi baru dan generasi masa depan. Perhatian mereka sangat sedikit memandang ke belakang, iaitu memandang kepada orang tua-orang tua, memandang kepada generasi-generasi yang sedang mengundur diri. Oleh sebab inilah generasi anak-anak perlu membangkitkan kesedaran mereka supaya berpusing ke belakang dan menoleh kepada ayah-ayah dan ibu-ibu mereka.

Fitrah semulajadi yang mendorong kedua ibubapa berusaha membela anak-anak mereka dan membuat mereka sanggup berkorban apa sahaja walaupun diri mereka sendiri. Jika tunas tumbuhan yang hijau menyedut segala makanan yang terdapat pada biji benih hingga akhirnya menjadi hancur, dan jika anak ayam dalam telur itu menyedut segala makanan yang terdapat dalam telur hingga akhirnya tinggal kulit, maka begitulah juga anak-anak manusia menyedut segala madu, segala kesihatan, segala daya usaha dan segala perhatian ibubapa mereka hingga akhirnya mereka menjadi tua renta jika kedua-duanya dipanjangkan umur, namun begitu kedua-duanya tetap merasa bahagia dan senang hati.

Tetapi bagi anak-anak pula mereka cepat melupakan semua pengorbanan-pengorbanan ibubapa. Mereka mengambil giliran mereka berkejar ke depan dan menumpu perhatian mereka kepada isteri-isteri dan anak-anak mereka pula. Demikianlah kemaraan hidup.

Justeru itu para ibubapa tidak perlu berpesan supaya anak-anaknya menjaga dan membela anak-anak mereka, malah para anaklah yang perlu dibangkitkan kesedaran mereka dengan sungguh-sungguh supaya mereka mengingatkan kewajipan mereka terhadap ibubapa yang telah memberi seluruh madu kepada mereka hingga kering (tua renta).

Di sinilah diterangkan perintah supaya berbuat baik kepada ibubapa dalam bentuk keputusan dari Allah yang mendokong pengertian perintah yang wajib setelah menerangkan perintah yang wajib supaya menyembah Allah.

Penjelasan ayat itu memayungi seluruh suasana dengan bayangan yang selembut-lembutnya dan merangsangkan kesedaran supaya mengingati kenangan-kenangan zaman kecil dan perasaan-perasaan kasih sayang dan rindu mesra:

إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا

"Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat umur tua dalam jagaanmu."(23)

Umur yang tua itu mempunyai kehormatan dan kelemahannya, umur yang tua itu mempunyai makna dan saranannya. Kata-kata "عندك" (di bawah jagaanmu) menggambarkan pengertian berlindung dan menumpang ketika tua dan lemah.

فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنۡهَرۡهُمَا

"Maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya."(23)

Inilah peringkat pertama dari peringkat-peringkat memelihara dan menjaga adab sopan terhadap ibubapa, iaitu si anak jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang membayangkan rasa bosan dan marah atau kata-kata yang membayangkan penghinaan dan budi bahasa yang kasar.

وَقُل لَّهُمَا قَوۡلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

"Dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia."(23)

Inilah peringkat budi bahasa positif yang tertinggi, iaitu si anak hendaklah bercakap dengan kedua-dua orang tuanya dengan menggunakan kata-kata yang membayangkan sikap mulia dan menghormati mereka.

وَٱخۡفِضۡ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحۡمَةِ

"Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang."(24)

Di sini ayat ini mengungkapkan dengan uslub yang begitu lembut dan halus. Ia menyentuh lubuk hati dan perasaan. Itulah perasaan kasih sayang yang amat halus hingga ia merupakan seolah-olah sikap rendah diri yang tidak sanggup mengangkat mata dan menolak perintah, dan seolah-olah sikap rendah diri itu mempunyai sayap yang boleh direndahkan untuk menyatakan rasa damai dan menyerah ta'at.

وَقُل رَّبِّ ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

"Dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil."(24)

Itulah kenangan mesra, iaitu kenangan zaman kecil yang lemah di bawah belaan dua ibubapa dan kini kedua-duanya sedang berada dalam keadaan yang lemah dan memerlukan belaan dan kasih mesra sama seperti anak-anak itu memerlukannya di zaman kecil. Itulah do'a si anak kepada Allah supaya melimpahkan rahmat ke atas ibubapa, kerana rahmat dan pemeliharaan Allah itu lebih luas dan syumul dan pekarangan-Nya lebih lapang dan kerana Allahlah yang lebih berkuasa membalas budi baik mereka yang telah memberi darah dan hatinya yang tidak dapat dibalas oleh anak-anak.

Ujar al-Hafiz al-Bazzar dengan sanadnya dari Buraydah dari bapanya: Ada seorang lelaki sedang bertawaf dengan mengendungkan ibunya lalu dia bertanya Nabi s.a.w., "Adakah hamba telah menunaikan haknya (hak ibunya)?" Jawab beliau: "Tidak. Tidak dengan hanya sekali pandang sahaja sampai satu keluhan pun".

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Oleh sebab di dalam ayat ini segala perasaan dan harakat telah dihubungkan dengan 'aqidah, maka ia diiringi dengan pernyataan yang memulangkan segala urusan kepada Allah yang mengetahui segala niat hati dan mengetahui segala rahsia di sebalik perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan.

رَّبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمۡۚ إِن تَكُونُواْ صَٰلِحِينَ فَإِنَّهُۥ كَانَ لِلۡأَوَّٰبِينَ غَفُورًا ﴿٢٥﴾

"Tuhan kamu lebih mengetahui segala niat yang tersemat di dalam hati kamu, jika kamu orang-orang yang berniat baik, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun terhadap orang-orang yang sentiasa bertaubat."(25)

Pernyataan ini disebut sebelum menghuraikan taklif-taklif, kewajipan-kewajipan dan peradaban-peradaban yang lain untuk dijadikan rujukan bagi setiap perkataan dan perbuatan dan untuk dibukakan pintu taubat dan kasihan belas kepada orang yang melakukan kesalahan atau cuai menunaikan kewaiipannya, kemudian dia kembali semula kepada Allah dan bertaubat dari kesalahan dan kecuaiannya.

Selama hati itu baik, maka pintu keampunan itu tetap terbuka. Para "Awwabin" ialah orang-orang yang apabila mereka melakukan kesalahan mereka kembali semula kepada Allah memohon keampunan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 28)

Setelah berbicara mengenai kebaktian kepada ibubapa, ayat berikut memperkatakan pula tentang kebaktian kepada seluruh kerabat dan terus menyambung dengan orang-orang miskin dan orang musafir dengan tujuan memperluaskan hubungan kerabat itu supaya merangkumi hubungan-hubungan insaniyah dalam ertikatanya yang luas:

Hubungan Dengan Ahli Kerabat, Orang-orang Miskin Dan Musafir Yang Terlantar

وَءَاتِ ذَا ٱلۡقُرۡبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلۡمِسۡكِينَ وَٱبۡنَ ٱلسَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرۡ تَبۡذِيرًا ﴿٢٦﴾

إِنَّ ٱلۡمُبَذِّرِينَ كَانُوٓاْ إِخۡوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِۖ وَكَانَ ٱلشَّيۡطَٰنُ لِرَبِّهِۦ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

وَإِمَّا تُعۡرِضَنَّ عَنۡهُمُ ٱبۡتِغَآءَ رَحۡمَةٍ مِّن رَّبِّكَ تَرۡجُوهَا فَقُل لَّهُمۡ قَوۡلًا مَّيۡسُورًا ﴿٢٨﴾

"Berikanlah kepada kerabatmu haknya masing-masing, juga kepada orang miskin dan orang musafir (yang terlantar) dan janganlah engkau berbelanja dengan membazir(26). Sesungguhnya para pembazir itu adalah saudara-saudara

syaitan dan syaitan amat kufur terhadap ni'mat Tuhannya(27). Dan jika engkau tidak dapat melayani mereka kerana (masih mencari rahmat (rezeki) yang engkau harapkannya dari Tuhanmu, maka ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang lemah-lembut."(28)

Al-Qur'an menjadikan kerabat, orang miskin dan orang musafir yang terlantar itu mempunyai hak di atas orang-orang Islam yang harus ditunaikan dengan menghulurkan bantuan yang terhak kepada mereka. Dan bantuan ini bukanlah merupakan suatu pemberian kemurahan hati dari seorang kepada seorang yang lain, malah merupakan suatu hak yang difardhukan Allah serta dihubungkan-Nya dengan kewajipan menyembah dan mentauhidkan-Nya. Ia merupakan suatu kewajipan yang pasti ditunaikan untuk melepaskan tanggungjawabnya dan untuk menghubungkan kasih mesra di antaranya dengan orang yang diberikan bantuan itu. Apa yang dilakukannya itu merupakan pelaksanaan kewajipan yang terletak di atas bahunya.

Pengertian Membazir

Al-Qur'an melarang perbuatan membazir, dan yang dimaksudkan dengan pembaziran - mengikut pentafsiran Ibn Mas'ud dan ibn 'Abbas - ialah perbelanjaan yang dibelanjakan pada jalan yang tidak sebenar. Ujar Mujahid, sekiranya seseorang itu membelanjakan seluruh harta kekayaannya pada jalan yang sebenar, maka dia tidak disifatkan sebagai seorang pembazir, tetapi sebaliknya jika dia membelanjakan secupak makanan pada jalan yang tidak sebenar, maka dia disifatkan sebagai seorang pembazir.

Jadi, yang diperhitungkan di sini bukannya banyak sedikit perbelanjaan itu, tetapi ialah tempat dibelanjakan harta itu. Oleh sebab itulah orang-orang yang membazir itu dianggap saudara-saudara syaitan kerana mereka membelanjakan harta mereka ke jalan kebatilan, kejahatan dan maksiat. Mereka benar-benar merupakan saudara-saudara dan rakan-rakan sejawat syaitan:

وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ لِرَبِّهِۦ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

"Dan syaitan-syaitan amat kufur terhadap ni'mat Tuhannya."(27)

Dan andaikata seorang itu belum lagi mempunyai keluasan harta yang membolehkannya untuk menunaikan hak kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang musafir dan merasa malu untuk menghadapi mereka lalu dia berdo'a kepada Allah agar mengurniakan rezeki kepadanya dan kepada mereka, maka hendaklah dia janjikan mereka hingga ke masa dia mendapat keluasan dan hendaklah dia bercakap dengan mereka dengan perkataan-perkataan yang lemah-lembut, dan janganlah menaruh perasaan bosan terhadap mereka dan janganlah pula diam membisu sahaja menyebabkan mereka merasa tidak senang dan marah, kerana kata-kata yang lemah-lembut dan menyenangkan itu dapat memberi pampasan, harapan dan kesabaran kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Sehubungan dengan pembaziran dan larangan melakukannya, Al-Qur'an menyuruh supaya mengamalkan sikap bersederhana dalam semua perbelanjaan:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ ٱلْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bersikap bakhil) dan janganlah pula engkau membukanya dengan seluas-luasnya (bersikap boros) menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan lemah."(29)

Perimbangan merupakan asas yang pokok dalam sistem hidup Islam, dan keterlaluan merosakkan perimbangan. Pengungkapan di sini berlangsung dengan cara gambaran, di mana sifat bakhil digambarkan dengan tangan yang terbelenggu di leher dan sifat memboros digambarkan dengan tangan yang terbuka dengan seluasnya hingga tidak dapat memegang sesuatu apa, dan seterusnya menggambarkan kesudahan bakhil dan boros itu dengan duduk terselepoh yang membayangkan kedudukan orang yang tercela dan lemah. Kata-kata "الحسير" dari segi bahasa bererti binatang yang tidak dapat berjalan dan berhenti kerana lemah, demikianlah juga si bakhil menjadi lemah dengan sebab tabi'at kikirnya menyebabkannya tidak dapat bergerak. Begitulah juga nasib pemboros lambat-laun dia akan ber-akhir dengan kelumpuhan dan terselepoh lemah. Dan kedua-dua sifat bakhil dan pemboros itu adalah sifat yang hina dan tercela belaka, dan sebaik-baik sikap ialah bersederhana.

Kemudian perintah bersederhana itu diiringi pula dengan pernyataan bahawa pemberi rezeki itu ialah Allah. Dialah yang meluas dan melapangkan rezeki dan Dialah juga yang menyempit dan mengetatkan rezeki dan Allah yang memberi rezeki itulah yang menyuruh manusia supaya bersederhana di dalam perbelanjaan:

إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya."(30)

Allah yang meluaskan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan ilmu dan penglihatan-Nya yang amat mendalam, begitu juga Dia menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan

ilmu dan penglihatan-Nya yang mendalam. Allah menyuruh bersederhana di dalam perbelanjaan dan melarang bersikap kikir dan pemboros. Dialah Yang Maha Mengetahui dan melihat sesuatu yang paling baik dalam segala keadaan dan Dialah yang telah menurunkan Al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam segala keadaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Membunuh Anak Perempuan Kerana Takut Miskin

Setengah-setengah orang Arab di zaman jahiliyah membunuh anak-anak perempuan mereka kerana takut kepada kemiskinan dan kepapaan, oleh sebab di dalam ayat yang silam telah dijelaskan bahawa Allahlah yang meluas dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, maka (kini) diiringi pula dengan larangan membunuh anak kerana takut miskin dan papa. Ini adalah amat sesuai dengan tempatnya dalam penjelasan ayat-ayat ini, kerana selama rezeki itu di tangan Allah, maka sudah tentu tiada apa-apa hubungan di antara kepapaan dengan keramaian anak-anak atau dengan jantina anak-anak, malah segala urusan adalah terpulang kepada Allah belaka. Apabila hubungan di antara kepapaan dan keramaian anak-anak itu telah terhapus dari pemikiran manusia dan dapat membetulkan 'aqidah mereka dari segi ini, maka dengan sendiri pula akan terhapusnya motif dan dorongan untuk melakukan perbuatan liar yang bertentangan dengan fitrah makhluk-makhluk yang bernyawa dan undang-undang hayat itu:

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ۚ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْـًٔا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang amat besar."(31)

Penyelewengan dan kerosakan 'aqidah menimbulkan kesan-kesannya yang buruk di dalam kehidupan masyarakat. Ia tidak terhenti setakat kerosakan 'aqidah dan upacara-upacara beribadat sahaja. Justeru itu pembetulan 'aqidah melahirkan kesan-kesannya yang baik. Ia dapat membetulkan perasaan-perasaan manusia dan memelihara kesejahteraan-nya juga memelihara kesejahteraan dan kelurusan kehidupan masyarakat. Contoh penanaman anak-anak perempuan merupakan satu contoh yang jelas yang membuktikan kesan-kesan 'aqidah terhadap kehidupan masyarakat manusia dan membuktikan bahawa hidup manusia itu tetap terpengaruh kepada 'aqidah dan 'aqidah tidak pernah hidup terpencil dari kehidupan.

Sekarang marilah kita berhenti sejenak memperhatikan kehalusan-kehalusan pengungkapan Al-Qur'an yang amat mengkagumkan itu.

Di tempat ini Al-Qur'an mendahulukan sebutan rezeki anak-anak di atas rezeki-rezeki bapa-bapa iaitu:

نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ۚ

"Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu"(31)

tetapi di dalam Surah al-An'am Al-Qur'an mendahulukan sebutan rezeki bapa-bapa di atas anak-anak:

نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ

"Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka (anak-anak)."

(Surah al-An'am: 151)

Perbezaan ini disebabkan adanya satu perbezaan yang lain di dalam pengertian dua ayat itu. Ayat (surah) ini berbunyi:

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ۚ

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu."(31)

Sementara ayat (Surah al-An'am) yang satu lagi berbunyi:

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka."

(Surah al-An'am: 151)

Di dalam surah ini membunuh anak kerana takut jatuh ke dalam kepapaan dengan sebab anak-anak dan kerana itu didahulukan sebutan rezeki anak-anak, sedangkan di dalam Surah al-An'am pula membunuh anak dengan sebab bapa-bapa berada di dalam kepapaan yang sebenar, maka kerana itulah didahulukan sebutan rezeki bapa-bapa. Jadi, mendahulu atau mengemudiankan sebutan rezeki anak dan bapa itu adalah disusun mengikut kehendak-kehendak yang sesuai dengan maksud ungkapan-ungkapan di dalam dua surah itu masing-masing.

Dari larangan membunuh anak berpindah pula kepada larangan melakukan zina:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلزِّنَىٰٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

"Dan janganlah kamu hampiri perbuatan zina kerana sesungguhnya zina itu suatu pencabulan yang keji dan suatu jalan yang buruk akibatnya."(32)

Jenayah Berzina

Di antara perbuatan membunuh anak dan melakukan zina itu terdapat hubungan dan persesuaian. Larangan melakukan zina disebut di tengah-tengah, iaitu di antara larangan membunuh anak dengan larangan membunuh manusia yang lain kerana wujudnya hubungan dan persesuaian yang sama.

Perbuatan zina mengandungi pembunuhan dari berbagai-bagai sudut. Zina merupakan perbuatan membunuh dari awal-awal lagi, kerana zina itu menumpahkan benih hayat pada bukan tempatnya yang sebenar dan diikuti pula oleh keinginan mahu menghindarkan diri dari kesan-kesannya dengan membunuh janin sebelum ia membentuk rupa atau selepas ia membentuk rupa sama ada sebelum ia dilahirkan atau selepas ia dilahirkan di dunia. Andai kata janin itu dibiarkan hidup, maka biasanya ia dibiarkan hidup dalam satu kehidupan yang buruk atau kehidupan yang hina, iaitu satu kehidupan yang disia-siakan dalam masyarakat di dalam mana-mana aspeknya, dan zina itu juga merupakan satu bentuk pembunuhan terhadap masyarakat, di mana berkembangnya kejahatan zina yang menyebabkan kehilangan hubungan keturunan dan percampuran darah keturunan dan seterusnya kehilangan kepercayaan terhadap kehormatan dan anak dan mengakibatkan kehancuran ikatan-ikatan masyarakat dan akhirnya membawa kepada keruntuhan yang menyerupai maut di kalangan kelompok-kelompok masyarakat.

Dari sudut yang lain zina merupakan satu pembunuhan kepada masyarakat kerana kemudahan memuaskan nafsu syahwat melalui zina menjadikan kehidupan secara suami isteri merupakan perkara sekundar bukannya perkara yang perlu, dan menjadikan keluarga suatu tanggungjawab yang tidak mustahak, sedangkan keluarga merupakan tapak semaian yang baik bagi anak-anak yang kecil, di mana fitrah dan didikan mereka tidak akan sihat dan betul melainkan apabila mereka dibelakan di sana.

Tiada satu umat di mana kejahatan zina tersebar meluas dalam kalangan masyarakatnya melainkan umat itu tetap menuju ke arah keruntuhan. Ini berlaku sejak zaman purbakala hingga ke zaman moden.

Mungkin setengah orang terkeliru dengan kedudukan Eropah dan Amerika pada hari ini, di mana kedua negara itu memegang teraju kekuatan kebendaan walaupun amalan kejahatan zina berleluasa di dalam kedua masyarakat itu. Tetapi kesan-kesan keruntuhan pada umat-umat yang tua seperti Perancis tidak syak amat ketara. Adapun di kalangan umat-umat yang masih muda seperti Amerika Syarikat, maka kesan-kesan keruntuhan itu belum lagi timbul kerana umat Amerika masih lagi baru dan sumber-sumber kekayaan alamnya sangat luas. Amerika laksana seorang pemuda yang sedang rakus dan keterlaluan memuaskan hawa nafsunya dan kesan-kesan keterlaluan itu belum lagi nampak pada tubuh badannya kerana dia masih muda, tetapi lambat-laun dia akan menghadapi keruntuhan apabila dia melangkah kepada usia yang tua, ketika itu dia tidak lagi berupaya menanggung kesan-kesan umur tua itu sekuat yang dapat ditanggung oleh rakan-rakan sejawatnya yang sederhana.

Al-Qur'an memberi amaran jangan mendekati perbuatan zina. Ini merupakan penekanan supaya menjauhi perbuatan itu, kerana perbuatan zina itu didorongkan oleh keinginan nafsu yang kuat, justeru itu menjauhi dari mendekati itu adalah lebih selamat. Perbuatan mendekati sebab-sebab yang membawa kepada zina itu tidak memberi jaminan yang selamat.

Justeru itulah Islam menyekat jalan zina dengan menjauhi sebab-sebab yang mendorong ke arahnya untuk menjaga supaya seseorang itu tidak terjerumus ke dalamnya. Kerana itu Islam melarang percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan yang tidak perlu, mengharamkan khalwat dan perbuatan bersolek secara berlebih-lebihan. Islam menggalakkan perkahwinan kepada yang mampu, dan berpuasa kepada yang tidak mampu, dan melarang mengadakan halangan-halangan yang boleh menyekat perkahwinan seperti meletakkan maskahwin yang terlalu tinggi. Islam menafikan ketakutan kepada kemiskinan dan kepapaan kerana mempunyai anak-anak yang ramai. Ia menggalakkan supaya diberi subsidi kepada orang-orang yang ingin berkahwin untuk memelihara kesucian diri mereka. Ia menjatuhkan hukuman yang paling berat ke atas jenayah zina apabila berlaku, juga ke atas kesalahan menuduh perempuan-perempuan yang baik tanpa bukti dan lain-lain sarana untuk mencegah perbuatan zina dan mengubatinya agar masyarakat Islam terpelihara dari keruntuhan dan kehancuran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 33)

Larangan membunuh anak dan melakukan perbuatan zina itu diakhiri dengan larangan membunuh orang melainkan dengan sebab yang benar:

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۗ وَمَن قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِۦ سُلْطَٰنًا فَلَا يُسْرِف فِّى ٱلْقَتْلِ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورًا ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diyat), oleh itu janganlah si wali

itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."(33)

Jenayah Membunuh Dan Sebab Yang Menghalalkannya

Islam adalah agama hidup dan agama damai. Membunuh orang merupakan suatu dosa besar di sisi Islam selepas dosa syirik terhadap Allah. Oleh sebab Allah yang mengurniakan hayat, maka tiada siapa selain Allah yang berhak meragutkan hayat kecuali dengan kebenaran-Nya mengikut batas-batasnya yang digaris oleh-Nya. Setiap nyawa itu suci tidak boleh disentuh dan diceroboh melainkan dengan sebab yang benar, dan sebab yang benar yang mengharuskan membunuh orang itu telah ditentukan Allah dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan lagi. Ia bukannya ditinggalkan kepada keputusan fikiran manusia dan tidak pula dibiarkan terpengaruh kepada hawa nafsu manusia. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

لايحل دم امريء مسلم يشهد أن لا إله إلا الله وأنّ محمّدا رسول الله ، إلا بإحدى ثلاث : النّفس بالنّفس ، الزّاني المحصن ، والتارك لدينه المفارق للجماعة

"Tidak halal darah seorang Muslim yang mengaku tiada Tuhan yang lain melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah kecuali dengan salah satu dari tiga sebab: Nyawa dibalas dengan nyawa, penzina yang muhsan, orang yang meninggalkan agamanya dan berpisah dari kelompok Muslimin."

Sebab-sebab yang <u>pertama</u> ialah pembunuhan balas yang adil. Hukuman nyawa di balas dengan nyawa itu dapat menjamin keselamatan nyawa-nyawa orang lain:

وَلَكُمْ فِي ٱلْقِصَاصِ حَيَوٰةٌ

"Dalam hukuman qisas itu terdapat jaminan hidup bagi kamu"

(Surah al-Baqarah: 179)

kerana qisas dapat menghalangkan orang-orang yang ingin menceroboh terhadap nyawa orang lain. Hukuman qisas yang menunggu mereka akan mencegah mereka sebelum mereka tampil melakukan jenayah itu. Ia dapat memberi jaminan hidup dengan menahan pihak yang menuntut hutang darah dari bertindak sewenang-wenang menuntut bela yang tidak berhenti setakat si pembunuh sahaja, malah melampaui orang lain menyebabkan timbulnya pertumpahan darah yang tidak hanya membabitkan dua pihak itu sahaja. Ia dapat memberi jaminan hidup kerana setiap orang merasa aman terhadap keselamatan diri dan merasa yakin terhadap keadilan hukuman qisas. Oleh sebab itu dia dapat keluar dengan bebas untuk bekerja dan bergiat menghasilkan pengeluaran-pengeluaran. Demikianlah seluruh umat dapat hidup dengan aman dan selamat.

Sebab yang <u>kedua</u> ialah untuk menolak kerosakan yang membawa pembunuhan akibat tersebarnya maksiat zina, kerana zina merupakan satu bentuk pembunuhan sebagaimana kami telah terangkan tadi.

Sebab yang <u>ketiga</u> ialah untuk menolak kerosakan jiwa yang boleh menimbulkan keadaan kacau-bilau di dalam masyarakat Islam, mengancamkan keamanan dan sistem hidupnya yang telah dipilih oleh Allah dan menyerahkannya kepada golongan yang mahu membunuh masyarakat Islam. Orang yang meninggalkan agamanya (murtad) dan berpisah dengan masyarakat Islam itu pada hakikatnya dia membunuh (masyarakat Islam) kerana (pada mulanya) dia telah memilih agama Islam tanpa dipaksa dan terus masuk menjadi anggota masyarakat Islam, di mana dia mengetahui segala rahsia-rahsianya. Oleh sebab itu apabila dia keluar dari agama Islam sesudah itu, maka perbuatan itu merupakan ancaman kepada keselamatan masyarakat Islam. Andainya (dari awal lagi) dia tinggal di luar masyarakat Islam, tiada seorang pun akan memaksanya memeluk agama Islam, malah Islam menjamin akan memberi perlindungan kepadanya jika dia dari golongan Ahlil-Kitab, dan menjamin keamanan dan keselamatannya jika dia dari golongan Musyrikin, dan selepas ini tiada lagi samahah (toleransi) kepada orang-orang yang menentang 'aqidah Islam.

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۗ وَمَن قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِۦ سُلْطَٰنًا فَلَا يُسْرِف فِّى ٱلْقَتْلِ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورًا ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diat), oleh itu janganlah Si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."(33)

Itulah tiga sebab yang mengharuskan pembunuhan. Oleh itu sesiapa yang dibunuh dengan zalim tanpa salah satu dari tiga sebab tersebut, maka Allah telah memberi kuasa (menuntut qisas atau diat) kepada walinya - waris yang terdekat kepadanya - terhadap si pembunuh itu, jika wali itu suka dia boleh menuntut hak balas bunuh, dan jika dia suka dia boleh memaafkannya dengan menuntut bayaran diat, dan jika dia kehendaki dia boleh memaafkannya tanpa membayar diat. Pendeknya dialah pihak yang berkuasa menentukan keputusannya terhadap si pembunuh itu kerana hutang darah itu berada dalam bidang kuasanya.

Wali Mangsa Yang Terbunuh Diberi Kuasa Menuntut Qisas Atau Diat

Walaupun si wali itu diberi kuasa yang amat besar, namun Islam melarangnya dari bertindak melakukan pembunuhan yang melampaui batas kerana

menggunakan kuasa yang telah dikurniakan kepadanya. Pembunuhan yang melampaui batas ialah pembunuhan yang melampaui si pembunuh, dan membabit orang-orang yang lain darinya yang tidak berdosa, sebagaimana yang berlaku dalam tradisi menuntut bela di zaman jahiliyah, di mana bapa-bapa, saudara-saudara lelaki, anak-anak lelaki dan kaum kerabat yang tidak berdosa itu turut sama dibabitkan di dalam pembunuhan itu semata-mata kerana mereka tergolong di dalam keluarga si pembunuh. Pembunuhan yang melampaui batas juga ialah pembunuhan dalam bentuk memotong dan mencaing-caingkan anggota si pembunuh. Pihak wali hanya diberi kuasa menuntut hutang darah ke atas pembunuh itu tanpa pencaingan anggota-anggotanya, kerana Allah bencikan perbuatan itu dan Rasulullah s.a.w. telah melarangkannya.

فَلَا يُسْرِف فِّي ٱلْقَتْلِ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورًا ﴿٣٣﴾

"Oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."(33)

Allah tetap memberi kuasa kepadanya dan dia tetap dibantu oleh undang-undang syara' dan ditolong oleh hakim. Oleh sebab itulah dia harus berlaku adil dalam tuntutan qisasnya. Seluruh pihak yang berkuasa akan menolongnya dan berusaha mendapatkan haknya.

Pemberian kuasa kepada wali menuntut hak qisas terhadap si pembunuh dan pengemblengan kuasa undang-undang syara' dan kuasa hakim untuk membantunya merupakan langkah-langkah untuk memenuhi keinginan fitrah manusia dan menenangkan gelora kemarahan yang dialami pihak wali yang mungkin mendorongnya bertindakbalas dengan sewenang-wenang dalam suasana dendam dan emosi yang berkobar-kobar tanpa garis panduan. Tetapi jika pihak wali itu (dari awal lagi) sedar bahawa Allah telah memberi kuasa kepadanya untuk menuntut hak qisas terhadap darah si pembunuh dan sedar bahawa para hakim telah ditugas untuk membantunya dalam mendapatkan hak qisas itu tentulah kemarahannya yang berkobar-kobar itu menjadi tenang dan hatinya kembali tenteram dan dia akan berhenti setakat menuntut hak qisas yang adil dan tenang.

Manusia tetap dengan sifat-sifat manusianya, oleh itu dia tidak boleh dituntut dan disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan keinginan fitrahnya yang begitu gemar menuntut hak qisas. Kerana itulah Islam mengakui keinginan fitrah ini dan memenuhi tuntutannya dalam batas-batas yang aman. Islam tidak mengabaikan kehendak-kehendak fitrah itu dengan mewajibkan sikap tasamuh/bertolak ansur secara paksa, malah Islam hanya menyeru dan menggalakkan mereka ke arah sikap bertolak ansur dan mengutamakannya, kemudian menjanjikannya dengan balasan pahala tetapi selepas mereka diberi kuasa menuntut hak qisas. Ketika itu pihak wali bebas sama ada hendak menuntut hak qisas atau memberi kemaafan. Kesedaran pihak wali bahawa dia mempunyai kuasa penuh dalam perkara ini kadang-kadang boleh mendorongnya ke arah memaaf dan bertolak ansur, tetapi jika dia sedar bahawa dia dipaksa memberi kema'afan, maka ini mungkin membangkitkan kemarahannya dan mendorongnya ke arah tindakan-tindakan yang melampaui batas dan liar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 34)

Setelah selesai membicarakan tentang kehormatan maruah dan nyawa, maka Al-Qur'an memperkatakan pula tentang kehormatan harta benda anak yatim dan kehormatan perjanjian:

Penjagaan Harta Anak Yatim

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ ۚ وَأَوْفُوا۟ بِٱلْعَهْدِ ۖ إِنَّ ٱلْعَهْدَ كَانَ مَسْـُٔولًا ﴿٣٤﴾

"Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga dia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah segala perjanjian kerana perjanjian itu akan ditanya."(34)

Islam memelihara kehormatan darah, maruah dan harta benda setiap Muslim. Sabda Rasulullah s.a.w.:

كلّ المسلم على المسلم حرام دمه وعرضه وماله

"Setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah diharamkan darahnya, maruahnya dan harta bendanya." [1]

Tetapi Islam menekankan penjagaan harta benda anak yatim dan menonjolkan larangan itu dengan kata-kata jangan menghampiri harta benda mereka melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya. Ini disebabkan kerana anak-anak yatim itu tidak mampu menguruskan harta benda mereka dan mempertahankannya. Masyarakat Islam adalah diwajibkan memelihara dan menjaga anak yatim dan harta benda mereka sehingga mereka meningkat usia dewasa, cerdik dan mampu menguruskan sendiri harta benda mereka dan mempertahankannya.

Di antara perkara-perkara yang menarik perhatian mengenai perintah-perintah dan larangan-larangan (di dalam Al-Qur'an) ialah kewajipan-kewajipan yang diwajibkan ke atas setiap individu itu diungkapkan suruhan dan larangannya dengan sighah mufrad/susun kata tunggal, sedangkan kewajipan-kewajipan yang diwajibkan ke atas masyarakat diungkapkan suruhan dan larangan-larangannya dengan sighah jama'/susun kata majmuk. Misalnya kewajipan-kewajipan berbakti kepada dua ibubapa,

---

[1] *Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi.*

memberi bantuan kepada kerabat, orang miskin, orang musafir, larangan membazirkan harta, suruhan mengamalkan sikap sederhana dalam urusan perbelanjaan, iaitu sikap sederhana di antara kikir dan memboros, suruhan mempastikan kebenaran sesuatu perkara dan larangan bersikap takbur dan angkuh adalah semuanya diungkapkan dengan sighah mufrad/susun kata tunggal kerana kewajipan-kewajipan itu merupakan kewajipan individu. Sementara larangan-larangan membunuh anak, melakukan perbuatan zina, membunuh orang dan suruhan-suruhan menjaga harta benda anak yatim, menunaikan perjanjian, menyempurnakan sukatan dan timbangan diungkapkan dengan sighah jama/susun kata majmuk kerana kewajipan-kewajipan ini merupakan kewajipan kelompok.

Oleh sebab itulah larangan mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang sebaik-baiknya itu diungkapkan dengan sighah majmuk supaya seluruh orang ramai Islam bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim dan harta benda mereka. Ini adalah tanggungjawab mereka selaku orang Islam terhadap anak-anak yatim.

Oleh kerana penjagaan harta anak-anak yatim itu merupakan kewajipan orang ramai Islam, maka Al-Qur'an telah menghubungkan kewajipan ini dengan kewajipan menunaikan perjanjian secara umum:

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا ﴿٣٤﴾

"Dan sempurnakanlah segala perjanjian kerana perjanjian itu akan ditanya.(34)"

Allah Jalla JalaluHu akan menyoal tentang penunaian perjanjian itu dan akan menghisab setiap mereka yang memungkiri dan membatalkan perjanjian itu.

Pengotaan Perjanjian

Islam menekan berat terhadap kewajipan menyempurnakan perjanjian, kerana penunaian perjanjian merupakan tempat pergantungan kejujuran, kepercayaan dan kebersihan di dalam hati nurani individu dan di dalam kehidupan orang ramai. Pembicaraan mengenai kewajipan menunaikan perjanjian ini telah dikemukakan berulang-ulang kali dengan berbagai-bagai bentuk di dalam Al-Qur'an dan al-Hadith, sama ada perjanjian dengan Allah atau perjanjian dengan manusia, perjanjian individu, perjanjian kelompok, perjanjian negara, perjanjian pemerintah dan perjanjian rakyat yang diperintah. Di dalam sejarah realiti, Islam telah mencapai tahap yang amat tinggi dalam kejujuran menyempurnakan perjanjian, iaitu tahap yang tidak dapat dicapai oleh manusia melainkan di bawah naungan Islam[2].

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 35)

Dari kewajipan menyempurnakan perjanjian beralih pula kepada kewajipan menyempurnakan sukatan dan timbangan:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٣٥﴾

"Dan sempurnakanlah sukatan jika kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil, itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya."(35)

Penyempurnaan Sukatan Dan Timbangan

Titik persamaan di antara kewajipan menyempurnakan perjanjian dengan kewajipan menyempurnakan sukatan dan timbangan adalah jelas dari segi makna dan kata-kata. Oleh itu peralihan pembicaraan di dalam susunan ayat diselaraskan dengan jelas.

Penyempurnaan sukatan dan kejujuran dalam timbangan merupakan amanah di dalam mu'amalat dan kebersihan di dalam hati. Ia dapat menegakkan kejujuran bermu'amalat di dalam masyarakat, memberi kepercayaan kepada orang ramai dan menyempurnakan keberkatan di dalam kehidupan:

ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٣٥﴾

"Itulah Yang lebih baik dan lebih elok akibatnya."(35)

Ia mendatangkan hasil yang amat baik di dunia dan akibat yang amat elok di Akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يقدر رجل على حرام ثم يدعه ، ليس به إلاّ مخافة الله، إلاّ أبدله الله به في عاجل الدنيا قبل الآخرة ما هو خير من ذلك

"Tiada seorang yang mampu melakukan sesuatu perbuatan yang haram kemudian dia meninggalkan perbuatan itu, sedangkan tiada sesuatu yang menghalangkannya selain dari perasaan takut kepada Allah, nescaya Allah gantikannya di dunia ini lagi sebelum Akhirat dengan kebaikan yang lebih baik dari itu (yakni dari keuntungan dari perbuatan yang haram itu)."

Ketamakan dalam sukatan dan timbangan itu membayangkan kekotoran dan kehinaan hati. Penipuan dan pengkhianatan di dalam mu'amalat itu menggoncangkan kepercayaan orang ramai dan mengakibatkan kelembapan dan kemelesetan urusniaga dan mengurangkan keberkatan di dalam masyarakat menyebabkan akibat yang buruk ini kembali menimpa individu-individu itu sendiri. Mereka mengira mereka telah mendapat keuntungan dari perbuatan mengurangkan sukatan dan timbangan itu, sedangkan keuntungan itu hanya merupakan satu keuntungan lahir yang sebentar sahaja, kerana akibat kelembapan dan kemelesetan urusniaga di dalam masyarakat ini tidak lama akan kembali menimpa individu-individu itu sendiri.

[2] *Lihat buku "السلام العالمي والإسلام" bab "السلام المجتمع" dan bab "سلام العالم" bahagian "العنصر الأخلاقي في المعاملات"*

Ini adalah satu hakikat yang memang disedari oleh orang-orang yang mempunyai pandangan yang jauh di alam perniagaan dan kerana itu mereka telah mematuhinya. Kepatuhan mereka bukanlah terbit dari dorongan akhlak atau motif keagamaan, malah oleh semata-mata kesedaran mereka dari pengalaman-pengalaman amali di dunia pasaran niaga.

Perbezaan di antara mereka yang mematuhi sukatan dan timbangan yang sempurna berdasarkan kepentingan perniagaan dengan mereka yang mematuhinya berdasarkan pegangan agama ialah mereka yang mematuhi berdasarkan pegangan agama dapat merealisasi matlamat perniagaan dan serentak itu juga dapat menambahkan kebersihan hatinya dan meninggikan pandangan dan hasratnya di dalam kegiatan amalinya ke ufuk yang lebih tinggi dari alam bumi, dan memberikan kefahaman yang lebih luas dalam memahami dan menghayati kehidupan.

Demikianlah Islam sentiasa menegakkan matlamat-matlamat hidup yang amali di sepanjang perjalanan menuju kepada ufuk-ufuk yang gemilang, di sepanjang masanya yang jauh dan seluruh bidang-bidangnya yang amat luas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 36)

'Aqidah Islam adalah satu 'aqidah yang amat jelas, lurus dan terang. Tiada suatu di dalam 'aqidah Islam yang dilandaskan di atas andaian atau prasangka atau pendapat yang mengelirukan:

Methodologi Mempastikan Kebenaran Sesuatu Perkara Dan Tanggungjawabnya

"Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu. Sesungguhnya telinga, mata dan hati itu semuanya akan ditanya."(36)

Ayat yang pendek ini membentuk satu pendekatan atau methodologi yang sempurna bagi hati dan akal manusia termasuk methodologi ilmiyah yang baru sahaja diketahui manusia, di samping ditokokkan pula dengan unsur kejujuran hati dan murakabah dengan Allah yang merupakan ciri keistimewaan Islam yang mengatasi methodologi-methodologi aqliyah lain yang kering.

Amalan mempastikan kebenaran sesuatu berita, sesuatu gejala dan sesuatu pergerakan sebelum menghukumkannya merupakan anjuran Al-Qur'an-Karim dan methodologi Islam yang halus dan hemat. Apabila hati dan akal manusia mengikut methodologi ini dengan jujur, maka tiada lagi ruang di alam 'aqidah yang dapat dimasuki prasangka dan kepercayaan khurafat, dan tiada lagi ruang di alam penghakiman, pengadilan dan mu'amalat yang dapat dimasuki oleh andaian-andaian dan pendapat-pendapat yang keliru, dan seterusnya tiada lagi ruang di alam penyelidikan-penyelidikan, ujian-ujian dan ilmu pengetahuan yang dapat dimasuki oleh pendapat-pendapat yang dangkal dan andaian-andaian yang karut.

Amanah ilmiyah yang dibangga-banggakan oleh manusia di zaman moden ini tidak lain dan tidak bukan melainkan merupakan sebahagian dari amanah aqliyah dan hati yang diumumkan tanggungjawabnya yang agung oleh Al-Qur'an. Pengumuman itu menjadikan setiap orang bertanggungjawab terhadap pendengaran, penglihatan dan hatinya di hadapan Allah yang mengurniakan telinga, mata dan hati itu.

Itulah amanah anggota dan pancaindera, amanah akal dan hati. Inilah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap orang, amanah yang dipertanggungjawabkan kepada anggota-anggota, pancaindera, akal dan hati semuanya. Itulah amanah yang membuat hati gementar kerana kehalusan dan keberatannya setiap kali lidah melafazkan satu perkataan, setiap kali seseorang itu mengesahkan satu cerita dan setiap kali dia mengeluarkan satu pendapat atau hukuman terhadap seorang lain atau terhadap suatu perkara atau peristiwa.

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ

"Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu."(36)

Janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya dengan yakin dan belum kamu pastikan kesahihannya sama ada berupa perkataan yang digembar-gemburkan orang atau berupa cerita yang diperikan atau berupa suatu gejala yang ditafsirkan atau berupa sesuatu kejadian yang diberikan sebabnya atau berupa hukum syara' atau berupa persoalan 'aqidah.

Tersebut di dalam al-Hadith (sabda Rasulullah s.a.w.):

إيّاكم والظّنّ فإن الظّنّ أكذب الحديث

"Awasilah prasangka kerana prasangka itu sebohong-bohong percakapan."

Tersebut dalam Sunan Abu Daud (sabda Rasulullah s.a.w.):

بئس مطيّة الرّجل: زعموا

"Seburuk-buruk alasan seseorang ialah perkataannya: Kata orang begini begini." [3]

---

[3] *Iaitu bercakap mengenai sesuatu tanpa alasan dan bukti selain dari bersandarkan kepada cerita-cerita dan desas-desus yang diperkatakan orang.*

Dalam sebuah hadith yang lain (sabda Rasulullah s.a.w.):

إن أفرى الفري أن يري الرجل عينيه مالم تريا

"Sesungguhnya dusta yang paling dusta ialah seseorang itu mengaku melihat sesuatu yang tidak pernah dilihatnya."

Demikianlah terdapat banyak ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith yang menegakkan methodologi yang sempurna dan sepadu ini yang bukan sahaja mewajibkan akal supaya berhemat mengeluarkan pendapat-pendapatnya dan mempastikan kesahihan dalam penyiasatan-penyiasatannya, malah hati juga pasti hemat melayani lintasan-lintasan fikiran, kefahaman-kefahaman, perasaan-perasaan dan pendapat-pendapatnya. Oleh sebab itu lidah tidak harus mengeluarkan sesuatu perkataan, tidak harus menceritakan sesuatu peristiwa, tidak harus mengutip sesuatu riwayat, dan akal tidak harus mengeluarkan sesuatu hukuman dan seseorang itu tidak harus membuat sesuatu keputusan melainkan setelah ia pastikan kebenarannya dari segenap perinciannya, segenap hubungannya dan segenap hasil natijahnya sehingga di sana tidak ada lagi sebarang keraguan dan kesamaran terhadap kebenarannya.

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus"(9)

amatlah benar keterangan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 37)

Sifat Angkuh Dan Takbur

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan 'aqidah tauhid ini diakhiri dengan larangan berlagak angkuh yang kosong dan congkak bongkak yang palsu:

وَلَا تَمْشِ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ ٱلْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ ٱلْجِبَالَ طُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan lagak yang angkuh, kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung."(37)

Apabila hati seseorang sunyi dari kesedaran bahawa Allah Yang Maha Kuasa menguasai para hamba-Nya, maka dia akan dipengaruhi perasaan takbur dan sombong kerana kekayaan atau kekuasaan atau kekuatan atau kecantikannya, tetapi jika ia ingat bahawa segala ni' mat yang ada padanya adalah dari pemberian Allah dan ingat bahawa dia amat lemah di hadapan kekuasaan Allah tentulah dia akan merendahkan perasaan takburnya dan menurunkan rasa kesombongannya dan akan berjalan di bumi dengan langkah-langkah yang lemah-lembut tanpa lagak-lagak yang angkuh dan bongkak.

Al-Qur'an menghadapi orang yang takbur dan sombong itu dengan mengemukakan kelemahan dan kekerdilannya:

إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ ٱلْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ ٱلْجِبَالَ طُولًا ﴿٣٧﴾

"Kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung."(37)

Tubuh manusia sangat kecil, tidak sebesar kejadian-kejadian besar yang lain yang telah diciptakan Allah. Dia hanya kuat dengan kekuatan yang dikurniakan Allah dan mulia dengan kemuliaan yang dianugerahi Allah. Dia hanya mulia dengan roh ciptaan Allah yang dihembuskan ke dalam dirinya untuk membolehkannya membuat perhubungan dan bermurakabah dengan Allah agar tidak melupainya.

Sifat tawadhu' dan rendah diri yang diserukan Al-Qur'an dengan mencelakan sifat takbur dan sombong itu merupakan peradaban terhadap Allah, peradaban terhadap sesama manusia, ia merupakan peradaban individu dan peradaban sosial. Tiada yang meninggalkan peradaban ini kepada sifat takbur dan sombong melainkan manusia yang berhati yang kecil dan berminat remeh. Manusia yang takbur dibencikan Allah kerana kesombongan dan kelupaannya terhadap ni'mat-Nya dan dia dibencikan orang ramai kerana gaya hidupnya yang angkuh.

Tersebut di dalam hadith (sabda Rasulullah s.a.w.):

من تواضع للّه رفعه فهو في نفسه حقير وعنده الناس كبير. ومن استكبر وضعه اللّه . فهو في نفسه كبير وعنده الناس حقير. حتّى لهو أبغض إليهم من الكلب والخنزير

"Barang siapa yang merendahkan dirinya kepada Allah nescaya diangkatkan Allah. Oleh itu dia merasa kecil di sisi dirinya, tetapi dipandang besar di sisi orang ramai, dan barang siapa yang berlagak takbur nescaya dia dihinakan Allah. Oleh itu dia merasa besar di sisi dirinya, tetapi dipandang kecil di sisi orang ramai sehingga dia lebih dibenci di sisi mereka dari anjing dan babi."[4]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 39)

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan dan yang biasa ditekan ialah larangan-larangan terhadap perbuatan dan sifat yang keji itu diakhiri dengan pengumuman yang menyatakan kebencian Allah terhadap segala perbuatan dan sifat yang buruk itu:

كُلُّ ذَٰلِكَ كَانَ سَيِّئُهُۥ عِندَ رَبِّكَ مَكْرُوهًا ﴿٣٨﴾

"Semua (larangan) itu adalah keburukannya amat dibenci di sisi Tuhanmu."(38)

Pengumuman ini merupakan intisari dan peringatan terhadap akibat suruhan dan larangan itu, iaitu kebencian Allah terhadap perbuatan-perbuatan dan

---

4 *Diriwayatkan oleb Ibn Kathir di dalam tafsirnya.*

sifat-sifat yang buruk itu. Di sini Al-Qur'an tidak menyatakan tentang perbuatan-perbuatan yang baik yang disuruh itu kerana yang biasa ditekan dalam perkara-perkara itu ialah larangan terhadap perbuatan-perbuatan dan sifat-sifat yang buruk sebagai-mana telah kami terangkan tadi.

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan itu juga diakhiri sama seperti dimulakannya iaitu dengan menghubungkannya kepada Allah dan kepada 'aqidah tauhid serta memberi amaran terhadap perbuatan syirik, juga dengan menyatakan bahawa suruhan-suruhan dan larangan-larangan itu merupakan sebahagian dari hikmat yang dikemukakan Al-Qur'an yang diwahyukan Allah kepada Rasulullah s.a.w.:

ذَٰلِكَ مِمَّآ أَوْحَىٰٓ إِلَيْكَ رَبُّكَ مِنَ ٱلْحِكْمَةِ ۗ وَلَا تَجْعَلْ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتُلْقَىٰ فِى جَهَنَّمَ مَلُومًا مَّدْحُورًا ﴿٣٩﴾

"Itulah sebahagian dari hikmat yang diwahyukan Tuhanmu kepadamu dan janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan kamu dicampakkan ke dalam Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah."(39)

Itulah pengakhiran yang serupa dengan permulaan, di mana dua hujungnya tersimpul kukuh dan bersambung dengan tapak asas yang agung, di mana Islam menegakkan binaan kehidupan, iaitu tapak asas tauhid dan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

(Kumpulan ayat-ayat 40 - 57)

أَفَأَصْفَىٰكُمْ رَبُّكُم بِٱلْبَنِينَ وَٱتَّخَذَ مِنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنَٰثًا ۚ إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لِيَذَّكَّرُوا۟ وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤١﴾

قُل لَّوْ كَانَ مَعَهُۥٓ ءَالِهَةٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذًا لَّٱبْتَغَوْا۟ إِلَىٰ ذِى ٱلْعَرْشِ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَقُولُونَ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤٣﴾

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

وَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ جَعَلْنَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ حِجَابًا مَّسْتُورًا ﴿٤٥﴾

وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرًا ۚ وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِى ٱلْقُرْءَانِ وَحْدَهُۥ وَلَّوْا۟ عَلَىٰٓ أَدْبَٰرِهِمْ نُفُورًا ﴿٤٦﴾

نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَسْتَمِعُونَ بِهِۦٓ إِذْ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ وَإِذْ هُمْ نَجْوَىٰٓ إِذْ يَقُولُ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَّسْحُورًا ﴿٤٧﴾

ٱنظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا۟ لَكَ ٱلْأَمْثَالَ فَضَلُّوا۟ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ سَبِيلًا ﴿٤٨﴾

"Apakah wajar Tuhan kamu memilih anak-anak lelaki untuk kamu, sedangkan dia sendiri memilih anak-anak perempuan dari kalangan malaikat? Sesungguhnya kamu telah menuturkan satu perkataan yang amat besar(40). Dan sesungguhnya kami telah berulang-ulang kali membuat penjelasan dengan berbagai-bagai cara dalam Al-Qur'an ini supaya mereka mengambil pengajaran, tetapi semuanya tidak menambahkan sesuatu kepada mereka kecuali semakin jauh (dari kebenaran)(41). (Wahai Muhammad) katakanlah (kepada mereka): Kalau di samping Allah itu ada tuhan-tuhan yang lain seperti yang dikatakan mereka tentulah tuhan-tuhan itu juga akan mencari jalan (mendampingkan diri) kepada Allah yang memiliki 'Arasy(42). Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tinggi-Nya dari (kekarutan) yang dikatakan mereka(43). Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian penghuninya adalah sentiasa bertasbih kepada Allah, dan tiada sesuatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka. Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun(44). (Wahai Muhammad!) Apabila engkau membaca Al-Qur'an, kami jadikan di antaramu dengan orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu suatu dinding yang tersembunyi(45). Dan Kami jadikan penutup-penutup di atas hati mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya (Al-Qur'an) dan (menjadikan) penyumbat di dalam telinga mereka. Dan apabila engkau menyebut nama (Allah) Tuhanmu sahaja di dalam Al-Qur'an, mereka terus berpaling mengundurkan diri kerana benci (46). Kami lebih mengetahui tentang tujuan mereka mendengar Al-Qur'an ketika mereka mendengar bacaanmu dan ketika mereka berbisik-bisik sewaktu orang-orang yang zalim itu berkata: Kamu tidak ikut melainkan seorang yang terkena sihir(47). (Wahai Muhammad!) Lihatlah bagaimana mereka membandingkan engkau dengan berbagai-bagai bandingan kerana itu mereka sesat dan tidak dapat mencari jalan yang benar"(48).

وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٤٩﴾

قُلْ كُونُوا۟ حِجَارَةً أَوْ حَدِيدًا ﴿٥٠﴾
أَوْ خَلْقًا مِّمَّا يَكْبُرُ فِى صُدُورِكُمْ ۚ فَسَيَقُولُونَ
مَن يُعِيدُنَا ۖ قُلِ ٱلَّذِى فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ فَسَيُنْغِضُونَ
إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَ ۖ قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ
قَرِيبًا ﴿٥١﴾
يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَجِيبُونَ بِحَمْدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن
لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾
وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ
يَنزَغُ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ كَانَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوًّا
مُّبِينًا ﴿٥٣﴾
رَّبُّكُمْ أَعْلَمُ بِكُمْ ۖ إِن يَشَأْ يَرْحَمْكُمْ أَوْ إِن يَشَأْ
يُعَذِّبْكُمْ ۚ وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿٥٤﴾
وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِمَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ وَلَقَدْ
فَضَّلْنَا بَعْضَ ٱلنَّبِيِّۦنَ عَلَىٰ بَعْضٍ ۖ وَءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ
زَبُورًا ﴿٥٥﴾
قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِهِۦ فَلَا يَمْلِكُونَ
كَشْفَ ٱلضُّرِّ عَنكُمْ وَلَا تَحْوِيلًا ﴿٥٦﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ ٱلْوَسِيلَةَ
أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُۥ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُۥٓ ۚ
إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا ﴿٥٧﴾

"Dan mereka berkata: Jika kami menjadi tulang-tulang dan bahan hancuran apakah kami akan dibangkitkan kembali sebagai satu makhluk yang baru?(49). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi(50). Atau sesuatu makhluk lain dari makhluk-makhluk yang dipandang tidak mungkin hidup di dalam hati kamu (nescaya kamu tetap juga akan dibangkitkan kembali). Mereka akan terus berkata: Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali? Jawablah: Ialah Allah yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama. Mereka akan menganggukk-nganggukkan kepala mereka kepadamu dan bertanya (mengejek): Bilakah kebangkitan itu? Jawablah: Mungkin tidak lama lagi(51). (Ingatlah) hari Allah akan menyeru kamu (di dalam kubur) dan kamu akan menyahut seruannya dengan memuji-Nya dan (ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja(52). Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang Mu'min) supaya mereka bercakap dengan kata-kata yang lebih baik, sesungguhnya syaitan sentiasa menghasut untuk menimbulkan perbalahan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh manusia yang amat nyata(53). Tuhan kamu amat mengetahui tentang (masa depan) kamu. Jika Dia kehendaki Dia merahmatkan kamu atau jika Dia kehendaki Dia mengazabkan kamu. Dan Kami tidak utuskan engkau sebagai penguasa di atas mereka(54). Dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang seluruh penghuni langit dan bumi. Dan sesungguhnya Kami telah melebihkan setengah-setengah nabi dari setengah nabi-nabi yang lain, dan Kami telah mengurniakan kitab Zabur kepada Daud(55). Katakanlah: Panggillah kamu orang-orang yang kamu dakwa (sebagai tuhan-tuhan) selain dari Allah itu, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menolak malapetaka dari kamu dan tidak pula berkuasa memindahkannya (kepada orang yang lain)(56). Mereka yang diserukan sebagai sekutu-sekutu Allah itu sendiri masing-masing mencari jalan untuk mendampingkan dirinya kepada Allah Tuhan mereka, agar setiap mereka lebih dekat kepada-Nya dan mereka mengharapkan limpah rahmat-Nya dan takutkan 'azab-Nya. Sesungguhnya 'azab Tuhanmu amat ditakuti(57).

Pelajaran yang kedua bermula dan berakhir dengan pembicaraan tauhid dan larangan syirik terhadap Allah, dan di antara mula dan akhir itu dikumpulkan berbagai-bagai taklif, perintah, larangan dan peradaban-peradaban yang semuanya ditegakkan di atas tapak asas tauhid yang kuat. Pelajaran ini bermula dan berakhir dengan mengecam konsep anak dan sekutu dan menyatakan bahawa konsep itu mengandungi fikiran yang kacau dan karut, di samping menjelaskan persamaan arah tujuan seluruh alam buana menuju kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ

"Dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih kepada Allah."(44)

Juga persamaan nasib kesudahan dan kepulangan yang akhir kepada Allah di Akhirat, di samping kesatuan ilmu Allah yang merangkumi seluruh penghuni langit dan bumi dan kesatuan pentadbiran Allah yang mengendalikan seluruh urusan makhluk secara mutlaq:

إِن يَشَأْ يَرْحَمْكُمْ أَوْ إِن يَشَأْ يُعَذِّبْكُمْ

"Jika Dia kehendaki Dia cucurkan rahmat ke atas kamu atau jika dia kehendaki Dia mengazabkan kamu."(54)

Di celah-celah penjelasan ayat-ayat itulah gugur dan runtuhnya kepercayaan-kepercayaan syirik dan munculnya zat Ilahiyah Yang Maha Esa yang satu-satunya menjadi tumpuan ibadat dan arah tujuan para makhluk di samping satu-satunya pemegang kuasa, pentadbiran dan pemerintahan di alam al-wujud ini sama ada yang nyata dan yang tersembunyi, sama ada alam dunia dan alam Akhirat, dan seluruh alam al-wujud kelihatan menuju dan bertumpu kepada pencipta-Nya dalam satu ucapan tasbih yang

panjang dan syumul yang disertai oleh seluruh makhluk hidupan dan seluruh makhluk bendaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 44)

أَفَأَصْفَىٰكُمْ رَبُّكُم بِٱلْبَنِينَ وَٱتَّخَذَ مِنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنَٰثًا ۚ إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

"Apakah wajar Tuhan kamu memilih anak-anak lelaki untuk kamu, sedangkan dia sendiri memilih anak-anak perempuan dari kalangan malaikat? Sesungguhnya kamu telah menuturkan satu perkataan yang amat besar."(40)

Kepercayaan Lucu Tentang Puteri Allah

Pertanyaan ini merupakan satu pertanyaan mengecam dan mencela, iaitu mengecam dakwaan kaum Musyrikin bahawa malaikat-malaikat itu puteri Allah. Maha Suci Allah dari mempunyai anak dan isteri sebagaimana Maha Suci-Nya Allah dari sebarang tandingan dan sekutu, dan mencela perbuatan mereka yang menghubungkan anak-anak perempuan kepada Allah, sedangkan mereka sendiri menganggapkan anak-anak perempuan itu lebih rendah martabatnya dari anak-anak lelaki, dan di samping itu mereka juga membunuh anak-anak perempuan kerana takut papa dan malu. Namun demikian, mereka tergamak menjadikan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan menghubungkan anak-anak perempuan ini kepada Allah. Jika Allah yang mengurniakan anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, apakah wajar Dia memilih anak-anak lelaki yang mempunyai martabat yang utama itu untuk mereka dan memilih anak-anak perempuan yang mempunyai martabat yang rendah itu untuk diri-Nya sendiri?

Semua pertanyaan ini dibuat semata-mata untuk mengikuti jalan fikiran mereka sahaja yang telah membuat dakwaan-dakwaan itu untuk menjelaskan bahawa dakwaan-dakwaan itu adalah mengandungi fikiran-fikiran yang kacau dan karut. Jika tidak, maka seluruh persoalan ini adalah tertolak pada asasnya lagi:

إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya kamu telah menuturkan satu perkataan yang amat besar."(40)

Amat buruk dan amat keji, amat berani dan amat biadab, amat besar pembohongannya hingga terkeluar dari batas yang boleh difikir dan diterima.

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لِيَذَّكَّرُوا۟ وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤١﴾

"Dan sesungguhnya kami telah berulang-ulang kali membuat penjelasan dengan berbagai-bagai cara dalam Al-Qur'an ini supaya mereka mengambil pengajaran, tetapi semuanya tidak menambahkan sesuatu kepada mereka kecuali semakin jauh (dari kebenaran)."(41)

Al-Qur'an membawa 'aqidah tauhid dan untuk menjelaskan 'aqidah ini ia menggunakan berbagai-bagai uslub dan sarana supaya:

لِيَذَّكَّرُوا۟

"Supaya mereka mengambil pengajaran."(41)

Kepercayaan tauhid tidak memerlukan lebih dari kesanggupan seseorang untuk mengambil pengajaran dan kembali kepada fitrah dan logiknya serta kesanggupan untuk kembali kepada ayat-ayat kauniyah/kebuanaan dan maknanya, tetapi malangnya mereka bertambah liar dan benci setiap kali mereka mendengar Al-Qur'an. Mereka bertambah liar, dan benci terhadap 'aqidah tauhid yang dibawa oleh Al-Qur'an dan mereka bertambah liar dan benci kepada Al-Qur'an itu sendiri, kerana takut 'aqidah mereka yang batil, iaitu 'aqidah-'aqidah syirik dan kepercayaan-kepercayaan mereka yang karut itu akan digugat dan ditewaskan Al-Qur'an.

Begitu juga Al-Qur'an mengikuti jalan fikiran mereka mengenai dakwaan-dakwaan mereka tentang anak-anak perempuan yang dihubungkan mereka kepada Allah untuk mendedahkan bahawa dakwaan-dakwaan itu mengandungi fikiran yang kacau dan karut. Al-Qur'an juga mengikuti jalan fikiran mereka mengenai tuhan-tuhan palsu untuk menjelaskan bahawa tuhan-tuhan palsu itu kalau betul ada tentulah mereka juga akan berusaha mendampingkan diri kepada Allah dan berusaha mendapatkan apa-apa sahaja sarana yang boleh membawa kepada Allah:

قُل لَّوْ كَانَ مَعَهُۥٓ ءَالِهَةٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذًا لَّٱبْتَغَوْا۟ إِلَىٰ ذِى ٱلْعَرْشِ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah (kepada mereka): Kalau di samping Allah itu ada tuhan-tuhan yang lain seperti yang dikatakan mereka tentulah, tuhan-tuhan itu juga akan mencari jalan (mendampingkan diri) kepada Allah yang memiliki 'Arasy."(42)

Kata-kata "kalau" mengikut ahli tata bahasa Arab ialah kata-kata kemustahilan untuk menyatakan sesuatu kemustahilan. Oleh itu seluruh persoalan ini adalah mustahil belaka, iaitu di sana tidak ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah sebagaimana yang telah didakwakan mereka, tuhan-tuhan yang lain yang didakwakan mereka tidak lain melainkan hanya makhluk-makhluk dari ciptaan Allah belaka sama ada berupa bintang atau planet, manusia atau haiwan, tumbuhan-tumbuhan atau benda-benda bekuan yang tidak bernyawa. Semua makhluk ini adalah bertawajjuh kepada Allah Pencipta belaka mengikut undang-undang fitrah alam buana, dan semuanya tunduk kepada iradat Allah yang mengendali dan mentadbirkannya. Semuanya masing-masing mencari

jalan menuju kepada Allah melalui kepatuhannya kepada undang-undang Allah dan iradat-Nya.

إِذًا لَّٱبْتَغَوْا۟ إِلَىٰ ذِى ٱلْعَرْشِ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

"Tentulah tuhan-tuhan itu juga akan mencari jalan (mendampingkan diri) kepada Allah yang memiliki 'Arasy."(42)

Sebutan 'Arasy dalam ayat ini membayangkan darjah ketinggian Allah dan kemuliaan-Nya yang mengatasi makhluk-makhluk yang didakwakan mereka sebagai tuhan "di samping" Allah. Mereka semuanya berada di bawah 'Arasy-Nya dan bukan di sampingnya. Kemudian diiringi dengan sebuah pernyataan yang membersihkan zat Allah Yang Maha Tinggi:

سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَقُولُونَ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤٣﴾

"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tinggi-Nya dari (kekarutan) yang dikatakan mereka."(43)

Seluruh Makhluk Bertasbih Kepada Allah

Kemudian penjelasan ayat berikut melukiskan satu pemandangan yang unik bagi seluruh alam buana yang berada di bawah 'Arasy-Nya, yang mana semuanya bertawajjuh dan bertasbih kepada Allah serta masing-masing mencari jalan menuju kepada-Nya:

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

"Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian penghuninya adalah sentiasa bertasbih kepada Allah dan tiada sesuatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka. Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(44)

Pengungkapan ini membuat setiap zarrah di alam buana yang amat besar ini berdenyut hidup dan ia membongkas menjadi satu roh yang hidup, yang bertasbih kepada Allah. Pengungkapan ini membuat seluruh alam buana itu bergerak dan hidup dan membuat seluruh makhluk yang wujud menjadi sebuah lagu tasbih yang merdu dan lunak, yang mengalun-alun tinggi menuju kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa, Yang Maha Besar dan Yang Maha Suci.

Itulah satu pemandangan alam buana yang unik, di mana hati melihat setiap biji batu, setiap biji tumbuhan, setiap helai daun, setiap kuntum bunga, setiap buah-buahan, setiap tumbuh-tumbuhan, setiap pokok kayu, setiap serangga, setiap binatang merangkak/reptilia, setiap haiwan, setiap insan, setiap yang bergerak di bumi dan setiap yang berenang di dalam air dan terbang di udara termasuk penghuni-penghuni langit semuanya bertasbih dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Tinggi.

Sesungguhnya hati kita benar-benar gementar ketika menyedari bahawa seluruh makhluk yang berada di sekeliling kita sama ada yang boleh dilihat atau tidak boleh dilihat telah bergerak hidup, dan setiap kali tangan kita hendak menyentuh sesuatu atau kaki kita hendak memijak sesuatu tiba-tiba kita mendengarnya bertasbih kepada Allah dan bergerak hidup:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ

"Dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah."(44)

Semua kejadian itu masing-masing bertasbih kepada Allah mengikut cara dan bahasanya:

وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ

"Tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka."(44)

Kamu tidak dapat memahaminya kerana kamu terhijab dengan unsur tanah yang tebal dan kerana kamu tidak cuba mendengar dengan hati kamu dan tidak cuba membimbing-nya ke arah memahami rahsia-rahsia alam al-wujud yang tersembunyi dan memahami undang-undang alam yang menarik kepadanya setiap atom yang ada di dalam alam buana yang amat besar ini serta bertawajjuh dengannya kepada Allah yang menciptakan undang-undang itu dan mentadbirkan alam buana yang amat besar itu.

Apabila jiwa seseorang itu jernih hening hingga dapat mendengar setiap yang bergerak dan setiap yang diam berdenyut hidup dengan roh dan bertawajjuh kepada Allah dengan ucapan tasbih, maka ia mempunyai persediaan untuk berhubung dengan al-Mala'ul-A'la dan memahami rahsia-rahsia alam al-wujud yang tidak dapat difahami insan-insan yang lalai, di mana unsur kejadian tanahnya yang tebal itu telah menjadi hijab yang mendindingi di antara hati mereka dengan rahsia-rahsia hayat yang tersembunyi di dalam hati nurani alam al-wujud, iaitu rahsia-rahsia hayat yang berdenyut di dalam setiap makhluk yang bergerak dan diam dan di dalam segala sesuatu yang ada di alam al-wujud ini.

إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(44)

Kesabaran dan keampunan Allah khusus disebutkan di dalam ayat ini kerana ada hubungan dengan ketaqsiran dan kecuaian yang dapat dilihat pada makhluk insan yang berada dalam angkatan alam buana yang bertasbih memuji Allah itu, di mana terdapat di dalam kalangan mereka golongan yang ingkar, mempersekutui Allah, menghubungkan anak-anak perempuan kepada Allah dan lalai cuai dari bertahmid dan bertasbih kepada Allah, sedangkan makhluk insanlah yang lebih wajar dari segala

makhluk yang lain bertasbih dan bertahmid kepada Allah, mendalamkan makrifat dan mentauhidkan Allah. Jika tidak kerana kesabaran dan keampunan Allah tentulah dia menyeksakan mereka dengan keseksaan yang amat berat, tetapi Allah menangguhkan keseksaan itu terhadap mereka dan terus memberi nasihat dan amaran kepada mereka *"Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun"*.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Hijab Di Antara Al-Qur'an Dan Para Penentangnya

Pembesar-pembesar Quraysy memang mendengar bacaan ayat-ayat Al-Qur'an, tetapi mereka bersungguh-sungguh melawan hati mereka supaya jangan berlembut kepadanya dan menentang fitrah mereka supaya jangan terpengaruh kepadanya. Oleh itu Allah jadikan di antara mereka dan Rasulullah s.a.w. satu hijab yang tersembunyi. Dia jadikan hati mereka tertutup tidak dapat memahami Al-Qur'an dan Dia jadikan telinga mereka seakan-akan tuli tidak dapat menanggap panduan-panduan yang terkandung di dalam Al-Qur'an:

وَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ جَعَلْنَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِٱلْءَاخِرَةِ حِجَابًا مَّسْتُورًا ﴿٤٥﴾

وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرًا
وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِى ٱلْقُرْءَانِ وَحْدَهُۥ وَلَّوْا۟ عَلَىٰٓ أَدْبَٰرِهِمْ
نُفُورًا ﴿٤٦﴾

نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَسْتَمِعُونَ بِهِۦٓ إِذْ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ
وَإِذْ هُمْ نَجْوَىٰٓ إِذْ يَقُولُ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا
مَّسْحُورًا ﴿٤٧﴾

ٱنظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا۟ لَكَ ٱلْأَمْثَالَ فَضَلُّوا۟ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ
سَبِيلًا ﴿٤٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Apabila engkau membaca Al-Qur'an, kami jadikan di antaramu dengan orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu suatu dinding yang tersembunyi(45). Dan Kami jadikan penutup-penutup di atas hati mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya (Al-Qur'an) dan (menjadikan) penyumbat di dalam telinga mereka. Dan apabila engkau menyebut nama (Allah) Tuhanmu sahaja di dalam Al-Qur'an, mereka terus berpaling mengundurkan diri kerana benci(46). Kami lebih mengetahui tentang tujuan mereka mendengar Al-Qur'an ketika mereka mendengar bacaanmu dan ketika mereka berbisik-bisik sewaktu orang-orang yang zalim itu berkata: Kamu tidak ikut melainkan seorang yang terkena sihir(47). (Wahai Muhammad!) Lihatlah bagaimana mereka membandingkan engkau dengan berbagai-bagai bandingan kerana itu mereka sesat dan tidak dapat mencari jalan yang benar."(48)

Pemimpin-pemimpin Mencuri Dengar Al-Qur'an Yang Dibacakan Rasulullah Selama Tiga Malam

Ibn Ishaq telah meriwayatkan di dalam as-Sirah daripada Muhammad bin Muslim bin Syihab daripada az-Zuhri, dia menceritakan bahawa Abu Sufyan bin Harb, Abu Jahl bin Hisyam dan al-Akhnas bin Syurayq bin 'Amir bin Wahb ath-Thaqafi sekutu Bani Zuhrah telah keluar pada suatu malam untuk mendengar bacaan Rasulullah ketika beliau sedang mendirikan solat di rumahnya. Setiap orang dari mereka masing-masing memilih tempat duduk untuk mendengar dan masing-masing tidak mengetahui di mana tempat kawan-kawan mereka duduk mendengar. Sepanjang malam itu mereka mendengar (bacaan Rasulullah s.a.w.) sehingga apabila fajar menyinsing mereka pun berundur dari situ dan apabila mereka terserempak di tengah jalan, mereka mencela dan berkata terhadap satu sama lain: "Jangan ulangi perbuatan ini kerana jika kamu dilihat oleh setengah-setengah orang yang bodoh dari kamu tentulah perbuatan kamu akan menimbulkan sesuatu keraguan di dalam hati mereka." Kemudian mereka pun bersurai sehingga apabila tiba malam yang kedua mereka sekali lagi datang ke tempat mereka masing-masing dan terus mendengar di sepanjang malam itu, dan apabila fajar menyinsing mereka berundur dari situ dan sekali lagi mereka terserempak di tengah jalan dan berkata terhadap satu sama lain sama seperti apa yang dikatakan mereka pada kali yang pertama dahulu. Kemudian mereka bersurai, tetapi apabila tiba malam yang ketiga mereka datang lagi ke tempat itu dan terus mendengar di sepanjang malam itu sehingga apabila fajar menyinsing barulah mereka berundur dari situ dan sekali lagi mereka terserempak di tengah jalan lalu mereka pun berkata terhadap satu sama lain: "Kita tidak akan meninggalkan tempat ini sehingga kita berjanji tidak akan mengulangi perbuatan ini". Lalu mereka pun berjanji tidak akan melakukan perbuatan itu lagi, kemudian mereka bersurai. Pada pagi keesokan al-Akhnas ibn Syurayq mengambil tongkatnya kemudian keluar mendapatkan Abu Sufyan bin Harb di rumahnya lalu berkata kepadanya: "Wahai Abu Hanzalah! Terangkanlah kepada saya, apakah pendapat anda tentang perkataan-perkataan (ayat-ayat Al-Qur'an) yang anda dengar semalam dari Muhammad?" Jawab Abu Sufyan: "Wahai Abu Tha'labah! Demi Allah, aku mendengar banyak perkara (ayat-ayat) yang aku tahu dan tahu pula segala maksudnya, dan aku juga mendengar banyak perkara (ayat-ayat) yang aku tidak mengetahui makna dan tujuannya". Ujar al-Akhnas: "Saya juga begitu, demi Tuhan yang saya bersumpah dengannya". Kata rawi: Kemudian al-Akhnas keluar meninggalkan Abu Sufyan untuk menemui Abu Jahl pula, lalu dia masuk ke dalam rumahnya dan berkata

kepadanya: "Wahai Abu Hakam! Apakah pendapat anda tentang perkataan-perkataan yang anda dengar semalam dari Muhammad?" Tanya Abu al-Hakam: "Apakah yang aku dengar?" Kemudian dia berkata: "Kita dengan keluarga Abdul Manaf itu memang sentiasa berlawan dan bertanding untuk merebut kedudukan yang tinggi. Bila mereka menjamu orang kita turut menjamu, bila mereka menjamin kita ikut menjamin dan jika mereka memberi kita ikut memberi sehingga kita sama dengan mereka. Kita tidak ubah seperti dua kuda lumba yang setanding. Tiba-tiba mereka berkata: Dari golongan kami ada seorang nabi yang menerima wahyu dari langit. Bilakah kita akan dapat peluang yang seperti ini? Demi Allah kita tidak akan beriman dengannya (Muhammad) dan tidak akan percaya kepadanya."

Demikianlah fitrah dan hati kaum Quraysy itu memang terpengaruh dan tertarik kepada Al-Qur'an, tetapi mereka menghalang dan menyekat fitrah dan hati mereka dari mengikuti Al-Qur'an, kerana itu Allah jadikan di antara mereka dengan Rasul itu suatu hijab yang tersembunyi, yang tidak ketara pada penglihatan, tetapi dapat dirasakannya oleh hati menyebabkan mereka tidak dapat mengambil manfa'at dari pengajaran-pengajaran Al-Qur'an dan tidak mendapat hidayat dari ayat-ayatnya yang dibacakan oleh beliau, dan demikian-lah mereka berbisik-bisik sesama mereka mengenai kesan-kesan Al-Qur'an yang mempengaruhi hati mereka kemudian mereka berpakat untuk tidak mendengar ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan oleh beliau, tetapi kekuatan pengaruh Al-Qur'an telah mengalahkan mereka menyebabkan mereka terpaksa pergi lagi mendengar bacaan beliau; kemudian mereka kembali berbisik-bisik pula sehingga mereka mengadakan perjanjian tidak akan pergi lagi untuk menahankan diri mereka dari mendengar Al-Qur'an yang amat berpengaruh dan menarik hati itu. Ini adalah berpunca kerana 'aqidah tauhid yang dibicarakan oleh Al-Qur'an itu mengecam kedudukan dan hak-hak istimewa mereka serta menggugat perasaan keangkuhan mereka menyebabkan mereka benci dan lari dari Al-Qur'an:

وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِي ٱلْقُرْءَانِ وَحْدَهُۥ وَلَّوْا۟ عَلَىٰٓ أَدْبَٰرِهِمْ نُفُورًا ﴿٤٦﴾

"Dan apabila engkau menyebut nama (Allah) Tuhanmu sahaja di dalam Al-Qur'an mereka terus berpaling mengundurkan diri kerana benci."(46)

Mereka bencikan kalimat tauhid yang mengecam kedudukan sosial mereka yang ditegakkan di atas kepercayaan-kepercayaan paganisme yang karut dan adat-adat resam jahiliyah. Jika tidak kerana ini, para pembesar Quraysy itu adalah bijak-bijak belaka, mereka tentulah sedar tentang kelemahan 'aqidah-'aqidah mereka dan tentang kekuatan 'aqidah Islam, mereka cukup arif menilaikan perkataan-perkataan dan tentulah tidak terluput dari pengetahuan mereka tentang keluhuran, ketinggian dan keistimewaan ayat-ayat Al-Qur'an, kerana mereka sendiri tidak dapat menahan diri mereka dari mendengar Al-Qur'an dan terpengaruh kepadanya walaupun mereka bersungguh-sungguh menahan hati mereka.

Fitrah telah mendorong mereka mendengar Al-Qur'an dan terpengaruh kepadanya, tetapi perasaan keangkuhan telah menghalangkan mereka dari menyerah kalah dan mengakui (kebenaran Al-Qur'an), kerana itu mereka bertindak melontarkan berbagai-bagai tohmahan ke atas Rasulullah s.a.w. sebagai alasan dari kesombongan dan kedegilan mereka:

إِذْ يَقُولُ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَّسْحُورًا ﴿٤٧﴾

"Sewaktu orang-orang yang zalim itu berkata: Kamu tidak ikut melainkan seorang yang terkena sihir."(47)

Kata-kata ini sendiri membawa bukti yang tersirat bahawa mereka memang terpengaruh dan tertarik kepada Al-Qur'an. Mereka merasa begitu berat untuk mengatakan di dalam hati kecil mereka bahawa Al-Qur'an ini adalah dari gubahan perkataan manusia, kerana mereka memang sedar bahawa di dalam Al-Qur'an itu ada sesuatu yang bukan dari ciptaan manusia dan mereka merasa pengaruhnya yang halus telah menjalar di dalam hati mereka menyebabkan mereka membuat tuduhan bahawa orang yang melafazkan Al-Qur'an itu adalah seorang yang terkena sihir dengan tujuan untuk menghubungkan keanehan, keistimewaan dan keunggulan susunan ayat Al-Qur'an yang dilafazkan Rasulullah s.a.w. itu kepada kuasa sihir. Jadi Muhammad itu bukannya berkata dari hatinya sendiri, malah ia berkata dari kuasa sihir dengan kekuatan yang bukan kekuatan manusia. Tetapi jika mereka bersikap adil tentulah mereka berkata: Bahawa Al-Qur'an itu adalah dari Allah, kerana Al-Qur'an ini tidak mungkin dari perkataan manusia atau dari perkataan mana-mana makhluk Allah yang lain.

"(Wahai Muhammad!) Lihatlah bagaimana mereka membandingkan engkau dengan berbagai-bagai bandingan kerana itu mereka sesat dan tidak dapat mencari jalan yang benar."(48)

Mereka telah membandingkan engkau dengan orang-orang yang terkena sihir, sedangkan engkau bukannya seorang yang terkena sihir, malah sebenarnya engkau adalah seorang rasul. Oleh sebab itulah mereka sesat dan tidak mendapat hidayat. Mereka terpinga-pinga binggung menyebabkan mereka tidak mendapat sesuatu jalan untuk dituju mereka. Mereka tidak dapat menuju ke jalan hidayat dan tidak pula dapat menjelaskan sebab-sebab pendirian mereka yang meragukan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Persoalan Hidup Selepas Mati Merupakan Kemusykilan Pokok Kaum Musyrikin

Itulah tanggapan mereka terhadap Al-Qur'an dan terhadap Rasulullah s.a.w. yang membaca Al-Qur'an kepada mereka. Mereka juga telah mendustakan kebangkitan selepas mati dan tidak percaya kepada alam Akhirat:

وَقَالُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ خَلۡقًا جَدِيدًا ٤٩

قُلۡ كُونُواْ حِجَارَةً أَوۡ حَدِيدًا ٥٠

أَوۡ خَلۡقًا مِّمَّا يَكۡبُرُ فِي صُدُورِكُمۡۚ فَسَيَقُولُونَ مَن يُعِيدُنَاۖ قُلِ ٱلَّذِي فَطَرَكُمۡ أَوَّلَ مَرَّةٖۚ فَسَيُنۡغِضُونَ إِلَيۡكَ رُءُوسَهُمۡ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَۖ قُلۡ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَرِيبٗا ٥١

يَوۡمَ يَدۡعُوكُمۡ فَتَسۡتَجِيبُونَ بِحَمۡدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا قَلِيلٗا ٥٢

"Dan mereka berkata: Jika kami menjadi tulang-tulang dan bahan hancuran apakah kami akan dibangkitkan kembali sebagai satu makhluk yang baru?(49). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi (50). Atau sesuatu makhluk lain dari makhluk-makhluk yang dipandang tidak mungkin hidup di dalam hati kamu (nescaya kamu tetap juga akan dibangkitkan kembali). Mereka akan terus berkata: Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali? Jawablah: Ialah Allah yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama. Mereka akan mengangguk-nganggukkan kepala mereka kepadamu dan bertanya (mengejek): Bilakah kebangkitan itu? Jawablah: Mungkin tidak lama lagi(51). (Ingatlah) hari Allah akan menyeru kamu (di dalam kubur) dan kamu akan menyahut seruannya dengan memujinya dan (ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja."(52)

Persoalan kebangkitan selepas mati telah menjadi punca perdebatan yang panjang di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Musyrikin. Al-Qur'anul-Karim banyak sekali memuatkan perdebatan-perdebatan itu walaupun persoalan ini amat jelas kepada orang yang memahami tabi'at hidup dan mati, tabi'at kebangkitan selepas mati dan tabi'at pengumpulan manusia di Mahsyar. Al-Qur'anul-Karim telah membentangkan hakikat-hakikat ini berkali-kali dengan jelas, tetapi kaum Musyrikin tidak juga memahaminya dengan penjelasannya yang jelas dan mudah itu mereka merasa begitu sukar untuk memahami konsep kebangkitan semula setelah jisim-jisim menjadi hancurlebur dan hilang musnah.

وَقَالُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ خَلۡقًا جَدِيدًا ٤٩

"Dan mereka berkata: Jika kami menjadi tulang-tulang dan bahan hancuran apakah kami akan dibangkitkan kembali sebagai satu makhluk yang baru?"(49)

Ini disebabkan kerana mereka tidak memikirkan bahawa mereka dahulu tidak pernah hidup sama sekali kemudian barulah mereka wujud dan bahawa penciptaan hidup Akhirat itu tidaklah lebih payah dari penciptaan hidup dunia dan bahawa di hadapan qudrat Allah tiada sesuatu yang lebih sukar dari sesuatu yang lain, kerana alat ciptaan Allah hanya satu sahaja apabila hendak menciptakan segala sesuatu iaitu:

كُن فَيَكُونُ ٤٠

"Jadilah, maka iapun terus jadi."(40)

(Surah An-Nahl)

Jadi, semuanya sama sahaja kepada qudrat Allah di antara sesuatu yang senang dan sesuatu yang payah di dalam pandangan manusia apabila ia telah dikehendaki oleh iradat Allah.

Justeru itulah kemusykilan itu dijawab:

قُلۡ كُونُواْ حِجَارَةً أَوۡ حَدِيدًا ٥٠

أَوۡ خَلۡقًا مِّمَّا يَكۡبُرُ فِي صُدُورِكُمۡۚ

"Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi atau sesuatu makhluk lain dari makhluk-makhluk yang dipandang tidak mungkin hidup di dalam hati kamu."(50-51)

Tulang-tulang dan hancuran-hancuran jisim itu memang membawa bau manusia dan kenangan-kenangan hidup, sedangkan besi dan batu amat jauh dari hidup, kerana itu dijawabkan kepada mereka: Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi atau sesuatu makhluk yang lain dari makhluk-makhluk yang lebih jauh lagi kemungkinan hidupnya dari batu dan besi, iaitu kejadian-kejadian yang dipandang amat sukar ditiupkan nyawa yang menghidupkannya nescaya Allah tetap menghidupkan kamu semula (selepas kamu mati).

Mereka sebenarnya tidak berupaya untuk menjadi batu atau besi atau sesuatu kejadian yang lain, tetapi jawapan itu hanya merupakan suatu cabaran sahaja di samping mengandungi sindiran mengecam dan mencela mereka, kerana batu dan besi itu merupakan pepejal-pepejal yang tidak mempunyai perasaan dan ini merupakan satu sindiran dari jauh terhadap kebekuan dan kejumudan pemikiran mereka.

فَسَيَقُولُونَ مَن يُعِيدُنَاۖ

"Mereka akan terus berkata: Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali."(51)

Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali sekiranya kami telah menjadi hancur dan tulang-tulang yang reput atau menjadi satu makhluk yang lain yang lebih sebati dengan sifat mati dan tidak bergerak?

قُلِ ٱلَّذِى فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۚ

"Jawablah: Ialah Allah yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama."(51)

Jawapan ini merupakan jawapan yang memulangkan kemusyrikilan itu kepada satu kefahaman yang mudah, jelas dan selesa, iaitu Allah yang telah menciptakan mereka pada kali yang pertama adalah berkuasa pula untuk menghidupkan mereka kembali, tetapi malangnya mereka tidak memanfa'atkan jawapan ini dan tidak memperolehi keyakinan darinya:

فَسَيُنْغِضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ

"Mereka akan mengangguk-anggukkan kepala mereka kepadamu."(51)

Mereka akan menggerak-gerakkan kepala mereka ke atas ke bawah kerana menolak dan mempersenda-sendakan jawapan itu:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَ

"Dan bertanya (mengejek): Bilakah kebangkitan itu?"(51)

Mereka bertanya begitu dengan tujuan memustahil dan menolakkan kemungkinan kebangkitan itu.

قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَرِيبًا ﴿٥١﴾

"Jawablah: Mungkin tidak lama lagi."(51)

Rasulullah s.a.w. sendiri tidak mengetahui masa kebangkitan selepas mati itu dengan tepat, tetapi mungkin masanya lebih dekat dari apa yang difikirkan mereka. Alangkah wajarnya mereka menaruh ketakutan berlakunya peristiwa itu, kerana mereka asyik di dalam kelalaian mereka mendusta dan mempersenda-sendakan (hari kebangkitan).

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu pemandangan sekilas yang menggambarkan hati itu:

يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَجِيبُونَ بِحَمْدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾

"(Ingatlah) hari Allah akan menyeru kamu (di dalam kubur) dan kamu akan menyahut seruannya dengan memujinya dan (ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja."(52)

Pemandangan ini menggambarkan kaum Musyrikin yang mendusta dan menolak hari kebangkitan, di mana mereka bangkit (dari kubur) kerana menyahuti panggilan juru seru, dan lidah mereka melafazkan ucapan-ucapan memuji Allah, kerana mereka tidak mempunyai perkataan dan jawapan yang lain dari perkataan memuji Allah.

Ini adalah satu jawapan yang aneh dari mereka yang menolak hari kebangkitan dan mengingkarkan Allah. Mereka tidak mempunyai jawapan yang lain dari melafazkan ucapan Alhamdulillah! Alhamdulillah.

Pada hari itu kehidupan dunia telah tergolong bagaikan bayang yang hilang:

وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾

"(Dan ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja."(52)

Perasaan terhadap hidup dunia yang digambarkan seperti ini adalah memperkecilkan nilai hidup dunia di dalam hati mereka yang dihadapkan dengan ayat ini. Ia adalah satu kehidupan yang amat pendek, di mana bayang-bayang dan gambaran-gambarannya tidak terlekat di dalam hati melainkan hanya sekelip mata sahaja, hanya sekelumit zaman yang menghilang, hanya sebatang bayang yang berubah dan hanya kenikmatan yang sebentar sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 53)

Kemudian penjelasan ayat berikut beralih dari para pendusta hari kebangkitan dan pengumpulan manusia di Mahsyar dan mereka yang mempersenda-sendakan janji Allah dan kata-kata Rasul-Nya dan mereka yang mengangguk-angguk kepala mereka kerana mengejek.... ia beralih dari mereka kepada para hamba Allah yang Mu'minin untuk mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya mengucapkan kata-kata yang baik dan supaya selalu bercakap dengan menggunakan perkataan-perkataan yang seelok-eloknya:

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ يَنزَغُ بَيْنَهُمْۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ كَانَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

"Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang Mu'min) supaya mereka bercakap dengan kata-kata yang lebih baik sesungguhnya syaitan sentiasa menghasut untuk menimbulkan perbalahan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh manusia yang amat nyata."(53)

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُۚ

"Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang Mu'min) supaya mereka bercakap dengan kata-kata yang lebih baik."(53)

Berbicara Dengan Mengguna Kata-kata Yang Baik

Pada setiap waktu dan tempat. Mereka hendaklah memilih kata-kata yang hendak diucapkan mereka supaya mereka terhindar dari hasutan syaitan yang akan merosakkan hubungan mesra di antara mereka, kerana syaitan sentiasa menggoda di antara para saudara supaya menggunakan kata-kata yang kasar dan jawapan yang kesat yang boleh menyebabkan

suasana kasih mesra dan harmoni itu tiba-tiba tercemar dengan pertengkaran kemudian diikuti dengan sikap tidak bertegur sapa kemudian dengan sikap berseteru dan bermusuh. Perkataan-perkataan yang baik itu dapat mengubati hati yang luka, membasahkan hati yang kering dan menyatukan hati-hati di atas landasan kasih sayang yang mulia:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ كَانَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh manusia yang amat nyata."(53)

Syaitan sentiasa mencari kesalahan-kesalahan mulut dan keterlanjuran-keterlanjuran lidah untuk mencetuskan permusuhan dan perseteruan di antara seseorang dengan saudaranya. Perkataan-perkataan yang baik dapat menutup lubang-lubang dan menyekat jalan-jalan yang dapat dimasuki syaitan. Ia dapat memelihara kehormatan persaudaraan dan menjadikannya aman dan selamat dari godaan-godaan dan hasutan-hasutan Iblis.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 55)

Selepas beralih kepada pembicaraan ini penjelasan ayat berikut kembali pula memperkatakan tentang nasib kesudahan kaum Musyrikin pada hari kebangkitan, di mana mereka dipanggil juru seru lalu mereka menyahuti panggilan itu dengan mengucapkan kata-kata kepujian kepada Allah. Ketika itu seluruh nasib kesudahan mereka adalah berada di tangan Allah sahaja, jika Dia kehendaki, Dia akan memberi keampunan dan jika Dia kehendak Dia akan mengazabkan mereka. Seluruh mereka adalah ditinggalkan kepada keputusan Allah. Rasul (yang diutuskan kepada mereka) tidak sekali-kali menjadi penguasa di atas mereka, malah dia hanya seorang utusan sahaja:

Keputusan Rahmat Dan 'Azab Ditentukan Allah

رَّبُّكُمْ أَعْلَمُ بِكُمْ ۖ إِن يَشَأْ يَرْحَمْكُمْ أَوْ إِن يَشَأْ يُعَذِّبْكُمْ ۚ وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿٥٤﴾

"Tuhan kamu amat mengetahui tentang (masa depan) kamu. Jika Dia kehendaki Dia merahmatkan kamu atau jika Dia kehendaki Dia mengazabkan kamu. Dan Kami tidak utuskan engkau sebagai penguasa di atas mereka."(54)

وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِمَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ

"Dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang seluruh penghuni langit dan bumi."(55)

Ilmu yang mutlaq itu hanya milik Allah. Berdasarkan ilmu-Nya yang sempurna terhadap manusia, Allah mengaturkan rahmat dan 'azab terhadap mereka. Tugas, seseorang rasul berakhir apabila selesai ia menyampaikan (perutusan Allah) kepada manusia.

Ilmu Allah yang sempurna itu merangkumi seluruh penghuni langit dan bumi yang terdiri dari para malaikat, para rasul, manusia, jin dan makhluk-makhluk yang lain. Hanya Allah sahaja yang mengetahui apakah makhluk-makhluk yang lain itu? Bagaimana kedudukan dan darjatnya?

Dengan ilmu-Nya yang mutlaq yang mengetahui segala hakikat segala makhluk itulah Allah melebihkan setengah-setengah nabi dari nabi-nabi yang lain:

وَلَقَدْ فَضَّلْنَا بَعْضَ ٱلنَّبِيِّۦنَ عَلَىٰ بَعْضٍ ۖ

"Dan sesungguhnya Kami telah melebihkan setengah-setengah nabi dari setengah nabi-nabi yang lain."(55)

Hanya Allah sahaja yang mengetahui sebab-sebab perbezaan kelebihan itu. Gejala-gejala dari perbezaan-perbezaan kelebihan ini telah pun dibicarakan di dalam Juzu' yang ketiga tafsir Fi Zilal ini ketika mengulaskan firman Allah:

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

"Para Rasul itu telah Kami lebihkan setengah-setengah mereka dari setengah-setengah yang lain"

(Surah al-Baqarah: 253)

silalah semak huraian ini di sana.

وَءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ زَبُورًا ﴿٥٥﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kitab Zabur kepada Daud."(55)

Ini adalah suatu contoh pengurniaan Allah kepada salah seorang dari para Anbiya'-Nya, juga contoh dari gejala-gejala perbezaan kelebihan yang diberikan kepada setengah-setengah nabi, kerana pengurniaan kitab-kitab suci itu lebih kekal dari pengurniaan mu'jizat-mu'jizat kebendaan yang dapat dilihat oleh sebahagian manusia pada waktu-waktu yang tertentu sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 57)

Pelajaran ini telah dimulakan dengan pernyataan menolak konsep anak dan sekutu dari Allah, kemudian menyentuh konsep tawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan konsep bahawa hanya Allah sahaja yang mengetahui dan mengendalikan nasib kesudahan manusia, kemudian pelajaran ini berakhir dengan satu penerangan yang mencabar orang-orang yang mempersekutui Allah supaya mereka memohon kepada tuhan-tuhan palsu yang didakwakan itu agar menolak malapetaka 'azab dari mereka jika Allah telah memutuskan untuk mengazabkan mereka atau agar mengubahkan 'azab keseksaan itu kepada yang lain dari mereka:

قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِهِۦ فَلَا يَمْلِكُونَ

كَشْفَ ٱلضُّرِّ عَنكُمْ وَلَا تَحْوِيلًا ﴿٥٦﴾

"Katakanlah: Panggillah kamu orang-orang yang kamu dakwa (sebagai tuhan-tuhan) selain dari Allah itu, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menolak malapetaka dari kamu dan tidak pula berkuasa memindahkannya (kepada orang yang lain)."(56)

Sebenarnya tiada seorang pun yang berkuasa menghapuskan malapetaka atau mengubahkannya melainkan hanya Allah sahaja. Dialah sahaja yang mengendalikan nasib kedudukan-kedudukan para hamba-Nya.

Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka bahawa tuhan-tuhan yang disembah mereka dari malaikat atau jin atau manusia itu tidak lain melainkan hanya makhluk-makhluk Allah belaka dan mereka semuanya masing- masing berusaha mencari jalan menuju kepada Allah dari berlumba-lumba untuk mendapatkan keredhaan-Nya. Dan mereka sentiasa takut kepada 'azab-Nya. Orang yang takut kepada 'azab Allah ialah orang yang mengetahui hakikat 'azab ini dan merasa gerun terhadapnya:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ ٱلْوَسِيلَةَ
أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُۥ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُۥٓ ۚ
إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا ﴿٥٧﴾

"Mereka yang diserukan sebagai sekutu-sekutu Allah itu sendiri masing-masing mencari jalan untuk mendampingkan dirinya kepada Allah Tuhan mereka, agar setiap mereka lebih dekat kepada-Nya dan mereka mengharapkan limpah rahmat-Nya dan takutkan 'azab-Nya. Sesungguhnya 'azab Tuhanmu amat ditakuti."(57)

Sekutu-sekutu Yang Didakwakan Kaum Musyrikin Sentiasa Mendampingi Allah

Setengah-setengah manusia mendakwa 'Uzayr anak Allah, dan setengahnya pula mendakwa 'Isa anak Allah, setengah lagi mendakwa malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah, sementara yang lain membuat dakwaan-dakwaan yang lain pula. Allah menerangkan kepada sekalian mereka bahawa tuhan-tuhan yang didakwakan kamu itu adalah lebih dekat mendampingkan diri mereka kepada Allah. Mereka mencari jalan menuju kepada Allah, menghampirkan diri kepada Allah dengan amalan ibadat, mengharapkan rahmat Allah dan takutkan 'azab-Nya yang amat dahsyat yang wajar ditakuti. Oleh itu kamu adalah lebih wajar bertawajjuh kepada Allah sebagaimana yang dilakukan oleh mereka yang didakwakan kamu sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah itu. Mereka sebenarnya para hamba Allah yang sentiasa berusaha mencari keredhaan-Nya.

Demikianlah pelajaran ini dimula dan ditamatkan dengan pernyataan yang menjelaskan kelemahan 'aqidah-'aqidah syirik dalam segala bentuknya dan menjelaskan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang layak dengan sifat Uluhiyah dan layak ditumpukan ibadat dan tawajjuh kepada-Nya sahaja.

(Kumpulan ayat-ayat 58 - 72)

وَإِن مِّن قَرْيَةٍ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ
أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا شَدِيدًا ۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْكِتَٰبِ
مَسْطُورًا ﴿٥٨﴾
وَمَا مَنَعَنَآ أَن نُّرْسِلَ بِٱلْءَايَٰتِ إِلَّآ أَن كَذَّبَ بِهَا
ٱلْأَوَّلُونَ ۚ وَءَاتَيْنَا ثَمُودَ ٱلنَّاقَةَ مُبْصِرَةً فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۚ
وَمَا نُرْسِلُ بِٱلْءَايَٰتِ إِلَّا تَخْوِيفًا ﴿٥٩﴾
وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِٱلنَّاسِ ۚ وَمَا جَعَلْنَا ٱلرُّءْيَا
ٱلَّتِىٓ أَرَيْنَٰكَ إِلَّا فِتْنَةً لِّلنَّاسِ وَٱلشَّجَرَةَ ٱلْمَلْعُونَةَ
فِى ٱلْقُرْءَانِ ۚ وَنُخَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَٰنًا
كَبِيرًا ﴿٦٠﴾
وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟
إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾
قَالَ أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ لَئِنْ أَخَّرْتَنِ
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾
قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ
جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾
وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ
عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ
وَٱلْأَوْلَٰدِ وَعِدْهُمْ ۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا
غُرُورًا ﴿٦٤﴾
إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ۚ وَكَفَىٰ
بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Tiada sebuah negeri pun yang fasiq melainkan Kami musnahkannya sebelum Qiamat atau Kami 'azabkannya dengan 'azab yang dahsyat. Semuanya itu tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz)(58). Dan tiada yang menghalangi Kami

dari mengutuskan (kepadamu) bukti-bukti mu'jizat melainkan kerana bukti-bukti itu telah didustakan oleh umat-umat yang telah lalu. Kami telah kurniakan kepada Thamud seekor unta betina sebagai mu'jizat yang nyata tetapi mereka telah menganiayakan nya, dan Kami tidak mengirimkan bukti-bukti mu'jizat itu melainkan untuk memberi amaran yang menakutkan(59). (Wahai Muhammad!) Kenangilah ketika Kami wahyukan kepadamu bahawa Tuhanmu mengetahui sepenuhnya segala tindak-tanduk manusia. Dan Kami tidak jadikan pemandangan-pemandangan (di malam Isra' dan Mi'raj) yang Kami telah memperlihatkannya kepadamu itu melainkan sebagai suatu ujian kepada manusia, begitu juga pokok zaqqum yang terkutuk (yang disebut) di dalam Al-Qur'an. Kami telah memberi amaran-amaran yang menakutkan mereka, tetapi ia tidak menambahkan mereka suatu apa kecuali keterlaluan yang amat besar(60). Dan kenangilah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu seluruh mereka sujud kecuali Iblis. Ia telah berkata: Patutkah aku sujud kepada makhluk yang Engkau ciptakannya dari tanah?(61). Dia berkata lagi: Ceritakan kepadaku inikah makhluk yang Engkau muliakannya lebih dariku? Demi sesungguhnya jika Engkau lanjutkan hidupku sampai kepada hari Qiamat nescaya aku akan seretkan keturunannya ke jalan yang sesat kecuali segolongan kecil dari mereka(62). Allah menjawab: Pergilah engkau (melaksanakan hasratmu itu), tetapi barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutmu, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu sebagai balasan yang amat sempurna(63). Dan hasutkan dengan suaramu siapa sahaja dari mereka yang terdaya olehmu dan lepaskan pasukan berkudamu dan pasukan jalan kakimu untuk menguasai mereka, dan berkongsilah dengan mereka di dalam harta kekayaan dan anak pinak mereka, dan tawarkan janji-janji (yang manis) kepada mereka. Dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan melainkan hanya tipu daya sahaja(64). Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai para hamba-Ku dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)"(65).

رَّبُّكُمُ ٱلَّذِي يُزۡجِي لَكُمُ ٱلۡفُلۡكَ فِي ٱلۡبَحۡرِ لِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمٗا ٦٦

وَإِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فِي ٱلۡبَحۡرِ ضَلَّ مَن تَدۡعُونَ إِلَّآ إِيَّاهُۖ فَلَمَّا نَجَّىٰكُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ أَعۡرَضۡتُمۡۚ وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ كَفُورًا ٦٧

أَفَأَمِنتُمۡ أَن يَخۡسِفَ بِكُمۡ جَانِبَ ٱلۡبَرِّ أَوۡ يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗا ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ وَكِيلًا ٦٨

أَمۡ أَمِنتُمۡ أَن يُعِيدَكُمۡ فِيهِ تَارَةً أُخۡرَىٰ فَيُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ قَاصِفٗا مِّنَ ٱلرِّيحِ فَيُغۡرِقَكُم بِمَا كَفَرۡتُمۡ ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ عَلَيۡنَا بِهِۦ تَبِيعٗا ٦٩

وَلَقَدۡ كَرَّمۡنَا بَنِيٓ ءَادَمَ وَحَمَلۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِ وَرَزَقۡنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ كَثِيرٖ مِّمَّنۡ خَلَقۡنَا تَفۡضِيلٗا ٧٠

يَوۡمَ نَدۡعُواْ كُلَّ أُنَاسِۭ بِإِمَٰمِهِمۡۖ فَمَنۡ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَقۡرَءُونَ كِتَٰبَهُمۡ وَلَا يُظۡلَمُونَ فَتِيلٗا ٧١

وَمَن كَانَ فِي هَٰذِهِۦٓ أَعۡمَىٰ فَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ أَعۡمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلٗا ٧٢

"Tuhan kamulah yang menggerakkan kapal-kapal di laut agar kamu dapat mencari sebahagian rezeki dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadap kamu(66). Dan apabila kamu disentuh malapetaka di laut, maka hilang lesaplah (dari hati kamu) sekalian mereka yang kamu sembah selain dari Allah, tetapi apabila Allah telah menyelamatkan kamu ke darat, kamu terus berpaling (dari mengingatinya) dan sememangnya manusia itu amat mengkufuri (nikmat-nikmat Allah)(67). Apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) menimpakan kamu dengan gempa bumi di daratan atau melepaskan hujan batu ke atas kamu kemudian (di masa itu) kamu tidak akan mendapat seorang pun yang menjadi pelindung kamu?(68). Atau apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) mengembalikan kamu ke laut sekali lagi, lalu Dia melepaskan ribut taufan yang kencang, yang menyebabkan kamu tenggelam kerana perbuatan kamu yang kufur, kemudian (di masa itu) kamu tidak akan mendapat seorang penolong yang menuntut bela terhadap kami(69). Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan keturunan Adam dan Kami mengangkutkan mereka (dengan aneka kenderaan) di darat dan di laut dan Kami kurniakan kepada mereka rezeki-rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan-kelebihan (yang istimewa) dari kebanyakan makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakannya(70). (Ingatilah) hari Qiamat, di mana Kami akan memanggil setiap umat dengan nama (rasul) pemimpin mereka. Oleh itu barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya di tangan kanannya, maka merekalah yang dapat membaca buku laporan amalan mereka (dengan gembira) dan mereka tidak akan dianiayai seurat benang pun(71). Dan barang siapa di dunia ini telah pun buta mata hatinya, maka pada hari Akhirat kelak ia akan menjadi lebih buta lagi dan lebih sesat perjalanannya"(72).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran yang lepas berakhir dengan penjelasan bahawa hanya Allah sahaja yang mengendalikan nasib kesudahan para hamba-Nya, iaitu jika Dia kehendaki Dia akan memberi rahmat kepada mereka dan jika Dia kehendaki Dia akan mengazab mereka, juga menjelaskan bahawa tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka selain daripada Allah itu adalah tidak berupaya menghapuskan malapetaka dari

mereka atau mengubahkannya kepada yang lain dari mereka.

Sekarang rangkaian ayat-ayat berikut menjelaskan pula tentang nasib kesudahan manusia seluruhnya - mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan Allah dalam ilmu-Nya dan qadha'-Nya - iaitu seluruh negeri akan berakhir mati dan binasa sebelum hari Qiamat atau setengah-setengah negeri akan ditimpa maut dan kebinasaan jika penduduknya melakukan dosa-dosa yang wajar menerima 'azab Allah. Tiada yang hidup melainkan semuanya akan menemui penghabisannya mengikut salah satu dari dua cara iaitu binasa secara tabi'i atau binasa dengan 'azab Allah.

Sesuai dengan menyebut 'azab yang menimpa setengah-setengah negeri, ayat-ayat berikut menyentuh mu'jizat-mu'jizat yang telah dikurniakan kepada para rasul sebelum ditimpakan 'azab itu, iaitu rasul-rasul yang dibangkitkan sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.. Tetapi mu'jizat-mu'jizat seperti ini tidak lagi dibawakan di dalam kerasulan beliau yang akhir ini, kerana umat-umat zaman dahulu yang telah didatangi mu'jizat-mu'jizat itu telah mendustakan nya dan menolak hidayat hingga menyebabkan mereka ditimpa kebinasaan. Oleh kerana kebinasaan itu tidak ditakdirkan Allah ke atas umat Muhammad, maka kerana itu Allah tidak mengutuskan beliau dengan mengurniakan mu'jizat-mu'jizat fizikal. Tujuan mu'jizat-mu'jizat itu ialah untuk menakutkan umat-umat di zaman dahulu dengan kebinasaan-kebinasaan yang akan menimpa mereka jika mereka mendustakannya selepas mu'jizat-mu'jizat itu datang kepada mereka.

Allah telah menghalangi manusia dari bertindak jahat terhadap Rasulullah s.a.w., Allah telah memelihara beliau dari kejahatan mereka, justeru itu mereka tidak dapat membinasakannya. Allah telah memperlihatkan kepada beliau pemandangan-pemandangan yang benar semasa Isra' untuk menguji manusia, dan beliau tidak menggunakan peristiwa Isra' itu sebagai mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat para rasul sebelum beliau. Allah menakutkan manusia di dalam Al-Qur'an dengan pokok zaqqum yang telah disaksikan oleh beliau di dasar Neraka Jahannam, tetapi ia tidak menambahkan apa-apa kepada mereka selain dari sikap keterlaluan yang semakin menjadi-jadi. Jadi jelaslah bahawa mu'jizat-mu'jizat itu tidak dapat menambah suatu apa kepada mereka selain dari sikap keterlaluan yang semakin menjadi-jadi.

Di dalam penjelasan ayat ini juga disebut kisah Iblis dengan Adam, di mana Allah telah mengizinkan Iblis menggoda keturunan Adam kecuali para hamba-hamba-Nya yang soleh kerana mereka telah dipeliharakan Allah dari pengaruh godaannya. Jadi kisah ini telah mendedahkan punca-punca kesesatan yang pokok yang telah membawa manusia kepada kekufuran dan keterlaluan serta menjauhkan mereka dari meneliti ayat-ayat Allah.

Penjelasan ayat ini juga menyentuh hati manusia dengan menyebut limpah kurnia Allah kepada keturunan Adam dan bagaimana mereka membalaskan limpah kurnia ini dengan sikap lupa daratan dan kekufuran. Oleb itu mereka tidak mengingati Allah kecuali di sa'at-sa'at kesusahan sahaja. Apabila mereka dilimpa malapetaka di tengah laut barulah mereka mencari pelindungan pada Allah, tetapi apabila Allah selamatkan mereka ke darat mereka terus berpaling dari-Nya, sedangkan Allah berkuasa mengazabkan mereka sama ada di darat atau di laut. Allah telah memuliakan manusia dan melebihkan mereka di atas kebanyakan makhluk yang telah diciptakannya, tetapi mereka masih tidak bersyukur dan mengenangi-Nya.

Kemudian pelajaran ini ditamatkan dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat di mana mereka akan menerima balasan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan mereka. Oleh itu di sana tiada lagi peluang bagi sesiapa pun untuk menyelamatkan dirinya dari balasan dosa-dosa yang telah dilakukan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 60)

وَإِن مِّن قَرۡيَةٍ إِلَّا نَحۡنُ مُهۡلِكُوهَا قَبۡلَ يَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ أَوۡ مُعَذِّبُوهَا عَذَابٗا شَدِيدٗاۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَسۡطُورٗا ﴿٥٨﴾

"Tiada sebuah negeri pun yang fasiq melainkan Kami musnahkannya sebelum Qiamat atau Kami 'azabkannya dengan 'azab yang dahsyat. Semuanya itu tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz)."(58)

Kemusnahan Dan Kebinasaan Umat-umat

Allah telah menetap dan merencanakan kedatangan hari Qiamat ketika permukaan bumi ini sunyi dari makhluk yang hidup, kerana kebinasaan dan kemusnahan menunggu setiap yang hidup sebelum hati Qiamat yang dijanjikan itu. Begitu juga Allah telah menetapkan 'azab ke atas setengah-setengah negeri dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan oleh penduduk-penduduknya. Itulah yang tersemat di dalam ilmu Allah dan Allah mengetahui apa yang akan berlaku kepada segala makhluk yang maujud. Dan segala sesuatu yang telah berlaku dan segala sesuatu yang akan berlaku itu adalah sama sahaja kepada ilmu Allah.

Dahulu mu'jizat-mu'jizat telah menemani kerasulan-kerasulan (sebagai bukti) untuk membenarkan para Rasul dan untuk menakutkan manusia kepada akibat pendustaan, iaitu kebinasaan ditimpa 'azab Allah, tetapi golongan orang-orang yang beriman kepada mu'jizat-mu'jizat ini hanyalah golongan dari orang-orang yang mempunyai hati yang bersedia untuk beriman sahaja, sedangkan golongan orang-orang yang ingkar mereka tetap mendustakannya di zaman mereka. Oleh sebab itulah risalah Muhammad yang

akhir ini tidak lagi ditemani dengan mu'jizat-mu'jizat itu:

وَمَا مَنَعَنَآ أَن نُّرْسِلَ بِٱلْءَايَٰتِ إِلَّآ أَن كَذَّبَ بِهَا ٱلْأَوَّلُونَ ۚ وَءَاتَيْنَا ثَمُودَ ٱلنَّاقَةَ مُبْصِرَةً فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۚ وَمَا نُرْسِلُ بِٱلْءَايَٰتِ إِلَّا تَخْوِيفًا ﴿٥٩﴾

"Dan tiada yang menghalangi Kami dari mengutuskan (kepadamu) bukti-bukti mu'jizat melainkan kerana bukti-bukti itu telah didustakan oleh umat-umat yang telah lalu. Kami telah kurniakan kepada Thamud seekor unta betina sebagai mu'jizat yang nyata tetapi mereka telah menganiayakannya dan Kami tidak mengirimkan bukti-bukti mu'jizat itu melainkan untuk memberi amaran yang menakutkan."(59)

Di Antara Mu'jizat Fizikal Dan Mu'jizat Al-Qur'an

Sebenarnya mu'jizat Islam ialah Al-Qur'an, iaitu sebuah kitab yang menggariskan satu sistem hidup yang lengkap. Al-Qur'an berbicara dengan fikiran dan hati manusia serta memenuhi kehendak fitrah manusia yang lurus. Al-Qur'an sentiasa terbuka kepada semua generasi manusia yang bersilih ganti dan mereka dapat membacanya dan beriman kepadanya sehingga hari Qiamat. Adapun mu'jizat fizikal, maka ia hanya berbicara dengan satu generasi manusia sahaja dan dapat disaksikan oleh generasi itu sahaja.

Di samping itu kebanyakan mereka yang menyaksikan mu'jizat-mu'jizat itu tidak juga beriman kepadanya. Di dalam ayat tadi telah dikemukakan contoh kaum Thamud yang telah didatangi mu'jizat unta sejajar dengan permintaan dan saranan mereka yang mahukan satu mu'jizat yang nyata, tetapi mereka telah menganiayai dan membawa diri mereka kepada kebinasaan dan kemusnahan sesuai dengan janji Allah yang tetap membinasakan orang-orang yang mendustakan mu'jizat-mu'jizat, kerana mu'jizat-mu'jizat itu merupakan amaran dan peringatan terhadap kepastian berlakunya 'azab kebinasaan apabila mu'jizat-mu'jizat itu telah dikemukakan kepada mereka.

Pengalaman-pengalaman manusia menghendaki agar risalah Muhammad yang akhir ini tidak perlu lagi ditemani dengan mu'jizat-mu'jizat, kerana risalah Muhammad adalah risalah untuk seluruh generasi manusia yang akan datang bukannya risalah untuk satu generasi yang melihatnya sahaja, juga kerana risalah Muhammad merupakan risalah untuk umat manusia yang matang, yang dapat berbicara dengan daya-daya pemikiran manusia generasi demi generasi. Ia adalah risalah yang menghormati daya pemikiran manusia yang menjadi ciri istimewa kemanusiaannya dan kerana ciri inilah Allah memulia dan melebihkan manusia dari kebanyakan makhluk yang telah diciptakannya.

Apakah Peristiwa Isra' Dan Mi'raj Digunakan Sebagai Mu'jizat

Ada pun mu'jizat-mu'jizat yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. terutamanya mu'jizat Isra' dan Mi'raj, maka ia tidak digunakan sebagai mu'jizat untuk membuktikan kebenaran kerasulan beliau, malah ia hanya dijadikan ujian untuk menguji keimanan mereka.

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِٱلنَّاسِ ۚ وَمَا جَعَلْنَا ٱلرُّءْيَا ٱلَّتِىٓ أَرَيْنَٰكَ إِلَّا فِتْنَةً لِّلنَّاسِ وَٱلشَّجَرَةَ ٱلْمَلْعُونَةَ فِى ٱلْقُرْءَانِ ۚ وَنُخَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَٰنًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Kenangilah ketika Kami wahyukan kepadamu bahawa Tuhanmu mengetahui sepenuhnya segala tindak-tanduk manusia. Dan Kami tidak jadikan pemandangan-pemandangan (di malam Isra' dan Mi'raj) yang Kami telah memperlihatkannya kepadamu itu melainkan sebagai suatu ujian kepada manusia, begitu juga pokok zaqqum yang terkutuk (yang disebut) di dalam Al-Qur'an. Kami telah memberi amaran-amaran yang menakutkan mereka, tetapi ia tidak menambahkan mereka suatu apa kecuali keterlaluan yang amat besar."(60)

Setengah-setengah orang yang telah beriman kepada Rasulullah s.a.w. telah kembali menjadi murtad selepas berlakunya peristiwa Isra', sementara setengah-setengah yang lain tetap teguh dengan keimanan dan bertambah teguh keyakinan mereka. Justeru itulah pemandangan-pemandangan yang telah diperlihatkan Allah kepada hamba-Nya Muhammad di malam itu merupakan ujian untuk menguji keimanan mereka. Pernyataan bahawa Allah mengetahui segala tindak-tanduk yang dilakukan manusia merupakan suatu janji dari Allah untuk membantu Rasul-Nya dan untuk melindunginya dari tindakan-tindakan mereka yang jahat.

Al-Qur'an telah menceritakan kepada mereka mengenai janji Allah kepada beliau dan mengenai pemandangan-pemandangan yang jelas dan benar yang telah diperlihatkan kepada beliau. Di antaranya ialah pokok zaqqum yang diancamkan Allah kepada para pendusta, tetapi mereka telah mendustakan pokok itu sehingga Abu Jahl berkata mengejek: "Bawakan tamar dan mentega". Lalu dia pun makan tamar dengan mentega sambil berkata: "Makanlah kamu buah zaqqum itu, kami tidak tahu makna zaqqum selain dari makanan ini."

Apakah kesan mu'jizat itu kepada kaum Musyrikin jika ia dijadikan sebagai bukti untuk membenarkan risalah beliau sebagaimana mu'jizat-mu'jizat yang lain pernah dijadikan tanda kebenaran risalah-risalah sebelum beliau dan mu'jizat kepada para Rasul sekalian? Sebenarnya mu'jizat Isra' dan ancaman dengan pokok zaqqum itu tidak menambah apa-apa

kepada mereka kecuali sikap keterlaluan yang semakin bertambah besar.

Allah tidak merencana untuk membinasakan (kaum Musyrikin Quraysy) dengan 'azab secara langsung daripada-Nya. Oleh sebab itulah Allah tidak mengutuskan Rasul kepada mereka dengan membawa satu mu'jizat yang tertentu kerana iradat Allah telah menetapkan bahawa para pendusta yang menolak mu'jizat itu akan dibinasakan, tetapi iradat Allah telah menangguhkan 'azab terhadap kaum Quraysy dan dia tidak mengazabkan mereka dengan 'azab penghapusan seperti yang telah dilakukannya ke atas kaum-kaum Nuh, Hud, Soleh, Lut dan Syu'ayb. Di antara golongan pendusta-pendusta Quraysy ada yang beriman selepas (peristiwa Isra') itu dan telah menggolongkan diri mereka dalam kumpulan tentera-tentera Islam yang setia. Di antara mereka pula ada yang melahirkan zuriat orang-orang yang beriman yang setia. Al-Qur'an selaku satu-satunya mu'jizat Islam sentiasa menjadi sebuah kitab yang terbuka kepada generasi Nabi Muhammad s.a.w. dan kepada generasi-generasi selepas beliau, di mana orang-orang yang tidak sempat melihat beliau dan zamannya serta para sahabatnya telah beriman kepada Al-Qur'an semata-mata kerana mereka dapat membacanya atau kerana mereka bersahabat dengan orang yang membacanya dan Al-Qur'an akan kekal menjadi sebuah kitab Allah yang terbuka kepada seluruh generasi manusia, di mana angkatan manusia yang masih berada di dalam alam ghaib akan memperolehi hidayat darinya, dan di antara mereka ada yang lebih kuat keimanan, lebih soleh amalan mereka dan lebih berguna kepada Islam dari kebaikan orang-orang Islam yang berada dalam angkatan sebelum mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 65)

Di tengah-tengah suasana pemandangan-pemandangan Isra' yang dilihat oleh Rasulullah s.a.w. dan pemandangan berbagai-bagai alam yang diperlihatkan kepada beliau termasuk pemandangan pokok zaqqum yang terkutuk yang dijadikan makanan kepada pengikut-pengikut syaitan itu dibawa pula pemandangan iblis yang terkutuk sedang mengancam untuk menyesatkan orang-orang yang sesat:

Iblis Mengisytiharkan Perang Ke Atas Manusia Di Hadapan Allah

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾ قَالَ أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ لَئِنْ أَخَّرْتَنِ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾ قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾ وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَوْلَٰدِ وَعِدْهُمْ ۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا غُرُورًا ﴿٦٤﴾ إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ۚ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Dan kenangilah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu seluruh mereka sujud kecuali Iblis. Ia telah berkata: Patutkah aku sujud kepada makhluk yang Engkau ciptakannya dari tanah?(61). Dia berkata lagi: Ceritakan kepadaku inikah makhluk yang Engkau muliakannya lebih dariku? Demi sesungguhnya jika Engkau lanjutkan hidupku sampai kepada hari Qiamat nescaya aku akan seretkan keturunannya ke jalan yang sesat kecuali segolongan kecil dari mereka(62). Allah menjawab: Pergilah engkau (melaksanakan hasratmu itu), tetapi barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutmu, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu sebagai balasan yang amat sempurna(63). Dan hasutkan dengan suaramu siapa sahaja dari mereka yang terdaya olehmu dan lepaskan pasukan berkudamu dan pasukan jalan kakimu untuk menguasai mereka, dan berkongsilah dengan mereka di dalam harta kekayaan dan anak pinak mereka, dan tawarkan janji-janji (yang manis) kepada mereka, dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan melainkan hanya tipu daya sahaja(64). Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai para hamba-Ku dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)."(65)

Penjelasan ayat ini mendedahkan sebab-sebab yang sebenar bagi kesesatan orang-orang yang sesat. Ia menayangkan pemandangan ini di sini untuk mengingatkan manusia agar mereka melihat sendiri sebab-sebab kesesatan itu dan melihat sendiri Iblis musuh mereka dan musuh moyang mereka sedang mengancam mereka dengan penuh azam dari zaman berzaman lagi.

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾

"Dan kenangilah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu seluruh mereka sujud kecuali Iblis. Ia telah berkata: Patutkah aku sujud kepada makhluk yang Engkau ciptakannya dari tanah?"(61)

Itulah hasad dengki Iblis terhadap Adam hingga ia membangkit-bangkitkan perkara tanah, tetapi ia lupa bahawa Allah telah meniupkan roh dari ciptaan-Nya pada tanah itu.

Iblis menunjukkan kelemahan makhluk Adam dan kesediaannya untuk menerima kesesatan, kerana itu ia berkata dengan angkuh:

أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ

"Ceritakan kepadaku inikah makhluk yang Engkau muliakannya lebih dariku"(62)

Inikah makhluk yang Engkau telah jadikannya lebih mulia dariku sisi Engkau?

لَئِنْ أَخَّرْتَنِ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾

"Demi sesungguhnya jika Engkau lanjutkan hidupku sampai kepada hari Qiamat nescaya aku akan seretkan keturunannya ke jalan yang sesat, kecuali segolongan kecil dari mereka."(62)

Aku akan menguasai mereka, memegang teraju hidup mereka dan meletakkan mereka di dalam genggaman untuk mengendalikan segala urusan mereka.

Ciri-ciri Keistimewaan Manusia Dari Makhluk Yang Lain

Iblis lupa tentang tabi'at manusia yang mempunyai bakat kesediaan untuk menerima kebaikan dan hidayat sama dengan bakat kesediaannya untuk menerima kejahatan dan kesesatan. Iblis lupakan keadaan manusia yang dapat mengadakan hubungan dengan Allah, ketika mana dia dapat meluhurkan jiwanya dan mengangkatkannya ke martabat yang tinggi di samping melindungkan dirinya dari kejahatan dan kesesatan. Iblis lupa bahawa inilah sifat istimewa makhluk insan yang mengangkatkannya ke darjah yang mengatasi makhluk-makhluk yang hanya mempunyai satu tabi'at sahaja dan hanya mengetahui satu jalan sahaja yang dilaluinya tanpa iradat, sedangkan iradat atau kemahuan itulah rahsia keistimewaan makhluk insan yang aneh ini.

Telah menjadi kehendak iradat Allah memberi kebebasan kepada Iblis selaku utusan kejahatan dan kesesatan itu bertindak menggoda keturunan insan:

قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾

"Allah menjawab: Pergilah engkau (melaksanakan hasratmu itu), tetapi barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutmu, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu sebagai balasan yang amat sempurna."(63)

Pergilah engkau dan bertindaklah sesuka engkau. Pergilah! Engkau telah diberi keizinan untuk menggoda mereka, kerana mereka telah dilengkapkan dengan akal dan iradat. Mereka boleh mengikut engkau dan boleh pula berpaling dari engkau.

فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ

"Barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutimu."(63)

Maksudnya, mengutamakan aspek kesesatan di dalam jiwa mereka dari aspek hidayat atau berpaling dari seruan Allah Yang Maha Rahmat kepada seruan syaitan dengan mengabaikan ayat-ayat Allah di alam buana dan ayat-ayat Allah yang menemani risalah-risalah mereka:

فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ

"Maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu."(63)

untukmu dan para pengikutmu.

جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾

"Sebagai balasan yang amat sempurna."(63)

وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ

"Dan hasutkan dengan suaramu siapa sahaja dari mereka yang terdaya olehmu dan lepaskan pasukan berkudamu dan pasukan jalan kakimu."(64)

Inilah gambaran yang bertujuan memfizikalkan sarana-sarana dan alat-alat kesesatan dan kepungan Iblis dan tindak-tanduknya untuk menguasai hati, perasaan dan akal fikiran manusia. Itulah gambaran perjuangan yang gegak gempita, di mana digunakan suara-suara bunyi, pasukan berkuda dan pasukan berjalan kaki sebagaimana digunakan di dalam pertempuran-pertempuran dan pertarungan-pertarungan biasa. Bunyi yang kuat dilepaskan untuk menakutkan musuh dan untuk mengeluarkan mereka dari kubu-kubu mereka atau untuk menarik mereka supaya memasuki perangkap yang telah dipasang dan supaya mereka terjebak dalam tipu daya yang telah diatur. Apabila mereka keluar ke tanah lapang mereka akan diserang oleh angkatan berkuda dan dikepung oleh pasukan berjalan kaki.

وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَوْلَٰدِ

"Dan berkongsilah dengan mereka di dalam harta kekayaan dan anak pinak mereka."(64)

Perkongsian ini dapat dilihat di dalam kepercayaan-kepercayaan paganisme jahiliyah yang karut-karut, di mana mereka telah memperuntukkan sebahagian dari harta benda mereka untuk tuhan-tuhan yang disembah mereka dan ini merupakan suatu peruntukan untuk s yaitan, juga dapat dilihat pada anak-anak mereka yang dinazarkan kepada tuhan-tuhan atau dijadikan hamba kepada tuhan-tuhan itu seperti 'Abdul-Lat, 'Abdul-Manat, dan kadang-kadang mereka jadikannya terus sebagai hamba syaitan seperti 'Abdul-Harith.

Perkongsian ini juga dapat dilihat pada setiap harta yang diperolehi dari pendapatan yang haram atau yang dikendalikan secara yang tidak sebenar, atau dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang berdosa, juga dapat dilihat pada setiap anak yang dilahirkan secara haram. Semuanya ini merupakan hasil perkongsian dengan syaitan.

Pada umumnya ayat ini menggambarkan bentuk perkongsian yang berlaku di antara Iblis dengan para pengikutnya, iaitu suatu perkongsian yang merangkumi harta kekayaan dan anak pinak yang menjadi asas kehidupan dunia.

Iblis telah diizinkan mengguna segala cara dan sarana, dan di antaranya ialah menggunakan janji-janji yang muluk dan palsu:

وَعِدۡهُمۡۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ إِلَّا غُرُورًا ٦٤

"Tawarkan janji-janji (yang manis) kepada mereka, dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan melainkan hanya tipu daya sahaja."(64)

Seperti janji terlepas dari hukuman dan qisas, janji-janji mendapat kekayaan dengan punca-punca pencarian yang haram dan janji memperolehi kemenangan dan kejayaan dengan sarana-sarana yang kotor dan keji.

Barangkali janji yang paling menarik sekali ialah janji mendapat kemaafan dan keampunan setelah melakukan dosa dan kesalahan. Inilah lubang yang dimasuki syaitan pada kebanyakan hati manusia yang sukar diserang supaya melakukan maksiat dan kedegilan secara terus terang. Ketika ini syaitan akan menggoda hati-hati yang peka itu dengan cara halus dan lemah-lembut, iaitu dengan menunjuk-nunjukkan kepada mereka betapa luasnya rahmat Allah, kemaafan dan keampunan-Nya.

Pergilah engkau! Engkau telah diberi keizinan untuk menyesatkan mereka yang cenderung mengikutmu, tetapi ingat di sana ada golongan manusia yang tidak dapat dikuasaimu kerana mereka telah dilengkapkan dengan pertahanan yang dapat melindungi mereka dari godaanmu dan dari serangan pasukan berkuda dan pasukan berjalan kakimu.

إِنَّ عِبَادِي لَيۡسَ لَكَ عَلَيۡهِمۡ سُلۡطَٰنٞۚ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلٗا ٦٥

"Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai para hamba-Ku dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)."(65)

Apabila hati manusia membuat hubungan dengan Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan amat ibadat, apabila ia terikat dengan tali keimanan yang kukuh dan tak kunjung putus dan apabila ia menggerakkan dalam rohnya tiupan Ilahi yang luhur itu lalu mengeluarkan pancaran cahaya keimanan yang gemilang dan terang, maka di waktu itu syaitan tidak berupaya lagi untuk menguasai hati yang telah berhubung dengan Allah itu dan menguasai roh yang terang benderang dengan nur iman itu.

"Dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)."(65)

Yakni menjadi penguasa yang melindungi, membantu dan menggagalkan tipu daya syaitan.

Syaitan terus bertindak melaksanakan ancamannya menguasai golongan manusia yang menjadi hambanya, tetapi ia tidak berani mengganggu para hamba Allah Yang Maha Penyayang kerana ia tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 72)

Itulah kejahatan dan gangguan-gangguan yang dirancangkan syaitan terhadap manusia. Kemudian di sana terdapat golongan manusia yang mengikut dan mematuhi kehendak-kehendak syaitan. Mereka berpaling dari panggilan Allah dan dari hidayat-Nya. Allah sentiasa bersikap Maha Pengasih terhadap mereka. Allah sentiasa menolong, memberi hidayat, memberi kemudahan-kemudahan hidup kepada mereka, menyelamatkan mereka dari malapetaka dan kesusahan dan menyahuti permohonan mereka di sa'at-sa'at kesusahan dan kesempitan, tetapi mereka tetap berpaling dari Allah dan mengingkarinya:

رَّبُّكُمُ ٱلَّذِي يُزۡجِي لَكُمُ ٱلۡفُلۡكَ فِي ٱلۡبَحۡرِ لِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمٗا ٦٦ وَإِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فِي ٱلۡبَحۡرِ ضَلَّ مَن تَدۡعُونَ إِلَّآ إِيَّاهُۖ فَلَمَّا نَجَّىٰكُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ أَعۡرَضۡتُمۡۚ وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ كَفُورًا ٦٧

"Tuhan kamulah yang menggerakkan kapal-kapal di laut agar kamu dapat mencari sebahagian rezeki dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadap kamu(66). Dan apabila kamu disentuh malapetaka di laut maka hilang lesaplah (dari hati kamu) sekalian mereka yang kamu sembah selain dari Allah, tetapi apabila Allah telah menyelamatkan kamu ke darat, kamu terus berpaling (dari mengingati-Nya) dan sememangnya manusia itu amat mengkufuri (ni'mat-ni'mat Allah)(67).

Tabi'at Manusia Yang Mengingati Allah Dalam Kesusahan Dan Melupakan-Nya Dalam Kesenangan

Ayat ini menayangkan pemandangan kapal-kapal di dalam laut sebagai contoh sa'at-sa'at yang gawat dan susah, di mana kesedaran terhadap kekuasaan Allah di dalam laut yang bergelora itu lebih kuat dan lebih peka dirasakan seseorang, dan di mana selonggok kayu dan logam (yang membentuk kapal itu) kelihatan terumbang-ambing di dalam lautan dilambung gelombang dan arus. Manusia yang

menjadi penumpang hanya berpegang dengan selonggok kayu dan logam itu di atas tapak tangan rahmat Allah Yang Maha Penyayang semata-mata.

Pemandangan ini dapat dirasakan oleh orang yang telah mengalaminya sendiri. Ia dirasakan oleh hati-hati yang berdebar-debar takut dan cemas pada setiap gegaran dan goncangan yang kuat yang berlaku di dalam kapal sama ada kecil atau besar hingga kepada kapal-kapal raksasa yang meredah lautan-lautan yang garang, di mana pada setengah-setengah ketika ia kelihatan tak ubah seperti sehelai bulu ayam yang ditiup angin kencang di tengah-tengah ombak raksasa yang bengis.

Ungkapan ayat ini menyentuh hati manusia dengan sentuhan yang amat kuat. Ia membuat mereka benar-benar merasa bahawa tangan qudrat Allahlah yang menggerakkan kapal-kapal di lautan dan menolaknya berjalan untuk membolehkan mereka mencari limpah kurnia Allah.

إِنَّهُۥ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمًا ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadap kamu."(66)

Rahmat kasihan belas dari Allah itulah perasaan yang paling jelas dirasakan oleh hati di masa-masa seperti ini.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka berpindah dari menggerakkan kapal-kapal yang berlangsung dengan lemah-lembut kepada gelombang-gelombang yang garang, di mana para penumpang yang berada di atas kapal yang terumbang-ambing di tengah-tengah ombak-ombak itu lupa segala kekuatan, segala tempat pergantungan dan perlindungan yang lain dari Allah. Mereka hanya bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja di sa'at-sa'at bahaya itu dan tidak berdo'a kepada yang lain dari Allah:

ضَلَّ مَن تَدۡعُونَ إِلَّآ إِيَّاهُۖ

"Hilang lesaplah (dari hati kamu) sekalian mereka yang kamu sembah selain dari Allah."(67)

Tetapi manusia tetap manusia juga. Sebaik sahaja masa yang gawat itu berlalu dan kedua kakinya memijak daratan yang teguh, dia pun terus lupakan detik-detik yang gawat itu dan tidak lagi mengingati Allah. Dia terus di lambung-lambung hawa nafsunya dan dihanyutkan arus keinginan-keinginannya yang liar yang menodai fitrahnya yang tadi telah dibersihkan oleh situasi yang merbahaya itu:

فَلَمَّا نَجَّىٰكُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ أَعۡرَضۡتُمۡۚ وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ كَفُورًا ﴿٦٧﴾

"Tetapi apabila Allah telah menyelamatkan kamu ke darat kamu terus berpaling (dari mengingati-Nya), dan sememangnya manusia itu amat mengkufuri (ni'mat-ni'mat Allah)."(67)

Kecuali mereka yang mempunyai hati yang berhubung dengan Allah lalu menjadi cerah dan berbahaya.

Di sini dalam penjelasan ayat yang berikut Al-Qur'an menggerakkan perasaan orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka dengan menggambarkan situasi bahaya yang telah ditinggalkan mereka di lautan itu kini sedang memburu mereka di daratan pula, atau kini mereka kembali sekali lagi menghadapi situasi bahaya di dalam lautan supaya mereka benar-benar sedar bahawa keamanan dan kemantapan itu tidak mungkin wujud melainkan di dalam perlindungan dan naungan Allah sama ada di lautan atau di daratan, sama ada dalam gelombang yang lembut atau dalam tiupan angin yang selesa, sama ada di tempat perlindungan yang kukuh atau di rumah kediaman yang rehat:

أَفَأَمِنتُمۡ أَن يَخۡسِفَ بِكُمۡ جَانِبَ ٱلۡبَرِّ أَوۡ يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗا ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ وَكِيلًا ﴿٦٨﴾ أَمۡ أَمِنتُمۡ أَن يُعِيدَكُمۡ فِيهِ تَارَةً أُخۡرَىٰ فَيُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ قَاصِفٗا مِّنَ ٱلرِّيحِ فَيُغۡرِقَكُم بِمَا كَفَرۡتُمۡ ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ عَلَيۡنَا بِهِۦ تَبِيعٗا ﴿٦٩﴾

"Apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) menimpakan kamu dengan gempa bumi di daratan atau melepaskan hujan batu ke atas kamu kemudian (di masa itu) kamu tidak mendapat seorang pun yang menjadi pelindung kamu(68). Atau apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) mengembalikan kamu ke laut sekali lagi lalu Dia melepaskan ribut taufan yang kencang, yang menyebabkan kamu tenggelam kerana perbuatan kamu yang kufur, kemudian (di masa itu) kamu tidak akan mendapat seorang penolong yang menuntut bela terhadap kami."(69)

Manusia tetap berada dalam genggaman qudrat Allah pada setiap sa'at dan tempat. Dia berada di dalam genggaman qudrat Allah ketika berada di daratan atau di lautan, oleh itu bagaimana mereka dapat merasa aman dari ditelan gempa bumi atau ditimbus gunung berapi di daratan atau lain-lainnya dari punca-punca bencana yang tunduk kepada qudrat Allah? Atau merasa aman dari ribut badai yang dilepaskan Allah, iaitu ribut yang mencurahkan debu, air, tanah dan batu-batu ke atas mereka hingga menyebabkan mereka binasa dan tiada seorang pun selain dari Allah yang berkuasa memberi perlindungan dan mempertahankan keselamatan mereka?

Atau bagaimana mereka dapat merasa aman dari dikembalikan Allah sekali lagi ke lautan, di mana Allah akan melepas ribut yang kencang melanda mereka. Meruntuhkan tiang-tiang kapal dan memecahkannya hingga mengaramkan mereka dengan sebab kekufuran dan sikap mereka yang ber-paling dari

hidayat-Nya. Dan mereka akan dapati tiada siapa pun selepas mereka yang sanggup mempersoalkan siapakah yang bertanggungjawab terhadap penenggelaman mereka?

Sebenarnya kelalaian itulah yang menyebabkan manusia berpaling dari Allah dan mengingkarkan-Nya kemudian mereka merasa aman dari 'azab dan balasan-Nya. Mereka bertawajjuh kepada-Nya di sa'at-sa'at kesusahan kemudian mereka lupakan-Nya setelah mereka selamat seolah-olah itulah kesusahan yang terakhir yang dapat Allah binasakan mereka.

Penghormatan Allah Terhadap Makhluk Insan

Allah telah memuliakan makhluk manusia ini melebihi kebanyakan makhluk-makhluk-Nya yang lain. Allah memuliakan manusia dengan menciptakannya dengan rupa bentuknya yang ada sekarang dan dengan fitrahnya yang mengumpulkan di antara tanah dan tiupan roh, dan dengan demikian kejadian manusia mengumpulkan di antara unsur bumi dan unsur langit.

Allah telah memuliakan manusia dengan berbagai-bagai bakat kesediaan dan kebolehan yang diletakkan di dalam fitrahnya, iaitu bakat-bakat kebolehan yang melayakkannya memegang teraju khilafah di bumi, di mana dia dapat mengubah dan menukar, mengeluar dan mencipta, menyusun dan merombak dan seterusnya dengan bakat-bakat kebolehan itu dia dapat mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada manusia.

Allah telah memuliakan manusia dengan menundukkan tenaga-tenaga alam di bumi kepadanya dan membekalkannya dengan bantuan tenaga-tenaga alam di planet-planet dan bintang-bintang.

Allah telah memuliakan manusia dengan sambutan agung alam al-wujud dan dengan angkatan malaikat yang sujud kepadanya dan di sinilah Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Mulia mengumumkan penghormatannya kepada makhluk insan ini.

Allah telah memuliakan manusia dengan mengisytiharkan seluruh penghormatan ini di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la dan akan terus kekal di bumi ini.

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِيٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِي ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ٧٠

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan keturunan Adam dan Kami mengangkutkan mereka (dengan aneka kenderaan) di darat dan di laut dan Kami kurniakan kepada mereka rezeki-rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan-kelebihan (yang istimewa) dari kebanyakan makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakannya."(70)

وَحَمَلْنَٰهُمْ فِي ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ

"Dan Kami mengangkutkan mereka dengan aneka kenderaan) di darat dan di laut."(70)

Pengangkutan di darat dan di laut disempurnakan dengan mempergunakan undang-undang alam dan menyesuaikannya dengan tabi'at hidup manusia dan bakat-bakat kebolehannya. Andainya undang-undang alam ini tidak sesuai dengan tabi'at manusia tentulah kehidupan manusia tidak dapat ditegakkan. Manusia adalah satu makhluk yang lemah dan kerdil dibandingkan dengan faktor-faktor alam di darat dan di laut, tetapi manusia dilengkapkan dengan daya qudrat untuk hidup di bumi ini, juga dilengkapkan dengan bakat-bakat kebolehan yang dapat digunakan olehnya. Semuanya itu adalah dari limpah kurnia Allah belaka.

وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Dan Kami kurniakan kepada mereka rezeki-rezeki yang baik."(70)

Tetapi manusia lupakan rezeki-rezeki yang baik yang dikurniakan Allah kepadanya kerana terlalu biasa. Dia tidak mengenangkan sebahagian besar dari rezeki-rezeki yang baik itu kecuali ketika Allah menafikannya. Di waktu ini barulah dia menyedari betapa besarnya nilai rezeki yang dini'matinya itu, tetapi dalam masa yang sebentar sahaja dia akan lupakannya kembali. matahari ini, udara ini, air ini, sihat wal'afiat ini, daya qudrat bergerak ini, pancaindera ini, akal ini, makanan-makanan, minuman-minuman dan pemandangan-pemandangan ini, alam buana yang panjang lebar ini, di mana dia dilantikkan sebagai khalifah Allah yang mentadbirnya adalah semuanya mengandungi rezeki-rezeki yang baik yang tidak terhitung banyaknya.

"Dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan-kelebihan (yang istimewa) dari kebanyakan makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakannya."(70)

Yakni kami lebihkan mereka dengan perlantikannya selaku khalifah di dalam kerajaan bumi yang panjang lebar ini, juga dengan berbagai-bagai bakat kebolehan yang dilengkapkan di dalam fitrahnya, iaitu bakat-bakat kebolehan yang menjadikan makhluk manusia ini satu makhluk yang unik di antara makhluk-makhluk yang wujud di dalam kerajaan Allah.

Di antara ciri-ciri penghormatan yang lain ialah Allah jadikan manusia penguasa di atas dirinya sendiri dan bertanggungjawab terhadap segala tindak-tanduknya dan arah tujuannya. Inilah ciri utama yang menjadikan makhluk manusia itu manusia. Inilah ciri kebebasan memilih arah tujuan dan tanggungjawab individu dan dengan ciri inilah manusia dilantikkan selaku khalifah di Negeri Kerja (dunia). Oleh itu adalah amat adil manusia itu menerima balasan terhadap pemilihan

arah tujuannya dan terhadap hasil-hasil amalan dan kerjanya di Negeri Hisab (Akhirat) kelak.

يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمَامِهِمْ ۖ فَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ
بِيَمِينِهِ فَأُولَٰئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ
فَتِيلًا ﴿٧١﴾
وَمَنْ كَانَ فِي هَٰذِهِ أَعْمَىٰ فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَىٰ
وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٧٢﴾

"(Ingatilah) hari Qiamat di mana Kami akan memanggil setiap umat dengan nama (Rasul) pemimpin mereka. Oleh itu barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya di tangan kanannya, maka merekalah yang dapat membaca buku laporan amalan mereka (dengan gembira) dan mereka tidak akan dianiayai seurat benang pun(71). Dan barang siapa di dunia ini telah pun buta mata hatinya, maka pada hari Akhirat kelak ia akan menjadi lebih buta lagi dan lebih sesat perjalanannya."(72)

Pemandangan ini menggambarkan bagaimana makhluk manusia dikumpulkan di padang Mahsyar, di mana setiap kelompok akan diseru dengan nama agama yang diikutinya, atau dengan nama Rasul yang menjadi ikutannya, atau dengan nama pemimpin yang diikutinya dalam kehidupan dunia. Mereka diseru supaya tampil menerima buku laporan amalan dan balasannya di negeri Akhirat. Oleh itu sesiapa yang menerima buku laporan amalannya dengan tangan kanannya, dia akan menyambutnya dengan gembira dan membaca buku itu dengan riang dan senang hati, dan seterusnya dia akan mendapat balasan yang sempurna, tidak akan dikurangi barang sedikit pun walau sebesar seurat benang selaput yang terdapat dalam biji benih. Sesiapa yang buta di dunia dan tidak dapat melihat tanda-tanda hidayat, maka di Akhirat kelak dia akan jadi lebih buta dari jalan kebaikan dan lebih sesat lagi dan balasannya memang diketahui umum, tetapi ayat ini hanya menggambarkannya dalam satu pemandangan perhimpunan manusia yang penuh sesak sebagai seorang buta yang berjalan meraba-raba tiada siapa yang memandunya dan tiada suatu apa yang dapat dijadikan panduannya. Dia dibiarkan Allah begitu tanpa ditentukan sesuatu keputusan mengenainya, kerana pemandangan buta dan sesat di sa'at yang amat gawat itu sahaja sudah cukup menjadi balasan yang ngeri dan berkesan di dalam hati.

(Kumpulan ayat-ayat 73 - 111)

وَإِنْ كَادُوا لَيَفْتِنُونَكَ عَنِ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ
لِتَفْتَرِيَ عَلَيْنَا غَيْرَهُ ۖ وَإِذًا لَاتَّخَذُوكَ خَلِيلًا ﴿٧٣﴾
وَلَوْلَا أَنْ ثَبَّتْنَاكَ لَقَدْ كِدْتَ تَرْكَنُ إِلَيْهِمْ شَيْئًا قَلِيلًا ﴿٧٤﴾
إِذًا لَأَذَقْنَاكَ ضِعْفَ الْحَيَاةِ وَضِعْفَ الْمَمَاتِ
ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ عَلَيْنَا نَصِيرًا ﴿٧٥﴾
وَإِنْ كَادُوا لَيَسْتَفِزُّونَكَ مِنَ الْأَرْضِ لِيُخْرِجُوكَ
مِنْهَا ۖ وَإِذًا لَا يَلْبَثُونَ خِلَافَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾
سُنَّةَ مَنْ قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنْ رُسُلِنَا ۖ وَلَا تَجِدُ
لِسُنَّتِنَا تَحْوِيلًا ﴿٧٧﴾
أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ اللَّيْلِ
وَقُرْآنَ الْفَجْرِ ۖ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾
وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ
رَبُّكَ مَقَامًا مَحْمُودًا ﴿٧٩﴾
وَقُلْ رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ
صِدْقٍ وَاجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا نَصِيرًا ﴿٨٠﴾
وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ ۚ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾
وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ۙ
وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

"Dan mereka sebenarnya hampir-hampir hendak memesongkan engkau dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu supaya engkau mengadakan perkara-perkara yang dusta yang berlainan darinya terhadap kami, dan jika (engkau melayani kehendak mereka) nescaya mereka akan mengambil engkau sebagai sahabat(73). Dan jika tidak kerana Kami telah meneguhkan imanmu tentulah engkau akan condong sedikit kepada mereka(74). Jika (terjadi demikian) nescaya Kami rasakan engkau keseksaan hidup yang berlipat ganda dan keseksaan mati yang berlipat ganda kemudian engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun yang sanggup menentang Kami(75). Dan mereka sebenarnya hampir-hampir berjaya menimbulkan kegelisahan kepadamu di bumi (Makkah) dengan tujuan untuk mengusirmu darinya dan jika (engkau terusir) nescaya mereka tidak akan tinggal di sana sesudahmu melainkan hanya sebentar sahaja(76). Itulah undang-undang yang berlaku kepada Rasul-Rasul yang telah Kami utuskan sebelummu dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam undang-undang Kami(77). Dirikanlah solat di waktu matahari condong ke arah jatuh sehingga waktu menjelang malam dan bacalah Al-Qur'an di waktu fajar, kerana membaca Al-Qur'an di waktu fajar itu adalah disaksikan kesannya (yang amat mendalam)(78). Dan di sebahagian malam bangunlah dari tidurmu mendirikan solat

tahajjud dengan membaca Al-Qur'an sebagai ibadat tambahan kepadamu semoga engkau dibangkitkan Tuhanmu (pada hari Akhirat kelak) ke maqam yang terpuji(79). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Masukkan daku dengan langkah masuk yang benar dan keluarkan daku dengan langkah keluar yang benar dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolongku(80). Dan katakanlah: Kebenaran telah datang dan kebatilan telah hapus. Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus(81). Dan dari Al-Qur'an Kami turunkan ayat-ayat yang menjadi penawar dan rahmat kepada para Mu'minin dan ia tidak menambahkan sesuatu apa kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian semata-mata"(82).

وَإِذَآ أَنْعَمْنَا عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ أَعْرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ وَإِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ كَانَ يَـُٔوسًا ﴿٨٣﴾

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِۦ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا ﴿٨٤﴾

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

وَلَئِن شِئْنَا لَنَذْهَبَنَّ بِٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ بِهِۦ عَلَيْنَا وَكِيلًا ﴿٨٦﴾

إِلَّا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ فَضْلَهُۥ كَانَ عَلَيْكَ كَبِيرًا ﴿٨٧﴾

قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَىٰٓ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾

وَقَالُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ ٱلْأَرْضِ يَنۢبُوعًا ﴿٩٠﴾

أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ ٱلْأَنْهَٰرَ خِلَٰلَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾

أَوْ تُسْقِطَ ٱلسَّمَآءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ تَأْتِىَ بِٱللَّهِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾

"Dan apabila Kami kurniakan kesenangan kepada manusia nescaya ia membelakangi dan menjauhkan diri dengan angkuh dari Kami, dan apabila dia disentuh kesusahan dia terus menjadi putus asa(83). Katakanlah: Tiap-tiap seorang itu bertindak mengikut bakat dan kecenderungan masing-masing dan Tuhan kamulah yang lebih mengetahui siapakah yang lebih betul perjalanan hidupnya(84). Dan mereka bertanya kepadamu tentang hakikat roh, jawablah: Roh itu dari urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja(85). Dan jika Kami kehendaki tentulah Kami boleh hapuskan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu itu, kemudian engkau tidak akan mendapat seorang pembela pun yang boleh menentang kehendak Kami(86). (Kami tidak berkehendak begitu) semata-mata kerana rahmat dari Tuhanmu, sesungguhnya limpah kurnia-Nya kepadamu amatlah besar(87). Katakanlah: Jika manusia dan jin berkumpul untuk mengadakan sesuatu yang setanding dengan Al-Qur'an ini nescaya mereka tidak berupaya mengadakan sama sepertinya walaupun mereka saling membantu satu sama lain(88). Dan sesungguhnya Kami ulangi penerangan-penerangan Kami kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan segala macam perbandingan, namun kebanyakan manusia enggan menerima selain dari kekufuran(89). Dan Mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau alirkan untuk Kami sebuah mata air dari bumi(90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak(91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah katakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat berhadapan (dengan kami)"(92).

أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِى ٱلسَّمَآءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَٰبًا نَّقْرَؤُهُۥ ۗ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّى هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

وَمَا مَنَعَ ٱلنَّاسَ أَن يُؤْمِنُوٓا۟ إِذْ جَآءَهُمُ ٱلْهُدَىٰٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ أَبَعَثَ ٱللَّهُ بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٤﴾

قُل لَّوْ كَانَ فِى ٱلْأَرْضِ مَلَٰٓئِكَةٌ يَمْشُونَ مُطْمَئِنِّينَ لَنَزَّلْنَا عَلَيْهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَلَكًا رَّسُولًا ﴿٩٥﴾

قُلْ كَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿٩٦﴾

وَمَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِ ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِهِۦ ۖ وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمْيًا وَبُكْمًا وَصُمًّا ۖ مَّأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَٰهُمْ سَعِيرًا ﴿٩٧﴾

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُم بِأَنَّهُمۡ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمٗا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ خَلۡقٗا جَدِيدًا ﴿٩٨﴾

أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يَخۡلُقَ مِثۡلَهُمۡ وَجَعَلَ لَهُمۡ أَجَلٗا لَّا رَيۡبَ فِيهِ فَأَبَى ٱلظَّٰلِمُونَ إِلَّا كُفُورٗا ﴿٩٩﴾

قُل لَّوۡ أَنتُمۡ تَمۡلِكُونَ خَزَآئِنَ رَحۡمَةِ رَبِّيٓ إِذٗا لَّأَمۡسَكۡتُمۡ خَشۡيَةَ ٱلۡإِنفَاقِۚ وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ قَتُورٗا ﴿١٠٠﴾

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا مُوسَىٰ تِسۡعَ ءَايَٰتِۭ بَيِّنَٰتٖۖ فَسۡـَٔلۡ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ إِذۡ جَآءَهُمۡ فَقَالَ لَهُۥ فِرۡعَوۡنُ إِنِّي لَأَظُنُّكَ يَٰمُوسَىٰ مَسۡحُورٗا ﴿١٠١﴾

قَالَ لَقَدۡ عَلِمۡتَ مَآ أَنزَلَ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ بَصَآئِرَ وَإِنِّي لَأَظُنُّكَ يَٰفِرۡعَوۡنُ مَثۡبُورٗا ﴿١٠٢﴾

"Atau engkau memiliki sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit. Dan kami tidak akan percayakan kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya. Katakanlah: Maha Suci Tuhanku, aku ini hanya seorang manusia yang menjadi utusan sahaja(93). Dan tiada yang menghalangkan manusia dari beriman ketika mereka didatangi hidayat melainkan mereka berkata: Apakah benar Allah telah mengutuskan manusia menjadi Rasul?(94). Katakanlah: Jika di bumi ada malaikat-malaikat penghuni yang berjalan dengan tetap tenteram tentulah Kami turunkan kepada mereka dari langit seorang malaikat untuk menjadi Rasul(95). Katakanlah: Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Melihat(96). Dan sesiapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat (yang sebenar), dan sesiapa yang disesatkan Allah, nescaya engkau tidak akan dapati mereka mempunyai penaung-penaung selain dari-Nya, dan pada hari Qiamat kelak Kami akan kumpulkan mereka (dan mereka diseret) di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, setiap kali apinya hampir padam Kami tambahkan mereka api yang marak(97). Itulah balasan mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Apakah benar sesudah kami hancur menjadi tulang-tulang dan bahan reputan kami akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk yang baru?(98). Apakah mereka tidak berfikir bahawa Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi berkuasa pula menciptakan makhluk yang seperti mereka, sedangkan Allah telah pun menentukan bagi mereka tempoh ajal yang tidak dapat diragui lagi, tetapi orang-orang yang zalim enggan menerima kecuali kekufuran semata-mata(99). Katakanlah: Seandainya kamu memiliki khazanah-khazanah rezeki Tuhanku nescaya kamu akan tahankan khazanah-khazanah itu kerana takut kehabisan, dan manusia itu sememangnya amat kikir(100). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa sembilan mu'jizat yang jelas. Oleh itu tanyalah (perkara ini) kepada Bani Israel ketika Musa datang kepada mereka, lalu Fir'aun berkata kepadanya: Wahai Musa! Sesungguhnya aku fikir engkau ini adalah seorang yang terkena sihir(101). Jawab Musa: Sesungguhnya engkau sendiri mengetahui bahawa tiada siapa yang berkuasa menurunkan mu'jizat-mu'jizat itu melainkan Tuhan yang memiliki langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang jelas. Sesungguhnya wahai Fir'aun aku fikir engkau akan binasa"(102).

فَأَرَادَ أَن يَسۡتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ فَأَغۡرَقۡنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ جَمِيعٗا ﴿١٠٣﴾

وَقُلۡنَا مِنۢ بَعۡدِهِۦ لِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱسۡكُنُواْ ٱلۡأَرۡضَ فَإِذَا جَآءَ وَعۡدُ ٱلۡأٓخِرَةِ جِئۡنَا بِكُمۡ لَفِيفٗا ﴿١٠٤﴾

وَبِٱلۡحَقِّ أَنزَلۡنَٰهُ وَبِٱلۡحَقِّ نَزَلَۗ وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا مُبَشِّرٗا وَنَذِيرٗا ﴿١٠٥﴾

وَقُرۡءَانٗا فَرَقۡنَٰهُ لِتَقۡرَأَهُۥ عَلَى ٱلنَّاسِ عَلَىٰ مُكۡثٖ وَنَزَّلۡنَٰهُ تَنزِيلٗا ﴿١٠٦﴾

قُلۡ ءَامِنُواْ بِهِۦٓ أَوۡ لَا تُؤۡمِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ مِن قَبۡلِهِۦٓ إِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ يَخِرُّونَ لِلۡأَذۡقَانِۤ سُجَّدٗا ﴿١٠٧﴾

وَيَقُولُونَ سُبۡحَٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعۡدُ رَبِّنَا لَمَفۡعُولٗا ﴿١٠٨﴾

وَيَخِرُّونَ لِلۡأَذۡقَانِ يَبۡكُونَ وَيَزِيدُهُمۡ خُشُوعٗا۩ ﴿١٠٩﴾

قُلِ ٱدۡعُواْ ٱللَّهَ أَوِ ٱدۡعُواْ ٱلرَّحۡمَٰنَۖ أَيّٗا مَّا تَدۡعُواْ فَلَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰۚ وَلَا تَجۡهَرۡ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتۡ بِهَا وَٱبۡتَغِ بَيۡنَ ذَٰلِكَ سَبِيلٗا ﴿١١٠﴾

وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي لَمۡ يَتَّخِذۡ وَلَدٗا وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٞ فِي ٱلۡمُلۡكِ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ وَلِيّٞ مِّنَ ٱلذُّلِّۖ وَكَبِّرۡهُ تَكۡبِيرَۢا ﴿١١١﴾

'Dia mahu mengusir mereka dari negeri (Mesir) lalu Kami tenggelamkannya bersama seluruh pengikutnya(103). Dan Kami telah berkata kepada Bani Israel selepas kebinasaan Fir'aun: Tinggallah kamu di negeri ini dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul bercampur-baur (di Mahsyar)(104). Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan tunas kebenaran dan dengan tunas

kebenaran turunnya Al-Qur'an. Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran(105). Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan berdikit-dikit supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan telah turunkannya secara beransur-ansur(106). Katakanlah: Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an atau tidak beriman. Sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an apabila dibacakan kepada mereka Al-Qur'an mereka terus menyembamkan muka mereka sujud (kepada Allah)(107). Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu tetap terkota(108). Dan mereka menyembamkan muka mereka menangis dan ia membuat mereka bertambah khusyu'(109). Katakanlah: Berdo'alah dengan nama Allah atau nama ar-Rahman apa sahaja nama yang kamu seru (adalah baik belaka) kerana Allah mempunyai nama-nama yang paling indah, dan janganlah engkau terlalu nyaringkan bacaan do'a dan solat dan jangan pula terlalu memperlahankannya. Carilah bacaan yang sederhana di antara keduanya(110). Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindungi-Nya dari kehinaan dan takbirkan-Nya dengan sebesar-besar takbir."(111)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran terakhir Surah al-Isra'. Ia memperkatakan paksi utama surah ini, iaitu peribadi Rasulullah s.a.w., sikap kaumnya terhadap beliau dan Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau dan ciri-cirinya.

Ia dimulai dengan menyebut percubaan-percubaan kaum Musyrikin untuk memesongkan Rasulullah s.a.w. dari setengah-setengah wahyu yang diturunkan kepadanya, juga menyebut usaha-usaha mereka yang merancang untuk mengusir beliau dari negeri Makkah dan bagaimana Allah melindungi beliau dari pujuk rayu dan gangguan-gangguan mereka. Ini ialah mengikut keputusan yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah, iaitu keputusan penangguhan 'azab terhadap mereka dan keputusan tidak mengazabkan mereka dengan 'azab penghapusan seperti yang telah dilakukan ke atas umat-umat sebelum mereka. Andainya mereka menghalaukan Rasulullah s.a.w. keluar dari Makkah tentulah mereka akan dibinasakan Allah mengikut Sunnatullah yang tidak pernah berubah terhadap umat-umat yang telah menghalaukan Rasul-Rasul mereka.

Justeru itu Rasulullah s.a.w. diperintah supaya meneruskan perjuangannya dengan mendirikan solat dan membaca Al-Qur'an yang diturunkan-Nya serta berdo'a kepada Allah agar memasukkannya dengan langkah masuk yang benar dan mengeluarkannya dengan langkah keluar yang benar dan mengurniakan kepadanya kekuatan yang menolongnya, juga mengumumkan tentang ketibaan kebenaran dan kehapusan kebatilan. Perhubungan dengan Allah merupakan senjata yang melindungi beliau dari penindasan dan menjaminkannya memperolehi kemenangan dan kekuasaan.

Kemudian dijelaskan pula tentang fungsi Al-Qur'an sebagai penawar dan rahmat kepada mereka yang beriman kepadanya dan sebagai 'azab dan bala kepada mereka yang mendustakannya. Di dunia mereka terseksa dengan sebab Al-Qur'an dan di Akhirat pula mereka akan menemui keseksaan dengan sebab Al-Qur'an juga.

Sehubungan dengan menyebut rahmat dan 'azab di sini, maka penjelasan ayat ini juga menyambut sepintas lalu mengenai sifat manusia yang menerima rahmat dan 'azab itu, iaitu ketika menerima rahmat, mereka menjadi angkuh dan berpaling dari hidayat, dan ketika ditimpa 'azab kemurkaan, mereka menjadi putus asa, kemudian keterangan ini diiringi dengan satu ancaman yang halus supaya membiarkan sahaja setiap orang itu bertindak dan beramal mengikut tabi'at masing-masing sehingga mereka menerima balasannya di Akhirat.

Begitu juga dijelaskan bahawa ilmu manusia itu amat sedikit sehubungan dengan pertanyaan mereka tentang roh, kerana roh itu adalah salah satu perkara ghaib dari urusan-urusan sulit Ilahi, sedangkan manusia tidak mempunyai keupayaan untuk memahaminya. Ilmu yang jelas dan yakin ialah ilmu yang diturunkan Allah kepada Rasul--Nya. Ilmu ini adalah pemberian dari limpah kurnia Allah kepada beliau dan jika Allah kehendaki Dia boleh menghapuskan pemberian itu dan tiada siapa yang boleh membantahkannya, tetapi pemberian itu telah dijadikan suatu rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya kepada Rasul-Nya.

Kemudian disebutkan pula bahawa Al-Qur'an yang mempunyai ciri-ciri mu'jizat yang tidak dapat digubah sepertinya oleh manusia dan jin walaupun mereka saling membantu satu sama lain, Al-Qur'an yang telah mengulang-ngulangkan penerangannya dengan membawa berbagai-bagai dalil hidayat untuk berbicara dengan setiap akal dan hati itu.... Al-Qur'an yang sebegini rupa masih tidak cukup kepada orang-orang kafir Quraysy. Kerana itu mereka masih menuntut Rasulullah s.a.w. supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat kebendaan lain yang dungu seperti mengadakan matair-matair di bumi, memiliki sebuah rumah yang diperbuat dari emas. Begitu juga mereka terus berdegil dan menuntut agar beliau melakukan sesuatu yang di luar dari kemampuan sifat-sifat manusia seperti naik ke langit di hadapan mereka dan membawa turun sebuah kitab yang dapat dibaca oleh mereka atau menggugurkan ke atas mereka kepingan-kepingan langit yang membinasakan mereka. Malah mereka semakin degil dan kufur hingga mereka tergamak menuntut agar beliau membawa Allah dan malaikat berdepan dengan mereka.

Di sini rangkaian ayat ini menayangkan pula sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana digambarkan akibat dahsyat yang menunggu mereka sebagai balasan terhadap kedegilan mereka dan balasan terhadap perbuatan mereka yang telah mendustakan hari Akhirat dan

mengingkarkan kebangkitan selepas mati setelah mereka hancurlebur menjadi tulang dan reputan.

Seterusnya ia mengecam pengesyoran-pengesyoran yang degil itu dengan mengatakan jika mereka menjadi penjaga perbendaharaan rahmat Allah tentulah mereka akan dikongkong tabi'at , kikir manusia dan mereka akan menahankan perbendaharaan itu kerana takut kehabisan sedangkan perbendaharaan itu tak kunjung habis, namun demikian mereka sendiri masih membuat tuntutan-tuntutan dan pengesyoran-pengesyoran yang tidak terbatas (kepada Rasulullah).

Sehubungan dengan tuntutan mereka supaya ditunjukkan mujizat-mu'jizat fizikal, Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. lalu didustakan oleh Fir'aun dan kaumnya menyebabkan mereka dibinasakan Allah mengikut undang-undang-Nya yang menetapkan hukuman kebinasaan ke atas para pendusta.

Al-Qur'an merupakan satu-satunya mu'jizat-mujizat yang benar-benar kekal. Ia diturunkan berdikit-dikit mengikut keperluan umat Muslimin, kerana ia diturun untuk mendidik dan melengkapkan mereka dengan kesediaan-kesediaan yang wajar. Orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an dari para Mu'min, umat-umat yang dahulu dapat memahami kebenaran yang terkandung di dalam Al-Qur'an. Mereka tunduk dan khusyu' apabila mendengarnya.. Mereka percaya dan beriman kepadanya.

Surah ini diakhiri dengan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja serta bertasbih memuji-Nya sebagaimana ia dimulakan dengan tasbih dan tanzih.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 73 - 77)

وَإِن كَادُوا۟ لَيَفْتِنُونَكَ عَنِ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ
لِتَفْتَرِىَ عَلَيْنَا غَيْرَهُۥ ۖ وَإِذًا لَّٱتَّخَذُوكَ خَلِيلًا ﴿٧٣﴾
وَلَوْلَآ أَن ثَبَّتْنَٰكَ لَقَدْ كِدتَّ تَرْكَنُ إِلَيْهِمْ شَيْـًٔا قَلِيلًا ﴿٧٤﴾
إِذًا لَّأَذَقْنَٰكَ ضِعْفَ ٱلْحَيَوٰةِ وَضِعْفَ ٱلْمَمَاتِ
ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ عَلَيْنَا نَصِيرًا ﴿٧٥﴾
وَإِن كَادُوا۟ لَيَسْتَفِزُّونَكَ مِنَ ٱلْأَرْضِ لِيُخْرِجُوكَ
مِنْهَا ۖ وَإِذًا لَّا يَلْبَثُونَ خِلَٰفَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾
سُنَّةَ مَن قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِن رُّسُلِنَا ۖ وَلَا تَجِدُ

"Dan mereka sebenarnya hampir-hampir hendak memesongkan engkau dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu supaya engkau mengadakan perkara-perkara yang dusta yang berlainan darinya terhadap Kami dan jika (engkau melayani kehendak mereka) nescaya mereka akan mengambil engkau sebagai sahabat(73). Dan jika tidak kerana Kami telah meneguhkan imanmu tentulah engkau akan condong sedikit kepada mereka(74). Jika (terjadi demikian) nescaya Kami rasakan engkau keseksaan dunia yang berlipat ganda dan keseksaan Akhirat yang berlipat ganda kemudian engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun yang sanggup menentang Kami(75). Dan mereka sebenarnya hampir-hampir berjaya menimbulkan kegelisahan kepadamu di bumi (Makkah) dengan tujuan untuk mengusirmu darinya, dan jika (engkau terusir) nescaya mereka tidak akan tinggal di sana sesudahmu melainkan hanya sebentar sahaja(76). Itulah undang-undang yang berlaku kepada Rasul-Rasul yang telah Kami utuskan sebelummu dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam undang-undang Kami."(77)

Percubaan-percubaan Memesongkan Rasulullah

Penjelasan ayat-ayat ini menyebut percubaan-percubaan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. Percubaan pertama ialah usaha mereka hendak memesongkan beliau dari Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya supaya beliau mengadakan perkara-perkara dusta yang berlainan dari Al-Qur'an, sedangkan beliau seorang yang sentiasa bercakap benar dan amanah.

Percubaan ini telah dilakukan mereka .dengan berbagai-bagai bentuk, di antaranya ialah mereka tawar menawar dengan beliau, iaitu mereka bersetuju menyembah Tuhan beliau dengan syarat beliau tidak mencela tuhan-tuhan mereka dan tradisi-tradisi datuk nenek mereka. Di antaranya lagi ialah tawar menawar setengah-setengah mereka agar beliau membenarkan mereka menjadikan satu kawasan tempat mereka sebagai tanah haram seperti kawasan Baitullah yang telah dijadikan Allah sebagai tanah haram itu. Di antaranya pula ialah setengah-setengah pembesar mereka meminta beliau mengadakan satu majlis yang berasingan dari majlis yang dihadhiri oleh golongan Mu'minin yang miskin.

Ayat-ayat ini hanya menyentuh percubaan-percubaan itu secara ringkas sahaja tanpa, memperincikannya untuk menyebut limpah kurnia Allah kepada Rasulullah s.a.w., iaitu limpah kurnia meneguhkan pendirian beliau di atas kebenaran dan memelihara beliau dari pujuk rayu mereka yang jahat. Andainya Allah tidak meneguhkan pendirian beliau dan memelihara beliau dari godaan pujuk rayu itu tentulah beliau akan condong kepada mereka dan mereka akan menjadikan beliau sebagai sahabat mereka, dan tentulah beliau akan menerima akibat buruk kerana tunduk kepada pujuk rayu kaum Musyrikin itu, iaitu menerima 'azab yang berlipat ganda dunia dan Akhirat tanpa mendapat sesiapa pun

dari mereka yang sanggup menjadi penolong untuk melindungkan beliau dari 'azab Allah.

Percubaan-percubaan terhadap Rasulullah s.a.w. yang telah dipeliharakan Allah itu merupakan percubaan-percubaan yang sentiasa berlaku di antara pemegang-pemegang kuasa dengan pemimpin-pemimpin da'wah, iaitu percubaan yang bertujuan menggoda penda'wah-penda'wah supaya menyeleweng - walaupun sedikit - dari da'wah yang lurus dan kukuh itu dan supaya berpuas hati dengan penyelesaian-penyelesaian jalan tengah yang disogokkan kepada mereka dengan menawarkan keuntungan-keuntungan yang banyak. Di antara pejuang-pejuang da'wah ada yang tertarik dengan tawaran ini dan terus berkompromi dengan da'wahnya kerana ia melihat perkara ini hanya perkara kecil sahaja. Pemegang-pemegang kuasa biasanya tidak menuntut penda'wah supaya meninggalkan da'wah itu secara keseluruhannya, malah mereka hanya menuntut pindaan-pindaan yang kecil dan sedikit sahaja untuk membolehkan kedua-dua pihak itu bertemu di jalan tengah. Kadang-kadang dari lubang inilah syaitan masuk menggoda pejuang da'wah hingga dia menganggap bahawa da'wah yang paling baik ialah da'wah yang berjaya memenangi hati pemegang-pemegang kuasa walaupun terpaksa melepaskan sebahagian kecil dari da'wah itu.

Tetapi penyelewengan yang sedikit di permulaan jalan itu boleh membawa kepada penyelewengan yang sempurna di penghabisan jalan. Perjuangan da'wah yang sanggup menyerah atau mengabaikan sebahagian dari da'wah itu, walaupun kecil, tidak akan berupaya berhenti pada titik penyerahannya pada kali yang pertama itu, kerana kesediaannya untuk menyerah itu semakin bertambah kuat setiap kali dia melangkah ke belakang.

Persoalan di sini ialah persoalan iman terhadap keseluruhan da'wah. Oleh itu sesiapa yang sanggup menyerah atau sanggup mendiamkan diri dari sebahagian da'wah, walaupun kecil, maka dia tidak boleh disifatkan sebagai orang yang beriman kepada da'wahnya dengan keimanan yang sebenar, kerana setiap aspek da'wah pada pandangan orang yang beriman adalah satu aspek yang benar sama dengan aspek-aspek yang lain. Tidak ada di dalam da'wah aspek yang lebih dan aspek yang kurang. Tidak ada di dalam da'wah aspek yang perlu dan aspek yang bersifat tambahan. Tidak ada di dalam da'wah sesuatu aspek yang boleh ditinggalkan kerana da'wah merupakan suatu keseluruhan yang sepadu yang akan hilang seluruh ciri-cirinya apabila hilang salah satu dari bahagian-bahagiannya sama seperti sesuatu campuran atau sebatian yang akan hilang seluruh ciri-cirinya apabila salah satu dari unsur-unsurnya itu hilang.

Pemegang-pemegang kuasa menarik pejuang-pejuang da'wah dengan cara yang halus dan apabila pejuang boleh menyerah atau mengalah dalam sesuatu bahagian da'wah, maka kehebatan dan ketahanan mereka akan terus hilang, dan pemegang-pemegang kuasa dapat mengetahui andainya tawar menawar dan kenaikan harga itu terus dilakukan, maka lambat laun seluruh da'wah akan menyerah kalah.

Menyerah atau melepaskan sesuatu aspek da'wah walaupun kecil dengan tujuan untuk mendapat sokongan pemegang-pemegang kuasa merupakan satu kekalahan jiwa, kerana ia berpegang dengan mereka untuk menjayakan da'wah, sedangkan Allah Yang Maha Esa sahaja yang seharusnya menjadi tempat pergantungan para Mu'minin dalam perjuangan da'wah mereka. Apabila kekalahan bertapak di seluruh pendalaman hati, maka kekalahan itu tidak akan berubah menjadi kemenangan.

Oleh sebab itulah Allah membangkitkan ni'mat-Nya kepada Rasulullah s.a.w. yang telah meneguhkan pendirian beliau berdasarkan apa yang telah diwahyukan Allah kepadanya, dan memelihara beliau dari terpengaruh kepada pujuk rayu kaum Musyrikin serta menyelamatkan beliau dari menunjukkan kecenderungannya kepada mereka walaupun sedikit, dan seterusnya menyelamatkan beliau dari akibat kecenderungan itu, iaitu 'azab yang berlipat ganda dunia dan Akhirat dan kehilangan penolong dan pembela.

Apabila kaum Musyrikin gagal menarik Rasulullah s.a.w. kepada fitnah pujuk rayu ini, mereka berusaha pula untuk mengusir beliau dari negeri Makkah, tetapi Allah telah memerintah beliau keluar dari negeri Makkah selaku penghijrah, kerana keputusan yang telah ditetapkan di dalam ilmu-Nya bahawa dia tidak akan mengazabkan kaum Quraysy dengan 'azab penghapusan dan andainya mereka mengusir Rasulullah s.a.w. keluar dari Makkah secara kekerasan dan paksaan nescaya mereka akan ditimpa 'azab penghapusan itu.

وَإِذًا لَّا يَلْبَثُونَ خِلَٰفَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾

"Dan jika (engkau terusir) nescaya mereka tidak akan tinggal di sana sesudahmu melainkan hanya sebentar sahaja."(76)

Itulah undang-undang Allah yang sentiasa berkuatkuasa:

سُنَّةَ مَن قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِن رُّسُلِنَا ۖ وَلَا تَجِدُ لِسُنَّتِنَا تَحْوِيلًا ﴿٧٧﴾

"Itulah undang-undang yang berlaku kepada Rasul-Rasul yang telah Kami utuskan sebelummu dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam undang-undang Kami."(77)

Allah telah menjadikan undang-undang ini suatu undang-undang yang berterusan kuatkuasanya dan tidak pernah berubah kerana perlembangan peribadi. Pelaksanaan secara kebetulan tidak pernah menguasai perjalanan alam buana ini, malah yang berkuatkuasa ialah undang-undang Allah yang tetap dan

berterusan. Oleh sebab Allah tidak mahu membinasakan kaum Quraysy dengan 'azab penghabisan sebagaimana Dia telah mengazabkan umat-umat pendusta sebelum mereka kerana sesuatu hikmat yang tinggi, maka Allah tidak mengutuskan Rasulullah s.a.w. dengan membawa mu'jizat-mu'jizat maddi dan tidak mentakdir kaum Quraysy itu mengusir beliau secara kekerasan dan paksaan-paksaan malah Allah memerintah beliau berhijrah (secara sukarela). Demikianlah undang-undang Allah itu berjalan terus tanpa berubah:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 81)

Selepas itu Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya sentiasa membuat perhubungan dengan-Nya dan memohon pertolongan kepada-Nya serta meneruskan perjuangannya dan mengumumkan kemenangan kebenaran dan kehapusan kebatilan:

أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِدُلُوكِ ٱلشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ ٱلَّيْلِ وَقُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ ۖ إِنَّ قُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾ وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾ وَقُل رَّبِّ أَدْخِلْنِى مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِى مُخْرَجَ صِدْقٍ وَٱجْعَل لِّى مِن لَّدُنكَ سُلْطَٰنًا نَّصِيرًا ﴿٨٠﴾ وَقُلْ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَزَهَقَ ٱلْبَٰطِلُ ۚ إِنَّ ٱلْبَٰطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾

"Dirikanlah solat di waktu matahari condong ke arah jatuh sehingga waktu menjelang malam dan bacalah Al-Qur'an di waktu fajar, kerana membaca Al-Qur'an di waktu fajar itu adalah disaksikan kesannya (yang amat mendalam) (78). Dan di sebahagian malam bangunlah dari tidurmu mendirikan solat tahajjud dengan membaca Al-Qur'an sebagai ibadat tambahan kepadamu semoga engkau dibangkitkan Tuhanmu (pada hari Akhirat kelak) ke maqam yang terpuji(79). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Masukkan daku dengan langkah masuk yang benar dan keluarkan daku dengan langkah keluar yang benar dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolongku(80). Dan katakanlah: Kebenaran telah datang dan kebatilan telah hapus. Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus(81).

Perintah Solat

Kata-kata "دلوك الشمس" ialah kecondongan matahari jatuh ke arah membenam diri. Perintah solat di waktu ini hanya khusus untuk Rasulullah s.a.w. sahaja. Adapun solat fardhu, maka ia mempunyai waktu-waktunya yang tersendiri yang ditentukan oleh hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan Sunnah-sunnah amalinya yang mutawatir. Setengah-setengah mufassirin mentafsirkan "دلوك الشمس" dengan kegelinciran matahari dari tengah langit dan kata-kata "غسق" dengan awal malam, dan mentafsirkan " قرآن الفجر" dengan solat Subuh, dan dari ayat inilah mereka mengambil waktu-waktu solat fardhu iaitu Zohor, Asar, Maghrib dan 'Isya' mulai dari gelincir matahari dari tengah langit sehingga waktu malam dan seterusnya waktu fajar. Mereka juga menjadikan solat tahajjud itu sebagai satu-satunya solat yang khusus untuk Rasulullah s.a.w., yang mana beliau diperintah mengerjakannya sebagai solat Sunnah baginya. Kami lebih cenderung kepada pendapat yang pertama, iaitu segala perintah yang disebut di dalam ayat ini adalah khusus untuk Rasulullah s.a.w. dan waktu-waktu solat fardhu itu adalah ditetapkan dengan hadith-hadith dan Sunnah-sunnah amali beliau.

أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِدُلُوكِ ٱلشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ ٱلَّيْلِ

"Dirikanlah solat di waktu matahari condong ke arah jatuh sehingga waktu menjelang malam."(78)

Yakni dirikanlah solat di antara waktu matahari condong ke arah jatuh dengan waktu menjelang kedatangan malam dan kegelapannya dan bacalah Al-Qur'an di waktu fajar kerana:

إِنَّ قُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾

"Kerana membaca Al-Qur'an di waktu fajar itu adalah disaksikan kesannya (yang amat mendalam)."(78)

Kedua-dua waktu ini mempunyai keistimewaannya, iaitu waktu pengunduran siang dan kedatangan malam dan waktu pengunduran malam dan kedatangan siang. Kedua dua waktu ini memberi kesan-kesannya yang mendalam di dalam jiwa manusia kerana kedatangan malam dan engsotan kegelapan sama dengan permulaan keserlahan cahaya dan kehilangan kegelapan. Kedua-duanya menimbulkan perasaan khusyu' di dalam hati. Kedua-duanya menyingkapkan lapangan untuk berfikir dan meneliti undang-undang alam buana yang tidak pernah terkandas walau sesa'at pun dan tidak pernah mungkir walau sekali pun. Membaca Al-Qur'an sama dengan mendirikan solat, kedua-duanya menimbulkan kesan yang baik di dalam hati di waktu fajar menyingsing dengan suasananya yang lembap, bayunya yang lembut gemalai, ketenteramannya yang menyerap, cahayanya yang terserlah, harakat hidup yang mendenyut dan nyawanya yang menarik nafas.

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ

"Dan di sebahagian malam bangunlah dari tidurmu mendirikan solat tahajjud dengan membaca Al-Qur'an sebagai ibadat tambahan kepadamu."(79)

Solat tahajjud ialah solat selepas tidur di awal malam. Gantinama pada kata-kata "فتهجدبه" itu kembali kepada Al-Qur'an (yakni dengan membaca Al-Qur'an) kerana Al-Qur'an itu merupakan roh dan tiang seri solat.

عَسَىٰٓ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

"Semoga engkau dibangkitkan Tuhanmu (pada hari Akhirat kelak) ke maqam yang terpuji"(79)

dengan berkat ibadat solat, tilawatil-Qur'an, solat tahajjud dan dengan perhubungan yang berkekalan dengan Allah. Inilah jalan yang membawa ke maqam yang terpuji. Jika Rasulullah s.a.w. diperintah mendirikan solat, mengerjakan tahajjud dan membaca Al-Qur'an supaya beliau dibangkitkan Allah ke maqam yang terpuji yang diizinkan kepadanya[5], sedangkan beliau adalah Rasul yang terpilih, maka tentulah orang-orang yang lain dari beliau lebih memerlukan kepada wasilah-wasilah untuk mencapai darjat yang diizinkan kepada mereka mengikut darjat-darjat mereka masing-masing. Inilah jalan menuju ke darjat itu dan inilah bekalan untuk menjalani jalan itu.

وَقُل رَّبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَٱجْعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلْطَٰنًا نَّصِيرًا ﴿٨٠﴾

"Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Masukkan daku dengan langkah masuk yang benar dan keluarkan daku dengan langkah keluar yang benar dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolongku."(80)

Perintah Berdo'a Memohon Langkah Yang Benar Sepanjang Perjalanan

Inilah do'a yang diajarkan Allah kepada nabi-Nya supaya berdo'a dengannya dan supaya umatnya belajar bagaimana cara berdo'a kepada Allah dan ke mana arah yang hendak ditujui mereka, iaitu do'a masuk dengan langkah yang benar dan keluar dengan langkah yang benar yang melambangkan perjalanan yang benar dari permulaan sehingga penghabisan atau dari awal sehingga akhir dan di antara awal dengan akhir. Kebenaran yang disebut di sini mempunyai nilainya kerana adanya percubaan kaum Musyrikin hendak memesongkan beliau dari wahyu Allah supaya beliau mengadakan pembohongan-pembohongan yang berlainan darinya. Kebenaran ini juga memberi bayangan-bayangannya iaitu bayangan kemantapan, ketenteraman, kebersihan dan keikhlasan.

وَٱجْعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلْطَٰنًا نَّصِيرًا ﴿٨٠﴾

"Dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolong-ku."(80)

Perintah Memohon Kekuatan Dari Allah

Maksudnya, kekuatan dan kehebatan yang dapat aku atasi kuasa di bumi dan kekuatan kaum Musyrikin. Kata-kata "من لدنك" (dari sisi-Mu) menggambarkan kehampiran dan perhubungan yang rapat dengan Allah, juga menggambarkan usaha mencari bekalan pertolongan dari Allah secara langsung dan berlindung di bawah naungan-Nya.

Pejuang da'wah tidak seharusnya meminta kekuatan melainkan kepada Allah. Dia tidak seharusnya digeruni melainkan dengan kekuatan Allah. Dia tidak seharusnya meminta perlindungan kepada pemerintah atau kepada pembesar supaya menolong dan membelanya selama pemerintah dan pembesar itu tidak pernah bertawajjuh kepada Allah sebelum ini, tetapi da'wah kadang-kadang berjaya menembusi hati pemerintah dan pembesar dan mengubahkannya menjadi pejuang dan pekerja da'wah dan akhirnya dia mendapat kejayaan dan keberuntungan (dunia dan Akhirat). Da'wah tidak berjaya sekiranya dia dijadikan alat kepada pemerintah, kerana da'wah adalah dari urusan Allah dan ia lebih tinggi dari para pemerintah dan pembesar.

وَقُلْ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَزَهَقَ ٱلْبَٰطِلُ ۚ إِنَّ ٱلْبَٰطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾

"Dan katakanlah: Kebenaran telah datang dan kebatilan telah hapus. Sesungguhaya kebatilan itu tetap hapus."(81)

Dengan kekuatan yang diambil dari Allah inilah beliau mengumumkan kedatangan kebenaran dengan kekuatan dan keteguhannya dan mengumumkan kehapusan, keruntuhan dan kekalahan kebatilan, kerana tabi'at kebenaran ialah ia sentiasa hidup dan bertapak kukuh, sedangkan tabi'at kebatilan ialah ia mudah hilang dan hapus.

إِنَّ ٱلْبَٰطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾

"Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus."(81)

Kekuatan Kebenaran Dan Kehancuran Kebatilan

Ini adalah suatu hakikat Laduniyah yang dijelaskan dengan ungkapan yang tegas walaupun pada pandangan pertama kebatilan itu kelihatan mempunyai kekuatan dan kekuasaan. Kebatilan itu berlagak sombong dan bongkak kerana ia tidak bersandar kepada sesuatu hakikat dan kerana itu ia berusaha untuk mengaburi mata supaya ia kelihatan besar, agung dan teguh, sedangkan sebenarnya ia adalah sesuatu yang amat rapuh dan mudah binasa. Kebatilan laksana pucuk api batang-batang lalang yang menjulang tinggi ke udara kemudian dengan cepat ia padam menjadi abu, sedangkan api bara tahan bernyala dan memberi kehangatan. Kebatilan laksana buih yang terapung di atas air tetapi ia akan tercampak hilang dan yang tinggal hanya air.

"Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus" kerana ia tidak mempunyai unsur-unsur ketahanan di dalam dirinya. Ia hanya mempunyai nyawa sementara yang diambil dari kuasa-kuasa luaran dan kekuatan sandaran-sandaran yang tidak semulajadi. Apabila kuasa-kuasa luaran itu bergoyang dan kekuatan sandaran-sandaran itu lemah, maka ia akan terus runtuh dan tumbang. Ada pun kebenaran ia mengambil unsur-unsur hayat dan kewujudannya dari dalam dirinya sendiri. Ia mungkin ditentang hawa

---

[5] *Mengikut riwayat-riwayat, maqam itu ialah maqam syafa'at pada hari Qiamat.*

nafsu, ditentang keadaan-keadaan dan ditentang kuasa, tetapi kedudukannya yang kukuh dan teguh itu menjadikannya menang pada akhirnya dan terjamin ketahanannya, kerana kebenaran itu datang dari Allah Tuhan yang telah menamakan dirinya dengan nama "الحق" (Yang Maha Benar), Yang Maha Hidup dan Maha Kekal tidak akan hilang selama-lamanya.

"Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus" walaupun di belakangnya ia dibantu syaitan dan kuasa, namun janji Allah tetap benar dan kekuasaan Allah lebih kuat lagi. Tiada seorang Mu'min yang telah mencapai kemanisan iman melainkan dia mencapai sama kemanisan janji Allah, dan siapakah yang lebih benar janji-Nya dan perkataan-Nya dari Allah?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 82)

Al-Qur'an Penawar Matahati Yang Ampuh

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

"Dan dari Al-Qur'an kami turunkan ayat-ayat yang menjadi penawar dan rahmat kepada para Mu'minin."(82)

Al-Qur'an mengandungi penawar dan rahmat kepada mereka yang mempunyai hati yang telah mencapai kemanisan iman. Hati-hati ini menjadi terang dan terbuka untuk menerima ketenangan, ketenteraman dan kedamaian yang terkandung di dalam Al-Qur'an.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang menghapuskan perasaan-perasaan was-was, resah gelisah dan perasaan yang tidak menentu. Al-Qur'an menghubungkan hati manusia dengan Allah dan dengan hubungan ini ia merasa tenang dan tenteram, merasa mendapat perlindungan dan keamanan, merasa puas dan redha, iaitu merasa puas dengan keredhaan dari Allah dan keredhaan terhadap kehidupannya. Kegelisahan dan perasaan yang tidak menentu merupakan penyakit dan seterusnya perasaan was-was juga penyakit. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang dapat mengubati hawa nafsu, perasaan-perasaan yang kotor, tamak haloba, hasad dengki dan bisikan-bisikan syaitan. Perasaan-perasaan ini merupakan penyakit-penyakit hati yang boleh menyebabkannya merana, lemah dan letih lesu. Ia membawa hati ke arah kehancuran, kemusnahan dan keruntuhan. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang dapat membetulkan arah-arah tujuan yang tidak betul di dalam perasaan dan pemikiran seseorang. Ia boleh melindungkan akal dari kesesatan dan membebaskannya bergiat cegas di dalam bidang-bidangnya yang mendatangkan faedah. Ia menahan akal dari membuang tenaganya dalam bidang-bidang kegiatan yang tidak berguna. Ia memandu akal dengan garis panduan sebuah sistem hidup yang sihat dan betul. Ia membuat kegiatan akal mengeluarkan hasil-hasil yang baik dan terjamin. Ia memelihara akal dari kesesatan dan kegelinciran. Di dalam alam jasad juga Al-Qur'an menjadikan akal menggunakan tenaga-tenaganya dalam bentuk yang sederhana tanpa tekanan dan penyelewengan agar tetap dalam keadaan yang sihat dan 'afiat, dan dapat menyimpankan tenaga-tenaganya untuk pengeluaran-pengeluaran yang berguna. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang dapat menyembuhkan penyakit-penyakit masyarakat yang melemahkan kekuatan perpaduan kelompok-kelompok masyarakat, menghapuskan kesejahteraan, keamanan dan ketenteramannya agar masyarakat hidup di bawah naungan sistemnya yang adil dan syumul dalam keadaan yang selamat, aman dan tenteram. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

"Dan ia tidak menambahkan sesuatu apa kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian semata-mata"(82)

kerana mereka tidak mengambil apa-apa manfa'at dari isi Al-Qur'an yang mengandungi penawar dan rahmat itu. Mereka dikongkong oleh perasaan marah kerana orang-orang yang beriman dapat mengatasi mereka dengan Al-Qur'an. Mereka memilih sikap degil dan angkuh dan bersimpang-siur di dalam kezaliman dan kerosakan. Di dalam dunia mereka telah dikalahkan pendokong-pendokong Al-Qur'an dan mendapat kerugian, dan Akhirat pula mereka akan di'azabkan kerana mereka menolak Al-Qur'an dan berdegil di dalam kezaliman. Mereka sentiasa mendapat kerugian *"Dan ia tidak menambahkan sesuatu apa kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian semata-mata"*.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 84)

Kesenangan Dan Kesusahan Boleh Mengubahkan Syakhsiyah Manusia

Apabila seseorang itu dibiarkan tanpa penawar dan rahmat, apabila dia dibiarkan kepada kongkongan hawa nafsu dan keinginannya yang terburu-buru di mana di waktu senang dia menjadi manusia yang angkuh, tidak menghiraukan Allah, tidak bersyukur dan tidak mengingati Allah, dan di waktu susah dia menjadi manusia yang putus asa dari rahmat Allah, maka ketika itu jalan-jalan hidup akan menjadi gelap di hadapannya:

وَإِذَا أَنْعَمْنَا عَلَى الْإِنسَانِ أَعْرَضَ وَنَا بِجَانِبِهِ

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ كَانَ يَـُٔوسًا ﴿٨٣﴾

"Dan apabila Kami kurniakan kesenangan kepada manusia nescaya ia membelakangi dan menjauhkan diri dengan angkuh dari Kami, dan apabila dia disentuh kesusahan dia terus menjadi putus asa."(83)

Ni'mat kesenangan boleh menjadikan seorang itu melampau dan angkuh jika dia tidak mengingati Allah mengurniakan ni'mat kesenangan itu dengan memuji dan bersyukur kepada-Nya, dan kesusahan pula boleh membuat seseorang itu putus asa jika dia tidak berhubung dengan Allah dengan meletakkan harapan dan menaruh keyakinan kepada rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya agar ia bersikap optimis atau memandang cerah kepada masa depannya.

Di sinilah munculnya nilai keimanan dan rahmatnya sama ada di waktu senang atau di waktu susah.

Kemudian ayat berikut menjelaskan bahawa setiap individu dan setiap kelompok itu bertindak dan bekerja mengikut cara dan arah tujuan masing-masing dan hanya terserah kepada Allah sahaja menilaikan arah-arah tujuan dan amalan-amalan yang dilakukan mereka:

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِۦ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا ﴿٨٤﴾

"Katakanlah: Tiap-tiap seorang itu bertindak mengikut bakat dan kecenderungan masing-masing dan Tuhan kamulah yang lebih mengetahui siapakah yang lebih betul perjalanan hidupnya."(84)

Penjelasan ini mengandungi amaran yang halus terhadap akibat amalan-amalan dan arah-arah tujuan supaya setiap orang harus berhati-hati dan berusaha memilih jalan hidayat dan jalan menuju kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 85 - 87)

Hakikat Roh

Setengah dari mereka bertanya Rasulullah s.a.w. mengenai hakikat roh, apakah hakikatnya? Cara yang paling baik yang diikuti Al-Qur'an ialah memberi jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang perlu diketahui mereka dan dapat difahami dan dimengerti oleh daya-daya pemikiran mereka selaku manusia. Dengan cara itu tenaga akal fikiran yang dikurniakan Allah kepada mereka tidak terbuang percuma kerana memikirkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan apa-apa hasil atau memikirkan perkara-perkara di luar bidang kuasa akal, iaitu bidang-bidang yang diketahui dan dimiliki alat-alatnya. Apabila mereka bertanya beliau mengenai roh, maka Allah memerintah beliau supaya memberi jawapan kepada mereka bahawa roh itu adalah dari urusan Allah. Hanya ilmu Allah sahaja yang mengetahuinya dan tiada siapa pun yang mengetahui selain dari Allah:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang hakikat roh, jawablah: Roh itu dari urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja."(85)[6]

Keterangan di dalam ayat ini bukannya bertujuan untuk menghalangkan akal manusia dari bergiat dan bertindak, tetapi ia bertujuan memberi bimbingan kepada akal agar bergiat dan bertindak di dalam ruang batas dan bidang yang dapat difahaminya; kerana tidak ada gunanya meraba-raba di padang gurun dan membuang tenaga di dalam perkara-perkara yang tidak terdaya difahami akal kerana ia tidak mempunyai alat-alat untuk memahaminya. Roh merupakan satu urusan ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Tiada siapa pun yang lain dari Allah dapat memahaminya. Ia merupakan rahsia dari rahsia-rahsia Allah yang suci yang disimpankan pada makhluk manusia dan setengah-setengah makhluk yang lain yang kita tidak mengetahui hakikatnya. Ilmu pengetahuan manusia amat terbatas dibandingkan dengan ilmu Allah Yang Maha Sempurna, dan rahsia-rahsia alam al-wujud ini lebih luas dari yang dapat diketahui oleh akal manusia yang terbatas. Oleh sebab manusia tidak mentadbirkan alam buana ini, maka daya-daya tenaganya adalah tidak sempurna dan meliputi. Manusia hanya dikurniakan sebahagian daya tenaga sekadar ruang lingkupnya dan sekadar keperluannya untuk melakukan tugas khilafah di bumi ini dan untuk melaksanakan apa yang dikehendaki Allah supaya dilaksanakan mereka dalam lingkungan batas 'ilmunya yang sedikit itu.

Manusia dapat menunjukkan berbagai-bagai kejayaan yang gemilang di bumi ini, tetapi dia berdiri lemah di hadapan rahsia roh yang amat seni itu. Dia tidak mengetahui apakah hakikatnya bagaimana ia datang dan bagaimana ia pergi, di mana ia berada dahulu dan di mana pula ia berada sekarang. Dia tidak mengetahui hakikat roh melainkan sekadar yang dijelaskan Allah Yang Maha Mengetahui di dalam kitab sucinya Al-Qur'an.

Apa yang dijelaskan di dalam Al-Qur'an itu merupakan ilmu yang diyakinkan benarnya kerana ia datang dari Allah Yang Maha Mengetahui. Dan jika Allah kehendaki Dia boleh menafikan umat manusia dari mendapat kitab suci dan Dia boleh menghapuskan wahyu-wahyu yang telah diwahyukan kepada Rasul-Nya, tetapi itulah rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya.

وَلَئِن شِئْنَا لَنَذْهَبَنَّ بِٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ ثُمَّ لَا تَجِدُ

---

[6] *Menurut pendapat yang lebih rajih pertanyaan ini datangnya daripada golongan Ahlil-Kitab dan ayat ini bersama tujuh ayat yang lain selepasnya adalah diturunkan di Madinah.*

لَكَ بِهِۦ عَلَيۡنَا وَكِيلًا ﴿٨٦﴾

إِلَّا رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۚ إِنَّ فَضۡلَهُۥ كَانَ عَلَيۡكَ كَبِيرٗا ﴿٨٧﴾

"Dan jika Kami kehendaki tentulah Kami hapuskan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu itu, kemudian engkau tidak akan mendapat seorang pembela pun yang boleh menentang kehendak Kami(86). (Kami tidak berkehendak begitu) semata-mata kerana rahmat dari Tuhanmu, sesungguhnya limpah kurnia-Nya kepadamu amatlah besar."(87)

Allah membangkitkan limpah kurnianya ini terhadap Rasulullah s.a.w., iaitu limpah kurnia menurunkan wahyu dan mengekalkan apa yang diwahyukan itu. Limpah kurnia ini lebih besar lagi ertinya kepada umat manusia, kerana dengan Al-Qur'an mereka memperolehi rahmat, hidayat dan ni'mat generasi demi generasi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 93)

Al-Qur'an Ciptaan Allah Yang Tidak Mungkin Ditiru

Jika roh tergolong di dalam rahsia-rahsia yang hanya diketahui oleh Allah sahaja, maka Al-Qur'an juga merupakan gubahan Allah yang tidak dapat ditiru oleh para makhluk. Manusia dan jin yang mewakili makhluk zahir dan makhluk ghaib tidak sekali-kali berupaya untuk menggubah atau mengadakan kitab seperti Al-Qur'an walaupun kedua-dua jenis makhluk itu bekerjasama dan saling membantu satu sama lain dalam usaha itu:

قُل لَّئِنِ ٱجۡتَمَعَتِ ٱلۡإِنسُ وَٱلۡجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأۡتُواْ بِمِثۡلِ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ لَا يَأۡتُونَ بِمِثۡلِهِۦ وَلَوۡ كَانَ بَعۡضُهُمۡ لِبَعۡضٖ ظَهِيرٗا ﴿٨٨﴾

"Katakanlah: Jika manusia dan jin berkumpul untuk mengadakan sesuatu yang setanding dengan Al-Qur'an ini nescaya mereka tidak berupaya mengadakan sama sepertinya walaupun mereka saling membantu satu sama lain."(88)

Al-Qur'an bukannya kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang dapat ditiru manusia dan jin, malah Al-Qur'an sama dengan ciptaan-ciptaan Allah yang lain yang tidak dapat ditiru oleh para makhluk. Al-Qur'an sama seperti hakikat roh, iaitu ia dari urusan Allah. Para makhluk tidak dapat mengetahui rahsia-rahsianya yang sempurna dan syumul walaupun mereka memahami setengah sifat-sifat, ciri-ciri dan kesan-kesannya.

Selain dari itu Al-Qur'an merupakan satu sistem hidup yang sempurna yang memberi perhatian kepada undang-undang fitrah yang mengendalikan jiwa manusia dalam setiap keadaan dan peringkat perkembangannya dan mengendalikan masyarakat masyarakat manusia dalam setiap keadaan dan peringkat perkembangannya. Justeru itulah sistem ini menangani dan melayani jiwa individu dan jiwa kelompok yang rumit itu dengan undang--undang yang sesuai dengan fitrah yang bertunjang dalam berbagai-bagai hubungan dan liku-likunya. Ia menangani fitrah itu dengan cara yang sepadu dan dengan langkah-langkah yang seimbang dalam setiap sudut serentak dalam waktu yang sama. Oleh itu tiada suatu kemungkinan dari berbagai-bagai kemungkinan dan tiada satu hubungan dari berbagai--bagai hubungan yang bertentangan di dalam hidup individu dan hidup masyarakat yang terluput dari perhitungan sistem ini, kerana Allah yang mengaturkan undang-undang ini adalah Maha Mengetahui dengan fitrah manusia dalam setiap keadaan dan hubungannya yang rumit itu.

Adapun sistem-sistem hidup yang diciptakan manusia, maka ia terpengaruh kepada kelemahan manusia dan suasana-suasana hidupnya. Oleh sebab ini sistem-sistem itu tidak dapat merangkumi segala kemungkinan dalam waktu yang sama. Kadang-kadang ia merawat satu penyakit individu atau penyakit masyarakat dengan ubat yang boleh menimbulkan satu penyakit yang lain yang memerlukan kepada suatu rawatan yang baru.

Mu'jizat Al-Qur'an lebih jauh dari mujizat susunan-susunan dan makna-maknanya. Bagaimana lemahnya manusia untuk menciptakan sesuatu yang serupa dengan susunan dan makna-makna Al-Qur'an, begitulah juga betapa lemahnya manusia untuk mencipta satu sistem hidup yang serupa dengan sistem hidup Al-Qur'an yang merangkumi segala-galanya itu.

Cabaran-cabaran Yang Dungu Terhadap Rasulullah

وَلَقَدۡ صَرَّفۡنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٖ فَأَبَىٰٓ أَكۡثَرُ ٱلنَّاسِ إِلَّا كُفُورٗا ﴿٨٩﴾

وَقَالُواْ لَن نُّؤۡمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفۡجُرَ لَنَا مِنَ ٱلۡأَرۡضِ يَنۢبُوعًا ﴿٩٠﴾

أَوۡ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٞ مِّن نَّخِيلٖ وَعِنَبٖ فَتُفَجِّرَ ٱلۡأَنۡهَٰرَ خِلَٰلَهَا تَفۡجِيرًا ﴿٩١﴾

أَوۡ تُسۡقِطَ ٱلسَّمَآءَ كَمَا زَعَمۡتَ عَلَيۡنَا كِسَفًا أَوۡ تَأۡتِيَ بِٱللَّهِ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami ulangi penerangan-penerangan Kami kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan segala macam perbandingan, namun kebanyakan manusia enggan menerima selain dari kekufuran(89). Dan mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau alirkan

untuk kami sebuah mata air dari bumi(90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak(91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah katakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat berhadapan (dengan kami)"(92).

أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرَؤُهُ

"Atau engkau memiliki sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit. Dan kami tidak akan percayakan kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya."(93)

Demikianlah kelemahan daya pemikiran mereka dari melihat ufuk-ufuk mu'jizat Al-Qur'an kerana itu mereka masih menuntut mu'jizat-mu'jizat fizikal dan secara degil mengemukakan berbagai-bagai cadangan yang menunjukkan cara pemikiran mereka yang keanak-anakan atau mereka memperlihatkan sikap yang angkuh dan sombong terhadap zat Ilahiyah tanpa sopan santun dan silu malu. Penerangan Al-Qur'an yang dilakukan berulang-ulang kali dengan menggunakan berbagai-bagai contoh perbandingan, juga menggunakan berbagai-bagai cara dan gaya untuk membentangkan hakikat yang sesuai dengan akal dan perasaan dan sesuai dengan berbagai-bagai generasi dan peringkat perkembangan manusia, namun....

فَأَبَىٰ أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾

"Namun kebanyakkan manusia enggan menerima selain dari kekufuran."(89)

Mereka mensyaratkan keimanan mereka kepada Rasulullah s.a.w. dengan kebolehan beliau mengeluarkan untuk mereka matair dari bumi, atau dengan kemampuan beliau memiliki ladang-ladang kurma dan anggur, di mana anak-anak sungai mengalir mewah di celah-celah ladang itu, atau dengan kebolehan beliau menimpakan 'azab dari langit yang digugurkan berkeping-kepingan ke atas mereka sebagaimana pernah diancam beliau kepada mereka pada hari Qiamat kelak, atau dengan kesanggupan beliau membawa Allah dan malaikat sebagai pembela yang akan mempertahankan keselamatannya sebagaimana yang dilakukan mereka di dalam qabilah-qabilah mereka, atau dengan kemampuan beliau memiliki sebuah rumah yang diperbuat dari logam yang mahal, atau dengan kesanggupan beliau naik ke langit, tetapi tidak cukup dengan naik ke langit sahaja sambil diperhatikan oleh mereka, malah pastilah sanggup pula membawa turun bersamanya sebuah kitab yang dapat dibacakan mereka.

Ciri-ciri berfikir secara keanak-anakan dan ciri-ciri kedegilan nampak jelas di dalam cadangan-cadangan mereka yang dungu ini, di mana mereka menyamakan di antara rumah yang diperbuat dari emas dengan naik ke langit atau menyamakan di antara mengeluarkan matair dari bumi dengan kedatangan Allah S.W.T. dan para malaikat berdepan dengan mereka. Asas yang mengumpulkan pemikiran dan kefahaman mereka dalam semua cadangan itu ialah semuanya dipandang sebagai mu'jizat-mu'jizat maddiyah, dan andainya beliau dapat menunjukkan mu'jizat-mu'jizat ini kepada mereka, maka barulah mereka akan berfikir untuk beriman kepada beliau dan membenarkan (kerasulannya).

Mereka abaikan mu'jizat Al-Qur'an yang kekal abadi, sedangkan mereka tidak berupaya untuk mengadakan sebuah kitab seperti Al-Qur'an dari segi susunan-susunan dan makna-maknanya, juga dari segi sistem hidup yang dikemukakannya. Mereka tidak dapat merasakan mu'jizat ini dengan pancaindera mereka dan kerana itu mereka menuntut jenis mu'jizat-mu'jizat yang dapat ditangkap oleh pancaindera mereka.

Mu'jizat itu bukanlah dari ciptaan Rasul dan bukan pula dari urusannya, malah ia adalah dari urusan Allah S.W.T. mengikut perencanaan dan hikmat-Nya, dan bukannya dari urusan seorang Rasul memohon mu'jizat apabila ia tidak dikurniakan Allah. Adab sopan kerasulan dan kefahaman beliau terhadap hikmat kebijaksanaan Allah dalam urusan pentadbiran-Nya telah menghalangkan Rasulullah dari mencadangkan mu'jizat-mu'jizat kepada Allah, selama Allah tidak mengizinkan beliau.

قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

"Katakanlah: Maha Suci Tuhanku! Aku ini hanya seorang manusia yang menjadi utusan sahaja."(93)

Yakni seorang Rasul yang harus berhenti di perbatasan sifat-sifat kemanusiaannya dan harus bertindak mengikut tugas-tugas kerasulannya sahaja bukannya bertindak mengemukakan cadangan-cadangan kepada Allah dan menambahkan tugas-tugas yang lain dari tugas-tugas yang telah diletakkan ke atas bahunya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 99)

Memang telah menjadi satu kemusykilan yang pernah dihadapi berbagai-bagai umat sebelum kedatangan Nabi s.a.w. dan selepas kedatangannya dan kemusykilan ini telah menghalang mereka dari beriman kepada para Rasul dan hidayat yang telah dibawa mereka. Ia berpunca kerana mereka memustahilkan Rasul itu dipilih dari bangsa manusia dan bukannya dari bangsa malaikat:

وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَن يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَن قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٤﴾

"Dan tiada yang menghalangkan manusia dari beriman ketika mereka didatangi hidayat melainkan mereka berkata:

Apakah benar Allah telah mengutuskan manusia menjadi Rasul?"(94)

Fahaman yang keliru ini adalah terbit kerana manusia tidak mahu memahami nilai dan kedudukan mereka yang tinggi di sisi Allah. Oleh itu mereka merasa suatu keterlaluan untuk mempercayai bahawa manusia boleh menjadi utusan dari Allah, juga terbit kerana mereka tidak memahami tabi'at alam buana dan tabi'at malaikat yang bukannya diciptakan dengan persediaan untuk tinggal di bumi dengan rupa paras kemalaikatan mereka hingga dapat dicam dan dikenal manusia bahawa mereka adalah malaikat.

قُل لَّوۡ كَانَ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَلَٰٓئِكَةٞ يَمۡشُونَ مُطۡمَئِنِّينَ لَنَزَّلۡنَا عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَلَكٗا رَّسُولٗا ٩٥

"Katakanlah: Jika di bumi ada malaikat-malaikat penghuni yang berjalan dengan tetap tenteram tentulah Kami turunkan kepada mereka dari langit seorang malaikat untuk menjadi Rasul."(95)

Andainya Allah merencanakan malaikat itu hidup di bumi tentulah Allah menciptakan mereka dengan bentuk rupa manusia, kerana bentuk rupa inilah yang sesuai dengan undang-undang ciptaan dan tabi'at alam buana sebagaimana telah dijelaskan Allah dalam satu ayat yang lain:

وَلَوۡ جَعَلۡنَٰهُ مَلَكٗا لَّجَعَلۡنَٰهُ رَجُلٗا

"Dan jika Kami jadikan Rasul itu malaikat tentulah Kami jadikannya seorang lelaki."

(Surah al-An'am: 9)

Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu, tetapi Allah telah menciptakan undang-undang dan menjadikan para makhluknya mengikut undang-undang ini dengan qudrat dan pilihan-Nya yang bebas dan seterusnya menetapkan bahawa undang-undang itu terus berkuatkuasa tanpa berubah dan bertukar supaya terlaksana hikmat kebijaksanaan-Nya dalam urusan penciptaan-Nya, tetapi kaum Musyrikin tidak memahami hakikat ini.

Selama undang-undang ini telah menjadi Sunnatullah dalam urusan penciptaan-Nya, maka Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menamatkan perdebatan dengan mereka dan menyerahkan urusannya dan urusan mereka kepada Allah dan menjadikan-Nya sebagai saksi di atas mereka, di samping menyerahkan kepada-Nya urusan bertindak ke atas mereka kerana Dialah sahaja yang mengetahui keadaan seluruh hamba-Nya:

قُلۡ كَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدَۢا بَيۡنِي وَبَيۡنَكُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرَۢا بَصِيرٗا ٩٦

"Katakanlah: Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Melihat."(96)

Ungkapan ini membawa bau ancaman dan amaran. Kemudian akibat amaran ini digambarkan dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menakutkan:

وَمَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَلَن تَجِدَ لَهُمۡ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِهِۦۖ وَنَحۡشُرُهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمۡ عُمۡيٗا وَبُكۡمٗا وَصُمّٗاۖ مَّأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ كُلَّمَا خَبَتۡ زِدۡنَٰهُمۡ سَعِيرٗا ٩٧ ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُم بِأَنَّهُمۡ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمٗا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ خَلۡقٗا جَدِيدًا ٩٨ أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يَخۡلُقَ مِثۡلَهُمۡ وَجَعَلَ لَهُمۡ أَجَلٗا لَّا رَيۡبَ فِيهِ فَأَبَى ٱلظَّٰلِمُونَ إِلَّا كُفُورٗا ٩٩

"Dan sesiapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat (yang sebenar), dan sesiapa yang disesatkan Allah, nescaya engkau tidak akan dapati mereka mempunyai penaung-penaung selain dari-Nya, dan pada hari Qiamat kelak Kami akan kumpulkan mereka (dan mereka diseret) di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, setiap kali apinya hampir padam Kami tambahkan mereka api yang marak(97). Itulah balasan mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Apakah benar sesudah kami hancur menjadi tulang-tulang dan bahan reputan kami akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk yang baru?(98) Apakah mereka tidak berfikir bahawa Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi berkuasa pula menciptakan makhluk yang seperti mereka, sedangkan Allah telah pun menentukan bagi mereka tempoh ajal yang tidak dapat diragui lagi, tetapi orang-orang yang zalim enggan menerima kecuali kekufuran semata-mata."(99)

Allah telah mengadakan peraturan-peraturan hidayat dan kesesatan dan Allah membebaskan manusia berjalan mengikut peraturan-peraturan ini dan menanggung akibat-akibatnya. Di antara peraturan-peraturan ini ialah manusia diperlengkapkan dengan kesediaan untuk menerima hidayat dan kesesatan mengikut daya usahanya memilih sendiri jalan hidayat atau jalan kesesatan. Oleh itu orang yang wajar menerima hidayat Allah akan mendapat hidayat dari Allah apabila ia berusaha dan menjurus ke arahnya dan dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar kerana dia mengikut hidayat Allah, dan orang yang wajar mendapat kesesatan kerana berpaling dari dalil-dalil dan ayat-ayat hidayat, maka tiada siapapun yang akan dapat melindungkannya dari 'azab Allah:

فَلَن تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِهِۦ

"Nescaya engkau tidak akan dapati mereka mempunyai penaung-penaung selain dari-Nya"(97)

dan Allah akan mengumpul mereka pada hari Qiamat dengan keadaan yang hina dan menggerunkan, iaitu mereka diseret di atas muka mereka dan mereka terhuyung-hayang kerana buta, pekak dan tuli:

وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمْيًا وَبُكْمًا وَصُمًّا

"Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan kumpulkan mereka (dan mereka diseretkan) di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak."(97)

Mereka tidak dapat melihat dan tidak dapat menggunakan anggota-anggota pancaindera mereka dalam kumpulan manusia yang penuh sesak sebagai balasan terhadap kesalahan mereka yang tidak mahu mempergunakan anggota-anggota pancaindera mereka di dunia ini untuk memahami dalil-dalil hidayat.

مَّأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ

"Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam....."(97)

Penghabisan hidup mereka ialah Neraka Jahannam yang tidak pernah sejuk dan malap nyalaan apinya:

كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَٰهُمْ سَعِيرًا ﴿٩٧﴾

"Setiap kali apinya hampir padam Kami tambahkan mereka api yang marak."(97)

Itulah kesudahan dan balasan yang menakut dan menggerunkan, tetapi itulah balasan yang wajar diterima mereka kerana menolak ayat-ayat Allah dan mengingkarkan kebangkitan dan menganggapkannya sebagai sesuatu yang jauh dari kemungkinan berlaku:

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُم بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٩٨﴾

"Itulah balasan mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Apakah benar sesudah kami hancur menjadi tulang-tulang dan bahan reputan kami akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk yang baru?"(98)

Al-Qur'an menayangkan pemandangan ini seolah-olah ia wujud di hadapan mata mereka sekarang ini dan seolah-olah alam dunia mereka telah digolong lembaran riwayatnya dan telah menjadi catatan sejarah lama. Ini ialah mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang membentangkan pemandangan-pemandangan itu seolah-olah peristiwa yang hidup di alam realiti dan mempengaruhi hati dan perasaan manusia sebelum terluput waktunya.

Kemudian Al-Qur'an kembali mendebati mereka dengan logik realiti yang dilihat mereka tetapi diabaikannya:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ

قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ

"Apakah mereka tidak berfikir bahawa Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi berkuasa pula menciptakan makhluk yang seperti mereka."(99)

Apakah keganjilan yang ada pada kebangkitan semula manusia selepas mati, sedangkan Allah yang telah berkuasa menciptakan langit dan bumi tentulah berkuasa pula menciptakan semula makhluk seperti mereka iaitu berkuasa menjadikan mereka hidup kembali:

وَجَعَلَ لَهُمْ أَجَلًا لَّا رَيْبَ فِيهِ فَأَبَى ٱلظَّٰلِمُونَ إِلَّا كُفُورًا ﴿٩٩﴾

"Sedangkan Allah telah pun menentukan bagi mereka tempoh ajal yang tidak dapat diragui lagi, tetapi orang-orang yang zalim enggan menerima kecuali kekufuran semata-mata."(99)

Allah telah menetapkan ajal mereka masing-masing menurut waktunya, tetapi mereka tetap kufur juga. Oleh itu mereka dikenakan hukuman yang adil setelah (gagal) wajar dengan lojik dalil-dalil, bukti-bukti dari kejadian alam buana dan ayat-ayat yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 100)

Tabi'at Bakhil

Tetapi mereka yang mengemukakan cadangan-cadangan yang degil kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengadakan rumah-rumah dari emas, ladang-ladang kurma dan anggur dan matair yang mengalir mewah itu adalah sebenarnya orang-orang yang bakhil dan kedekut sehingga andainya khazanah rahmat Allah ini diserahkan kepada mereka tentulah mereka akan menjadi kedekut dan bakhil juga kerana takut khazanah itu kehabisan, sedangkan rahmat Allah tak kunjung habis dan kurang:

قُل لَّوْ أَنتُمْ تَمْلِكُونَ خَزَآئِنَ رَحْمَةِ رَبِّىٓ إِذًا لَّأَمْسَكْتُمْ خَشْيَةَ ٱلْإِنفَاقِ ۚ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ قَتُورًا ﴿١٠٠﴾

"Katakanlah: Seandainya kamu memiliki khazanah-khazanah rezeki Tuhanku nescaya kamu akan tahankan khazanah-khazanah itu kerana takut kehabisan, dan manusia itu sememangnya amat kikir."(100)

Itulah gambaran kebakhilan yang amat besar kerana rahmat Allah meliputi dan mencakupi segala sesuatu, tidak pernah dibimbang habis dan kurang, tetapi jiwa mereka yang amat bakhil itu akan menahan rahmat ini dengan kedekutnya andainya mereka menjadi penjaga dan pentadbir khazanah rahmat Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 101 - 104)

Sikap Manusia Yang Ingkar Terhadap Mu'jizat

Walau bagaimanapun, mu'jizat-mu'jizat yang banyak tidak dapat mewujudkan keimanan di dalam hati yang ingkar. Lihatlah Musa a.s. yang telah dikurniakan sembilan mu'jizat yang amat nyata tetapi telah didustakan Fir'aun dan kaumnya dan justeru itulah seluruh mereka telah ditimpakan kebinasaan:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ تِسْعَ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ ۖ فَسْـَٔلْ بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ إِذْ جَآءَهُمْ فَقَالَ لَهُۥ فِرْعَوْنُ إِنِّى لَأَظُنُّكَ
يَٰمُوسَىٰ مَسْحُورًا ﴿١٠١﴾
قَالَ لَقَدْ عَلِمْتَ مَآ أَنزَلَ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ بَصَآئِرَ وَإِنِّى لَأَظُنُّكَ يَٰفِرْعَوْنُ مَثْبُورًا ﴿١٠٢﴾
فَأَرَادَ أَن يَسْتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ فَأَغْرَقْنَٰهُ وَمَن
مَّعَهُۥ جَمِيعًا ﴿١٠٣﴾
وَقُلْنَا مِنۢ بَعْدِهِۦ لِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱسْكُنُوا۟ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا
جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa sembilan mu'jizat yang jelas. Oleh itu tanyalah (perkara ini) kepada Bani Israel ketika Musa datang kepada mereka, lalu Fir'aun berkata kepadanya: Wahai Musa! Sesungguhnya aku fikir engkau ini adalah seorang yang terkena sihir(101). Jawab Musa: Sesungguhnya engkau sendiri mengetahui bahawa tiada siapa yang berkuasa menurunkan mujizat-mu'jizat itu melainkan Tuhan yang memiliki langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang jelas. Sesungguhnya, wahai Fir'aun, aku fikir engkau akan binasa(102). Dia mahu mengusir mereka dari negeri (Mesir) lalu Kami tenggelamkannya bersama seluruh pengikutnya(103). Dan Kami telah berkata kepada Bani Israel selepas kebinasaan Fir'aun: Tinggallah kamu di negeri ini dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul dengan bercampur-baur (di Mahsyar)."(104)

Contoh-contoh dari kisah Musa a.s. dan Bani Israel ini disebut di sini kerana sesuai dengan penerangan surah dan dengan sebutan al-Masjidil-Aqsa di awal surah dan dengan sebahagian dari kisah Bani Israel dengan Musa a.s. Begitu juga ia iringi kisah ini dengan menyebut alam Akhirat di mana Fir'aun dan kaumnya dibawa (ke muka pengadilan Ilahi) kerana ada hubungan dengan pemandangan Qiamat yang baru lepas tadi dalam surah ini, juga ada hubungan dengan akibat yang diterima oleh para pendusta hari kebangkitan yang digambarkan oleh pemandangan ini.

Sembilan mu'jizat yang disebutkan di sini ialah mu'jizat tangan keluar putih melepak, mu'jizat tongkat dan mu'jizat-mu'jizat 'azab yang menimpa Fir'aun dan kaumnya iaitu 'azab kemarau, kekurangan hasil buah-buahan, bala banjir besar, belalang, kutu, katak-katak dan darah:

فَسْـَٔلْ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ إِذْ جَآءَهُمْ

"Oleh itu tanyalah (perkara ini) kepada Bani Israel ketika Musa datang kepada mereka."(101)

Mentaliti Pemerintah Fir'aun Yang Zalim

Merekalah saksi-saksi yang melihat apa yang telah berlaku di antara Musa dan Fir'aun:

فَقَالَ لَهُۥ فِرْعَوْنُ إِنِّى لَأَظُنُّكَ يَٰمُوسَىٰ مَسْحُورًا ﴿١٠١﴾

"Lalu Fir'aun berkata kepadanya: Wahai Musa! Sesungguhnya aku fikir engkau ini adalah seorang yang terkena sihir."(101)

Pada hemat pemerintah-pemerintah yang zalim, kalimat kebenaran, konsep mentauhidkan Allah, konsep menyeru manusia supaya meninggalkan kezaliman, pencabulan dan penindasan itu adalah tidak terbit melainkan dari seorang yang terkena sihir yang tidak mengerti apa yang dikatakannya. Oleh sebab itu pemerintah-pemerintah yang zalim seperti Fir'aun tidak berupaya untuk memahami konsep-konsep ini, dan tiada seorang pun dari mereka yang sanggup memperkatakan tentang konsep-konsep ini selama dia masih memiliki daya kekuatan akalnya.

Adapun Musa a.s. beliau merasa begitu yakin dengan kebenaran yang gilang-gemilang ditugaskan kepada beliau menyampaikannya kepada manusia. Beliau merasa begitu yakin bahawa Allah tetap menolongnya dan menghukum perintah-perintah yang zalim:

قَالَ لَقَدْ عَلِمْتَ مَآ أَنزَلَ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ بَصَآئِرَ وَإِنِّى لَأَظُنُّكَ يَٰفِرْعَوْنُ مَثْبُورًا ﴿١٠٢﴾

"Jawab Musa: Sesungguhnya engkau sendiri mengetahui bahawa tiada siapa yang berkuasa menurunkan mu'jizat-mu'jizat itu melainkan Tuhan yang memiliki langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang jelas. Sesungguhnya, wahai Fir'aun, aku fikir engkau akan binasa."(102)

Engkau akan musnah dan binasa sebagai balasan terhadap perbuatan engkau yang telah mendustakan mu'jizat-mu'jizat Allah, sedangkan engkau mengetahui tiada siapa selain dari Allah yang berkuasa menciptakan mu'jizat-mu'jizat ini. Di samping itu mu'jizat-mu'jizat ini adalah amat jelas dan terang kepada segala matahati nurani hingga seolah-olah mu'jizat-mu'jizat ini merupakan matahati-matahati nurani yang begitu jelas mendedahkan hakikat-hakikat itu.

Di waktu itulah Fir'aun yang zalim bertindak menggunakan kekuatan fizikalnya dan berazam untuk menghapuskan Bani Israel dari bumi Mesir:

فَأَرَادَ أَن يَسْتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ

"Dia mahu mengusir mereka dari negeri Mesir."(103)

Demikianlah mentaliti pemerintah-pemerintah yang zalim untuk menentang dan menolak kalimat kebenaran.

Di waktu itulah juga berlakunya keputusan Allah ke atas pemerintah yang zalim, dan terlaksananya Sunnatullah yang membinasakan orang-orang yang zalim dan menyerahkan warisan negeri kepada golongan Mu'minin yang lemah dan sabar:

فَأَغْرَقْنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ جَمِيعًا ﴿١٠٣﴾

"Lalu Kami tenggelamkannya bersama seluruh pengikutnya."(103)

وَقُلْنَا مِنۢ بَعْدِهِۦ لِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱسْكُنُوا۟ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾

"Dan Kami telah berkata kepada Bani Israel selepas kebinasaan Fir'aun: Tinggallah kamu di negeri ini dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul bercampur-baur (di Mahsyar)."(104)

Demikianlah akibat pendustaan terhadap mu'jizat-mu'jizat, dan demikianlah caranya Allah mewariskan sesebuah negeri kepada golongan orang yang lemah di mana segala-galanya bergantung kepada tindak-tanduk dan tingkahlaku mereka. Di awal surah ini kita telah pun mengetahui bagaimana kesudahan Bani Israel dan di sini penjelasan ayat menyerahkan mereka dan musuh-musuh mereka kepada balasan-balasan Akhirat:

"Dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul bercampur-baur (di Mahsyar)."(104)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 105 - 109)

Itulah contoh-contoh mu'jizat dan bagaimana ia disambut oleh para pendusta dan bagaimana Sunnatullah bertindak terhadap mereka. Adapun kitab suci Al-Qur'an, maka ia telah membawa kebenaran supaya menjadi mu'jizat yang kekal dan ia diturunkan berdikit-dikit supaya ia dibaca perlahan-lahan dalam waktu yang panjang:

Lunas Dan Cara Al-Qur'an Diturunkan

"Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan lunas kebenaran dan dengan lunas kebenaran turunnya Al-Qur'an. Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran(105). Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan berdekit-dekit supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan Kami telah turunkannya secara beransur-ansur."(106)

Al-Qur'an ini datang untuk mendidik umat dan menegakkan sistem hidup, kemudian umat inilah yang akan membawa Al-Qur'an ke merata pelosok bumi Timur dan Barat dan mengajar sistem ini kepada seluruh manusia mengikut methodologi yang sempurna dan sepadu. Justeru itulah Al-Qur'an diturunkan berdikit-dikit mengikut keperluan-keperluan umat Muslimin yang realistik dan mengikut keadaan-keadaan yang wujud dalam tempoh didikan yang pertama. Proses pendidikan itu telah berlangsung dalam waktu yang lama dan dengan ujian-ujian amali dalam waktu yang lama. Al-Qur'an diturun untuk membentuk satu sistem hidup yang amali yang dilaksanakan sebabak demi sebabak di peringkat penyediaan. Ia bukannya suatu kefahaman secara teori dan bukan pula suatu gagasan abstrak yang dikemukakan untuk tujuan tatapan dan mendapat keni'matan mental!

Itulah hikmat Al-Qur'an itu diturunkan beransur-ansur bukannya diturunkan sebuah kitab sekali gus dari detik pertama lagi.

Atas konsep inilah Al-Qur'an telah diterima oleh generasi Muslimin yang pertama. Mereka telah menerimanya sebagai suatu bimbingan yang dilaksanakan di alam realiti hidup setiap kali mereka menerima sesuatu perintah dan larangan darinya atau menerima sesuatu peraturan adab susila atau kewajipan yang difardhukan ke atas mereka. Mereka tidak menerima Al-Qur'an selaku bahan keni'matan akliyah atau keni'matan kejiwaan sebagaimana mereka menerima sajak-sajak dan karya-karya sastera, dan bukan pula sebagai hiburan dan penglipurlara seperti mereka membaca cerita-cerita dan dongeng-dongeng. Mereka mencorakkan kehidupan seharian mereka dengan Al-Qur'an. Mereka mencorakkan perasaan-perasaan dan hati nurani mereka dengan Al-Qur'an. Mereka mencorakkan tingkah laku, kegiatan hidup, rumahtangga dan kehidupan mereka dengan Al-Qur'an. Justeru itu Al-Qur'an merupakan satu-satunya cara hidup mereka, di mana mereka membuang cara hidup yang lain yang diwarisi mereka atau cara-cara hidup yang diketahui dan diamalkan mereka sebelum kedatangan Al-Qur'an kepada mereka.

Ujar Ibn Mas'ud r.a.: Biasanya seorang dari angkatan kami apabila dia mempelajari sepuluh ayat Al-Qur'an, dia tidak akan melebihi sepuluh ayat

sehingga dia telah memahami segala makna dan tujuannya serta beramal dengannya.

Allah telah menurunkan Al-Qur'an ini berlandaskan lunas kebenaran ((وبالحق أنزلناه)) *"Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan lunas kebenaran .....(105)"*.

Maksudnya, Al-Qur'an diturun untuk menegakkan kebenaran di bumi.

((وبالحق نزل)) - "Dan dengan lunas kebenaran turunnya Al-Qur'an....."(105)

Lunas kebenaran menjadi bahan pembicaraan Al-Qur'an dan lunas kebenaran menjadi matlamatnya. Tiang seri Al-Qur'an ialah lunas kebenaran dan pusat perhatiannya ialah lunas kebenaran, iaitu lunas kebenaran semulajadi yang bertapak kukuh di dalam undang-undang alam al-wujud, kebenaran yang menjadi tapak asas penciptaan langit dan bumi yang telah dijadikan Allah dan bersebati dengan keduanya. Al-Qur'an berhubung rapat dengan undang-undang seluruh alam buana, Al-Qur'an menyebut dan menunjuk kepada undang-undang itu dan ia sendiri merupakan sebahagian dari undang-undang itu. Justeru itu lunas kebenaran merupakan darah daging Al-Qur'an dan merupakan bahan dan matlamat pembicaraan Al-Qur'an, sedangkan Rasulullah s.a.w. adalah ditugaskan membawa berita gembira dan amaran mengenai lunas kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an.

Di sini Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menghadapi kaum Musyrikin dengan lunas kebenaran ini dan meninggalkan mereka bebas memilih jalan mereka masing-masing. Jika mereka mahu, mereka boleh beriman kepada Al-Qur'an dan jika mereka mahu, mereka boleh menolaknya, tetapi mereka harus memikul tanggungjawab terhadap pilihan itu. Kemudian Allah meletakkan di hadapan mata mereka satu contoh yang menunjukkan bagaimana kaum Mu'minin Ahlil-Kitab dari Yahudi dan Nasara yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an itu menerima dan menyambut Al-Qur'an, semoga kisah mereka menjadi contoh teladan yang baik kepada mereka kerana mereka kaum yang ummi yang tidak pernah diberikan ilmu dan kitab suci:

قُلْ ءَامِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوْ لَا تُؤْمِنُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ مِن قَبْلِهِۦٓ إِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ سُجَّدًا ﴿١٠٧﴾ وَيَقُولُونَ سُبْحَـٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾ وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ۩ ﴿١٠٩﴾

"Katakanlah: Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an atau tidak beriman. Sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an apabila dibacakan kepada mereka Al-Qur'an mereka terus menyembamkan muka mereka sujud (kepada Allah) (107). Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami tu tetap terkota(108). Dan mereka menyembamkan muka mereka menangis dan mereka bertambah khusyu'."(109)

Itulah satu pemandangan yang amat menarik yang menyentuh hati, iaitu pemandangan (kaum Ahlil-Kitab) yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an. Mereka mendengar Al-Qur'an dengan penuh khusyu' dan:

يَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ سُجَّدًا ﴿١٠٧﴾

"Dan mereka terus menyembamkan muka mereka sujud (kepada Allah)."(107)

Yakni mereka tidak dapat lagi mengawal dan menahan diri mereka. Mereka tidak melakukan gerak sujud biasa tetapi mereka menyembamkan muka mereka sujud kemudian lidah mereka meluahkan pula perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka terhadap kebesaran Allah dan kebenaran janji-Nya:

وَيَقُولُونَ سُبْحَـٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾

"Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu tetap terkota."(108)

Mereka amat terharu dan seluruh kata-kata tidak cukup untuk menggambarkan perasaan yang berkecamuk di dalam dada mereka, tiba-tiba air mata mereka bercucuran mengungkapkan perasaan-perasaan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ

"Dan mereka menyembamkan muka mereka menangis."(109)

وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ﴿١٠٩﴾

"Dan mereka bertambah khusyu'."(109)

Yakni perasaan khusyu' mereka semakin bertambah mendalam melebihi perasaan khusyu' ketika mereka menyambut ayat-ayat Al-Qur'an itu.

Adab Berdo'a Dengan Nama-nama Allah

Itulah pemandangan yang menggambarkan perasaan yang penuh terharu. Ia menggambarkan kesan Al-Qur'an di dalam hati yang terbuka untuk menerima pancarannya, iaitu hati yang mengenal hakikat dan nilai Al-Qur'an kerana ia telah dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an. Dan ilmu pengetahuan yang dimaksudkan itu ialah ilmu yang telah diturunkan Allah di dalam kitab suci sebelum Al-Qur'an kerana ilmu yang sebenar ialah ilmu yang datang dari sisi Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 110)

Pemandangan yang menarik yang menggambarkan sifat orang-orang yang telah dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an ditayangkan di dalam ayat-ayat ini selepas Allah memberi pilihan yang bebas kepada kaum Musyrikin sama ada mereka mahu beriman atau tidak terhadap Al-Qur'an. Kemudian Allah iringi pula dengan sebuah pernyataan yang memberi kebebasan kepada mereka berdo'a kepada Allah dengan mana-mana nama-Nya yang disukai mereka, kerana menurut anggapan-anggapan jahiliyah mereka yang karut, mereka tidak suka menamakan Allah dengan nama ar-Rahman dan mereka tidak menafikan nama itu sebagai nama Allah, sedangkan nama itu adalah nama Allah dan mereka adalah bebas berdo'a dengan mana-mana nama Allah yang disukai mereka:

قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ أَوِ ٱدْعُوا۟ ٱلرَّحْمَٰنَ ۖ أَيًّا مَّا تَدْعُوا۟ فَلَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ

"Katakanlah: Berdo'alah dengan nama Allah atau nama ar-Rahman apa sahaja nama yang kamu seru (adalah baik belaka) kerana Allah mempunyai nama-nama yang paling indah."(110)

Itulah anggapan-anggapan karut jahiliyah dan kepercayaan paganisme yang tidak mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi perdebatan dan perbahasan.

Begitu juga Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya membaca dalam solatnya dengan suara yang sederhana di antara nyaring dan perlahan, kerana kaum Musyrikin selalu mempermain-mainkan solatnya dan menyakiti beliau atau kerana mereka selalu memperlihatkan kebencian dan sikap menjauhkan diri. Itu mungkin kerana bacaan yang sederhana di antara nyaring dan perlahan merupakan bacaan yang lebih sesuai untuk mengadap Allah:

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَٱبْتَغِ بَيْنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

"Dan janganlah engkau terlalu nyaringkan bacaan do'a dan solat dan jangan pula terlalu memperlahankannya. Carilah bacaan yang sedarhana di antara keduanya."(110)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 111)

Surah ini ditamatkan dengan memuji Allah - sama seperti ia dimulakan - dan dengan menjelaskan konsep wahdaniyah Allah tanpa anak dan sekutu dan membersihkan Allah dari keperluan kepada penaung dan pembantu, kerana Allah Maha Tinggi dan Maha Agung. Ayat penamat ini menyaringkan pembicaraan pokok surah ini yang dimula dan diakhiri dengannya:

وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى ٱلْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ وَلِىٌّ مِّنَ ٱلذُّلِّ ۖ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًۢا ﴿١١١﴾

"Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindungi-Nya dari kehinaan, dan takbirkan-Nya dengan sebesar-besar takbir."(111)